| 9   | Encik Jeffrey Chew Sun Teong<br><i>(dilantik pada 15/2/2013)</i>                                  | 4/6                | 67  |

### b) Kehadiran Para Pengarah dan Pengurusan di Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah

#### 1.0 Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit

Peranan utama Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit adalah untuk menyelia laporan kewangan syarikat dan pembentangan maklumat dilaksanakan secara telus serta proses pengauditan adalah sejajar dengan amalan terbaik dalam standard amalan pengauditan, keperluan undang-undang dan kawalselia, juga standard tadbir urus korporat. Jawatankuasa ini menasihati dan memberikan cadangan untuk penambahbaikan kepada Lembaga Pengarah bagi perkara-perkara yang berkaitan perakaunan, laporan kewangan dan kawalan dalaman syarikat. Ini bertujuan untuk memastikan syarikat mengekalkan kawalan dalaman yang kukuh melalui penggunaan sistem laporan audit yang menyeluruh.

#### Tugas dan Tanggungjawab

Jawatankuasa ini juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan semakan terhadap perkara-perkara berikut:

- i. Kualiti dan integriti maklumat kewangan;
- ii. Keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan dan pematuhan amalan tadbir urus;
- iii. Prestasi, kelayakan dan kebebasan juruaudit luar
- iv. Prestasi fungsi audit dalaman Perbadanan; dan
- v. Pematuhan Perbadanan terhadap keperluan perundangan dan kawalselia yang ditetapkan.

### Kehadiran Bagi Tahun 2013

Semasa suku pertama 2013, Jawatankuasa Audit yang terdiri dari 2 ahli iaitu Encik Md. Yusof Hussin sebagai Pengerusi sebelum Perbadanan membuat perubahan kepada Lembaga Pengarah dengan melantik Datuk Zaiton Mohd Hassan menjawat sebagai bersama-sama dengan pelantikan 3 pengarah baru sepanjang tahun 2013. Jawatankuasa Audit juga dinamakan semula sebagai Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit. Sepanjang tahun kajian, sejumlah enam (6) Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit telah diadakan dengan kehadiran Ahli seperti berikut:

| No. | Pengarah                             | Kekerapan | %   |
|-----|--------------------------------------|-----------|-----|
| 1   | Datuk Zaiton Mohd Hassan (Pengerusi) | 6/6       | 100 |
| 2   | Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed        | 3/3       | 100 |
| 3   | Datuk P. Kasi                        | 3/3       | 100 |
| 4   | Datuk David Chua Kok Tee             | 3/3       | 100 |
| 5   | Encik Md. Yusof Hussin               | 3/3       | 100 |

### 2.0 Jawatankuasa Pelaburan Lembaga

Jawatankuasa Pelaburan menentukan hala tuju strategik pelaburan Perbadanan dengan menyemak semula peruntukan aset dan pelaburan portfolio setahun sekali atau lebih awal, jika perlu dan ianya dicapai dengan mengambilkira situasi makroekonomi semasa dan akan datang serta kehendak pulangan risiko Perbadanan.

### Tugas dan Tanggungjawab

Peranan-peranan utama Jawatankuasa Pelaburan adalah seperti berikut:

- Mengkaji semula prestasi portfolio pelaburan;
- Mengkaji semula had/sasaran, tempoh dan struktur terma dan juga had tumpuan pasaran bagi setiap kategori aset;
- Memastikan adanya laporan berkala dan mencukupi serta sistem kawalan dalaman tersedia; dan
- Membincangkan cadangan pelaburan yang dibuat oleh pihak Pengurusan.

### Kehadiran Bagi Tahun 2013

Jawatankuasa Pelaburan terdiri dari 4 ahli. Sepanjang tahun kajian, sejumlah 4 mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan telah diadakan dengan kehadiran ahli jawatankuasa seperti berikut:

| No. | Pengarah                           | Kekerapan | %   |
|-----|------------------------------------|-----------|-----|
| 1   | Encik Md. Yusof Hussin (Pengerusi) | 4/4       | 100 |
| 2   | Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed      | 4/4       | 100 |
| 3   | Datuk Wan Azhar Wan Ahmad          | 4/4       | 100 |
| 4   | Encik Jeffrey Chew Sun Teong       | 3/4       | 75  |

### 3.0 Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko membantu Lembaga Pengarah dengan mengadakan forum khusus untuk menimbang dan memutuskan isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan risiko. Jawatankuasa ini memainkan peranan sebagai penasihat yang membantu Lembaga Pengarah dalam mengenalpasti, menilai, mengurus dan mengawal risiko-risiko berkaitan kredit, pasaran, kecairan, operasi, perundangan dan lain-lain risiko untuk memastikan proses pengurusan risiko yang efektif tersedia. Jawatankuasa ini kerap kali bermesyuarat dan sentiasa menyemak serta menilai rangka kerja pengurusan risiko yang sedia ada dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah bagi memastikan Perbadanan mengambil pendekatan yang menyeluruh dalam menangani isu-isu pengurusan risiko.

#### Tugas dan Tanggungjawab

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko:

- i. Menyediakan hala tuju bagi strategi pengurusan risiko menyeluruh;
- ii. Mengkaji semula polisi dan prosedur untuk mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal pendedahan risiko;
- iii. Mengkaji semula kepatuhan pihak pengurusan terhadap polisi dan prosedur sedia ada yang berkaitan dengan pengurusan risiko;
- iv. Menyemak had kelulusan kredit yang dibenarkan kepada warga kerja tertentu, selaras dengan polisi dan prosedur yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- v. Mengkaji semula penilaian pihak pengurusan terhadap pematuhan undang-undang dan kawalselia yang berkaitan; dan
- vi. Mengkaji perkara-perkara lain yang berkaitan pengurusan risiko seperti yang dirujuk oleh Lembaga Pengarah kepada jawatankuasa ini.

### Kehadiran Bagi Tahun 2013

Jawatankuasa Pengurusan Risiko terdiri dari enam (6) ahli pada suku pertama 2103 sebelum Perbadanan menyemak semula keanggotaan jawatankuasa kepada 4 ahli dengan mengecualikan Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed dan Datuk Zaiton Mohd Hassan sepanjang baki tahun 2013. Semasa tahun kajian, sejumlah 6 mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko diadakan dengan kehadiran ahli jawatankuasa seperti berikut:

| No. | Pengarah  | Kekerapan | %   |
|-----|---|-----------|-----|
| 1   | Datuk P. Kasi<br><i>(dilantik sebagai Pengerusi pada 29/3/2013)</i>                           | 4/4       | 100 |
| 2   | Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed<br><i>(meletakkan jawatan sebagai Pengerusi pada 29/3/2013)</i> | 2/2       | 100 |
| 3   | Encik Md. Yusof Hussin<br><i>(dilantik pada 29/3/2013)</i>                                    | 4/4       | 100 |
| 4   | Datuk David Chua Kok Tee<br><i>(dilantik pada 29/3/2013)</i>                                  | 3/4       | 75  |
| 5   | Encik Jeffrey Chew Sun Teong<br><i>(dilantik pada 29/3/2013)</i>                              | 4/4       | 100 |
| 6   | Datuk Zaiton Mohd Hassan<br><i>(meletakkan jawatan pada 29/3/2013)</i>                        | 2/2       | 100 |

#### 4.0 Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera

Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera memberikan panduan strategik dan hala tuju bagi pembangunan usahawan Bumiputera yang berdaya maju di bawah pelbagai program Perbadanan. Jawatankuasa ini juga mengawalselia perkara-perkara yang berhubungkait dengan pengurusan dan operasi dana-dana khas yang diperuntukkan bagi faedah usahawan-usahawan Bumiputera dan keseluruhan program-program pembangunan usahawan Bumiputera.

##### Tugas dan tanggungjawab

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab bagi Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera:

- i. Memastikan usahawan-usahawan Bumiputera diberikan akses pembiayaan yang sewajarnya dengan kos yang berpatutan;
- ii. Memastikan dana-dana khas diuruskan dengan baik dan disalurkan kepada usahawan-usahawan Bumiputera yang layak;
- iii. Memastikan polisi-polisi dan prosedur-prosedur yang sesuai diwujudkan untuk mengurus dan mengendalikan dana-dana khas;
- iv. Mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah atau pihak berkuasa yang berkenaan mengenai polisi dan prosedur berkaitan dengan pembangunan usahawan Bumiputera;
- v. Mengawalselia program-program pembangunan usahawan Bumiputera dan menyediakan khidmat nasihat; dan
- vi. Membincang dan mengesyorkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan usahawan Bumiputera yang dirujuk oleh Lembaga Pengarah kepada jawatankuasa ini.

#### Kehadiran Bagi Tahun 2013

Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera terdiri dari lima (5) ahli. Sepanjang tahun kajian, sejumlah 4 mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera sepatutnya diadakan tetapi terdapat permintaan untuk mengurangkan kekerapan mesyuarat dari suku tahunan kepada dua kali setahun. Cadangan tersebut tidak dipersetujui oleh Bank Negara Malaysia. Oleh yang demikian terdapat kekurangan bilangan mesyuarat dan mesyuarat kembali kepada suku tahunan dengan kehadiran ahli jawatankuasa seperti berikut:

| No. | Pengarah                                  | Kekerapan | %   |
|-----|---|-----------|-----|
| 1   | Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed (Pengerusi) | 3/3       | 100 |
| 2   | Encik Md. Yusof Hussin                    | 3/3       | 100 |
| 3   | Datuk Zaiton Mohd Hassan                  | 3/3       | 100 |
| 4   | Datuk Wan Azhar Wan Ahmad                 | 3/3       | 100 |
| 5   | Datuk David Chua Kok Tee                  | 1/3       | 33  |

#### 5.0 Jawatankuasa Penamaan & Imbuan

Jawatankuasa Imbuan telah dinamakan semula sebagai Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan berkuatkuasa Januari 2012. Selaras dengan perubahan ini, peranannya juga diperluaskan untuk meliputi penamaan sebagai salah satu tugas utama.

Objektif Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan adalah untuk membantu Lembaga Pengarah seperti berikut:

- i. Perlantikan dan Ganjaran/Imbuan para Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif (jika ada) serta penilaian keberkesanan Pengarah individu, Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Penyemak Lembaga dan penilaian prestasi Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif (jika ada) dan Pengurusan Kanan.
- ii. Polisi-polisi penting, strategi dan amalan sumber manusia, perancangan penggantian pengurusan, prestasi dan sistem imbuan, tatalaku perniagaan dan tingkah laku beretika warga kerja Perbadanan.

### Tugas dan Tanggungjawab

- i. BNRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mengkaji semula, memutuskan dan/atau meluluskan perkara-perkara berikut:
  - a) Keperluan minimum, kemahiran yang pelbagai, pengalaman, kelulusan dan lain-lain kecekapan teras, terma dan syarat kontrak pekerjaan untuk Pengurusan Kanan  
Pengurusan Kanan merujuk kepada Naib Presiden Kanan dan Naib Presiden Eksekutif tetapi tidak termasuk Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif (jika ada)
  - b) Perlantikan, penamatan perkhidmatan dan pembaharuan kontrak pekerjaan dan penilaian prestasi Pengurusan Kanan;
  - c) Perancangan Penggantian untuk Pengurusan Kanan

- d) Pelaksanaan dan kajian semula Program Latihan Pengarah bagi membolehkan Pengarah mendapat perkembangan terkini industri
  - e) Melantik juru perunding/penasihat bagi memberikan perkhidmatan profesional dan maklumat dalam melaksanakan tugas BNRC bagi memastikan Ahli-Ahli BNRC boleh membuat keputusan yang tepat dan mencadangkannya kepada Lembaga.
- ii. BNRC bertanggungjawab untuk mengkaji semula/menilai dan mencadangkan perkara-perkara berikut kepada Lembaga:
    - a) Komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah dari segi saiz yang bersesuaian dan kemahiran serta keseimbangan di antara Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif (jika ada), Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas;
    - b) Keperluan minimum Lembaga Pengarah, kepelbagaian kemahiran yang diperlukan, pengalaman, kelayakan dan lain-lain kecekapan teras yang perlu ada pada Pengarah
    - c) Keperluan minimum bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif (jika ada), kepelbagaian kemahiran yang diperlukan, pengalaman, kelayakan dan lain-lain kecekapan teras yang perlu ada pada Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif (jika ada)
    - d) Calon-calon untuk jawatan Pengarah, keanggotaan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif (jika ada) dan Setiausaha Syarikat (di mana perlu untuk penilaian bagi perlantikan semula)

- e) Rangka kerja ganjaran/imbuan untuk para Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif (jika ada) untuk kelulusan Lembaga Pengarah di mana rangka kerja ini akan turut meliputi aspek ganjaran/imbuan termasuk fi Pengarah, gaji, elaun, bonus dan lain-lain imbuhan.
- f) Mekanisma untuk penilaian formal berkenaan kecekapan keseluruhan Lembaga dan sumbangan setiap Pengarah kepada kecekapan Lembaga, sumbangan Jawatankuasa Penyemak Lembaga dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif (jika ada) dimana penilaian tahunan akan di buat berdasarkan kriteria prestasi yang objektif yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- g) Pemecatan Pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif (jika ada) dari Lembaga Pengarah atau Pengurusan sekiranya Pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif (jika ada) tidak efektif, menyeleweng atau cuai dalam menjalankan tugas.
- h) Polisi utama sumber manusia, strategi, prestasi dan sistem imbuhan bagi menggalakkan tatalaku warga kerja yang beretika ketika menjalankan perniagaan, komitmen warga kerja terhadap operasi Perbadanan dan tahap kepuasan warga kerja yang tinggi.

**Kehadiran Bagi Tahun 2013**

Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan terdiri dari enam (6) ahli. Sepanjang tahun kajian, sejumlah 5 mesyuarat Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan telah diadakan dan kehadiran ahli jawatankuasa adalah seperti berikut:

| No. | Pengarah  | Kekerapan | %   |
|-----|---|-----------|-----|
| 1   | Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz<br><i>(meletakkan jawatan sebagai Pengerusi pada 1/6/2013)</i>                             | 2/2       | 100 |
| 2   | Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed<br><i>(meletakkan jawatan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah yang ke 282 pada 11 Julai 2013)</i> | 4/4       | 100 |
| 3   | Dato' Agil Natt<br><i>(dilantik semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah yang ke 282 pada 11 Julai 2013 sebagai Pengerusi)</i>       | 1/1       | 100 |
| 4   | Datuk P. Kasi<br><i>(dilantik semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah yang ke 280 pada 29 Mac 2013 sebagai Ahli)</i>                | 2/3       | 67  |
| 5   | Datuk Zaiton Mohd Hassan<br><i>(dilantik semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah yang ke 280 pada 29 Mac 2013 sebagai Ahli)</i>     | 3/3       | 100 |
| 6   | Encik Jeffrey Chew Sun Teong<br><i>(dilantik semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah yang ke 280 pada 29 Mac 2013 sebagai Ahli)</i> | 2/3       | 67  |

## c) Jawatankuasa Pengurusan

Peranan utama jawatankuasa-jawatankuasa Pengurusan adalah sebagai sumber utama hala tuju dan pembuat keputusan bagi operasi jabatan-jabatan dalam Perbadanan. Mereka membina rangkakerja bagi semua jabatan untuk memastikan pengurusan isu yang dihadapi oleh Perbadanan di tangani sebaiknya dan semua keputusan dibuat untuk mengurangkannya. Terdapat sejumlah 12 Jawatankuasa-Jawatankuasa Pengurusan sepanjang tahun kajian sebagaimana tersenarai dibawah:

1. Jawatankuasa Pengurusan
2. Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan
3. Jawatankuasa Pentadbiran dan Operasi
4. Jawatankuasa Pengurusan Pinjaman
5. Jawatankuasa Pengurusan Tuntutan
6. Jawatankuasa Teknologi Maklumat
7. Jawatankuasa Pemandu Teknolgi Maklumat
8. Jawatankuasa Operasi Pengurusan Risiko
9. Jawatankuasa Pematuhan Audit
10. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kredit
11. Jawatankuasa Pengurusan Aset Khas
12. Jawatankuasa Pelan Kesenambungan Perniagaan

## PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

Lembaga Pengarah dan Pengurusan menyedari kepentingan untuk mengekalkan ketelusan, ketekalan dan kebertanggungjawaban kepada pemegang saham kami dan mematuhi rangka kerja tadbir urus korporat bagi memastikan kejayaan berterusan Perbadanan. Dalam hal ini Perbadanan komited untuk memastikan sebaran maklumat utama yang tepat pada masanya kepada pemegang saham.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah akan membentangkan kemajuan dan prestasi perniagaan Perbadanan. Lembaga Pengarah menghargai sesi dialog dengan pemegang saham dan menghargai minat pemegang saham

terhadap prestasi Perbadanan. Pemegang-pemegang saham adalah digalakkan untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab mengenai cadangan resolusi atau mengenai operasi am Perbadanan. Lembaga Pengarah serta Juru Audit Luar Perbadanan juga turut hadir untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh pemegang-pemegang saham semasa mesyuarat.

Penerbitan Laporan Tahunan dan laman sesawang perbadanan, [www.cgc.com.my](http://www.cgc.com.my) merupakan saluran komunikasi lain yang disediakan untuk para pemegang saham bagi memastikan mereka mempunyai akses yang mudah kepada maklumat penting, prestasi kewangan dan inisiatif utama Perbadanan sepanjang tahun.

## TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH TERHADAP AUDIT DALAMAN

Audit dalaman adalah aspek utama dalam tadbir urus korporat yang membolehkan Perbadanan beroperasi dengan efektif. Melalui proses ini, Perbadanan boleh mendapatkan jaminan bahawa operasinya berjalan sebagaimana yang dirancang. Lembaga Pengarah komited untuk menjalankan kajian semula sistem audit Perbadanan dalam usaha untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan operasinya. Lembaga Pengarah ditugaskan untuk memberikan makumbalas membina bagi memastikan sistem kawalan dalaman yang memuaskan, pematuhan kepada polisi dan process yang telah tersedia serta telus dalam proses membuat keputusan, di mana semuanya mempunyai kepentingan terhadap prestasi perniagaan Perbadanan dan integrity sebagai sebuah organisasi.

## AUDIT DALAMAN

Proses audit dalaman adalah proses yang perlu dibuat oleh Perbadanan bagi mendapatkan jaminan objektif dan bebas bahawa elemen kawalan dan risiko yang berkesan dalam keseluruhan rangka kerja tadbir urus korporat, telah tersedia. Tugas untuk menjalankan pengauditan terletak pada Jabatan Audit Dalaman yang menjalankan audit terhadap operasi berbagai jabatan untuk mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman, kualiti prestasi operasi berbanding standard sedia ada dan sistem maklumat, sama ada ia berfungsi sebagaimana sepatutnya dan membuat analisis serta memberikan cadangan yang bersesuaian.

## MESEJ DARIPADA PENGERUSI

Para Pemegang Saham Sekalian,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Ini merupakan mesej pertama saya selaku Pengerusi dan saya berterima kasih kepada Lembaga Pengarah dan Bank Negara Malaysia (BNM) kerana memberi peluang kepada saya untuk memimpin CGC ke tahap yang lebih tinggi.

► **Dato' Agil Natt**  
Pengerusi





Usaha CGC untuk meningkatkan akses pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berdaya maju dan yang kurang mendapat perhatian melalui produk dan servis yang inovatif telah memberikan kesan yang besar dari segi jangkauan PKS. Jumlah pinjaman yang dijamin pada tahun 2013 telah meningkat sebanyak 45% (RM1.5 bilion) berbanding dengan tahun sebelumnya (RM1.1 bilion). Sejak penubuhannya pada tahun 1972, CGC telah menjamin 422,585 pinjaman PKS bernilai RM52.9 bilion.

CGC juga telah mencatatkan pertumbuhan yang cemerlang dari segi prestasi kewangan, di mana jumlah pendapatan operasi ialah RM281.7 juta dan keuntungan bersih pula sebanyak RM121.1 juta. Sukacita dimaklumkan bahawa CGC telah mencatatkan pertumbuhan menguntungkan empat tahun berturut-turut mulai tahun 2010.

Dengan prestasi kewangan kukuh dan pengurusan berhemat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, CGC telah dapat memperkukuh dan mengekalkan kedudukan kewangan yang sihat dalam melaksanakan mandatnya. Ini terbukti dari segi keupayaannya untuk membayar balik RM700 juta pinjaman dari Bank Negara Malaysia mengikut garis masa yang ditetapkan pada November 2013, selaras dengan seruan Kerajaan untuk syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan agensi-agensi bagi mencapai kemampunan kewangannya. Sehingga kini, CGC telah membayar balik RM2.2 bilion pinjaman dari BNM. Ini mencerminkan komitmen dan keupayaannya untuk terus memberikan jaminan kredit kepada PKS melalui dana dalaman. Pembayaran balik pinjaman tidak menjejaskan keupayaan CGC untuk terus memberi jaminan kredit kepada PKS pada kos yang berpatutan, berdasarkan modal asas yang sihat.

## RANGKUMAN KEWANGAN YANG LEBIH MELUAS

Menurut Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2013, pembiayaan PKS kekal teguh dengan kelulusan dan pengeluaran mencatatkan pertumbuhan dua angka dengan sebahagian besar daripada pinjaman disalurkan kepada sektor perdagangan, borong dan runcit serta perkilangan. Pembiayaan kepada PKS meningkat kepada 42.1% daripada jumlah pembiayaan perniagaan pada akhir tahun 2013. Tidak hairanlah bahawa Malaysia telah disenaraikan di petak teratas dari segi akses kepada kredit selama lima (5) tahun berturut-turut (2009-2013) di 'Laporan Menjalankan Perniagaan 2013' oleh Bank Dunia.

Bagi meningkatkan lagi akses pembiayaan untuk PKS yang berdaya maju disamping meluaskan jangkauan PKS, CGC telah memberi tumpuan kepada penyampaian produk-produk inovatif yang memenuhi keperluan PKS di samping memenuhi jangkaan segera dan jangka panjang rakan-rakan perniagaannya. Bagi tujuan tersebut, CGC telah menjalankan perkongsian strategik dengan dua (2) institusi kewangan (IK) termasuk IK Islam pada tahun berkenaan untuk menawarkan pembiayaan melalui Jaminan Portfolio (PG). Di mana, majlis menandatangani perjanjian PG dengan IK Islam adalah satu kejayaan besar bagi CGC. Ia adalah Skim Jaminan Portfolio Islam pertama di negara ini, satu usaha untuk mengembangkan pembiayaan perniagaan Islam selaras dengan rancangan Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

Di bawah skim Jaminan Portfolio yang telah memenangi anugerah, PKS akan mendapat pembiayaan kewangan termasuk kemudahan pembiayaan mengikut Syariah lebih cepat kerana kelulusan jaminan dan pemberian pinjaman dipermudahkan melalui kriteria kelayakan yang telah ditentukan, di samping prosedur permohonan dan dokumentasi yang mudah. Dengan rangkaian cawangan yang meluas di seluruh negara, kedua-dua institusi memberikan CGC akses kepada segmen pasaran baru terutama sekali perniagaan kecil. Kami percaya institusi kewangan lain akan merasakan ciri-ciri ini menarik dan menggalakkan mereka untuk mengambil bahagian dalam skim Jaminan Portfolio.

CGC juga telah meningkatkan usaha untuk memudahkan akses pembiayaan untuk PKS Bumiputera, satu langkah yang selaras dengan agenda pembangunan Bumiputera nasional. Di mana, CGC telah melancarkan skim jaminan baru khusus untuk PKS Bumiputera dengan menawarkan fasiliti pembiayaan yang bersesuaian dengan liputan jaminan yang lebih tinggi dan kadar yuran yang kompetitif.

CGC juga telah meningkatkan komitmennya untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (SPTH). Sebagai salah sebuah daripada dua (2) agensi pelaksanaan yang dimandatkan untuk menguruskan RM3.5 bilion dana yang ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 2010, ia telah meluluskan sejumlah 122 permohonan bernilai RM1.5 bilion. CGC akan terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai skim ini dan juga pengeluaran kerana ia masih mempunyai baki dana sebanyak RM2.0 bilion setakat Jun 2014.

Bagi memperingati ulang tahun ke-40 dan juga untuk pengurusan persepsi pihak berkepentingan yang utama iaitu Kerajaan, pemegang saham, dewan-dewan perniagaan dan PKS, CGC telah menerbitkan sebuah buku bertajuk 'Catalysing SME Growth' (Memangkin Pertumbuhan PKS). Buku ini mendokumentasikan perjalanan CGC selama 40 tahun, sebuah cerita menarik mengenai institusi sokongan penuh PKS pertama yang telah membentuk lanskap sektor PKS Malaysia ke tahap yang ketara. Sebagai sebuah institusi pembangunan kewangan yang dimulakan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 1972, CGC telah diilhamkan dari badan-badan serupa yang telah ditubuhkan oleh Bank Dunia dan bank-bank pusat di seluruh dunia yang telah berjaya dalam membantu untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi sektor perniagaan.

### HALUAN MASA DEPAN

Tahun 2014 dan seterusnya kelihatan cerah bagi PKS kerana mereka dijangka akan memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan dalam peralihan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Peruntukan besar sebanyak RM3.4 bilion dalam Bajet 2014 bagi pembangunan PKS dan peningkatan bilangan institusi kewangan bagi segmen pasaran PKS menyediakan pinjaman tidak bercagar yang lebih tinggi menunjukkan peranan kritikal PKS dalam ekonomi dan potensi dalam pembiayaan PKS.

Memandangkan peningkatan fokus terhadap PKS sebagai enjin pertumbuhan ekonomi, CGC akan terus berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada PKS dan institusi-institusi kewangan yang mengambil bahagian. Selaras dengan ini, beberapa inisiatif utama telah digariskan bagi pelaksanaan pada tahun 2014. Bagi membantu PKS yang amat sensitif dengan peningkatan kos menjalankan perniagaan, CGC telah memperkenalkan mekanisma rebat awal tahun ini. Rebate dalam bentuk diskaun dalam yuran jaminan ditawarkan kepada pelanggan yang layak dan telah mengekalkan rekod kredit yang baik. Objektif utama mekanisma rebat ini adalah untuk menggalakkan budaya kredit yang kukuh di kalangan PKS di negara ini. CGC juga sentiasa berhubung dengan institusi yang mengambil bahagian untuk mengurangkan kos pinjaman. Di samping itu, CGC sedang mempertimbangkan untuk menurunkan yuran jaminan bagi skim jaminan terpilih bertujuan untuk membantu meringankan kos pinjaman bagi PKS.

Bagi mengesahkan komitmennya untuk meningkatkan pembiayaan kepada semua lapisan PKS di negara ini, CGC akan terus meneroka peluang untuk memupuk perkongsian strategik dengan lebih banyak institusi kewangan untuk menawarkan skim Jaminan Portfolio yang sangat berjaya dan juga jaminan borong untuk pembiayaan perniagaan tidak bercagar. Konsep jaminan borong yang telah diilhamkan oleh CGC menyediakan kelebihan baru bagi industri perbankan dengan mengurangkan risiko bagi institusi pembiayaan dan membolehkan lebih modal diperuntukkan bagi pembiayaan PKS. Jaminan borong merupakan satu petanda baik bagi pembangunan pembiayaan perniagaan tidak bercagar di Malaysia.

CGC juga telah memutuskan untuk memberikan akses yang lebih tinggi kepada pembiayaan bagi PKS Bumiputera yang berpotensi dan berdaya maju. Sehubungan ini, ia telah memeterai perjanjian Jaminan Portfolio dengan sebuah bank utama untuk memastikan PKS Bumiputera bukan hanya dapat pilihan pembiayaan yang lebih meluas, tetapi juga mendapat akses yang lebih cepat kepada dana yang amat diperlukan. Dengan jangkaan peningkatan permintaan bagi skim pembiayaan yang mematuhi Syariah, CGC juga meningkatkan usaha untuk menubuhkan perkongsian strategik dengan institusi kewangan Islam yang lain.

Selaras dengan kedudukan baru jenamanya iaitu 'Powering Malaysian SMEs', CGC sedang bersedia ke arah membantu dan menerajui segmen PKS yang kurang menyerlah, terutamanya PKS yang baru memulakan perniagaan. Produk khas dan khidmat nasihat sedang direka bagi memenuhi keperluan segmen ini. Bagi memastikan tahap kesedaran terhadap CGC adalah tinggi dikalangan PKS untuk mereka mendapatkan pinjaman, satu kempen media sepanjang tahun telah dijalankan oleh CGC. Usaha ini dijangka dapat menaikkan kesedaran terhadap fungsi dan peranan CGC dan tanggungjawabnya sebagai peneraju utama bagi pembiayaan kepada PKS di dalam negara.

CGC juga akan terus mengekalkan usaha untuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi mengenai kepentingan mengekalkan rekod kredit yang baik dan budaya kredit yang kukuh di kalangan PKS. Melalui anak syarikatnya, Credit Bureau Malaysia, CGC telah secara aktif membantu PKS, khususnya peminjam-peminjamnya, untuk membina sejarah kredit dan rekod untuk meningkatkan lagi kredibiliti dan 'bankability' mereka bagi membolehkan mereka untuk berunding dengan pemberi kredit melalui merit mereka sendiri dan mendapatkan pembiayaan yang diperlukan pada kos yang munasabah. Biro beroperasi sebagai pusat sehati maklumat kredit PKS dan menjana penilaian kredit bebas, laporan perniagaan dan kredit melalui data yang sedia ada. PKS juga boleh mendapat manfaat daripada menggunakan laporan Biro sebagai alat penilaian sendiri untuk kedudukan kredit semasa mereka.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat, CGC akan meneroka potensi usaha sama dengan pusat-pusat pembangunan keusahawanan di institusi pengajian tinggi untuk memupuk pelajar menjadi individu yang berdaya usahawan. Kerjasama strategik ini akan membuka jalan untuk pelajar-pelajar membangunkan kemahiran mereka dalam bidang keusahawanan melalui penubuhan Pusat Pembangunan Usahawan dan melalui modul-modul Universiti.

## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada Ahli Lembaga Pengarah di atas pandangan dan sokongan padu yang telah diberikan mereka dalam merangka masa depan CGC. Tidak boleh dinafikan, sokongan mereka yang berterusan ini membolehkan CGC dapat mencapai matlamatnya.

Saya ingin mengalu-alukan ahli Lembaga Pengarah baru kami iaitu, Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman, Datuk Mohd. Nasir Ahmad, dan Encik Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli, yang telah menyertai Lembaga Pengarah CGC pada bulan Januari dan Mac 2014. Kami yakin bahawa dengan kelayakan dan pengalaman yang luas dalam pelbagai bidang, mereka akan membawa bersama pengetahuan dan kepakaran mendalam yang akan memberi manfaat kepada CGC. Kami berharap usaha mereka akan berterusan bagi beberapa tahun lagi.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan ikhlas kepada bekas pengerusi CGC, Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz bagi panduan dan nasihatnya kepada Lembaga Pengarah dari bulan November 2011 hingga 1 Jun 2013. Penghargaan kami juga disampaikan kepada tiga (3) ahli Lembaga Pengarah, Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed, Encik Md Yusof Hussin dan Datuk P. Kasi yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan mereka dan akan bersara selepas berkhidmat dengan CGC sejak 2005. Dalam tempoh perkhidmatan, mereka telah terlibat secara aktif dalam mesyuarat Lembaga Pengarah, di beberapa Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah dan juga anak syarikat dan syarikat bersekutu, dengan menawarkan nasihat pakar, pengalaman dan kepimpinan untuk membantu CGC menjadi kukuh. Kami menghargai sumbangan berwawasan dan dedikasi mereka untuk memajukan CGC dan mengharapkan yang terbaik untuk perancangan masa depan mereka.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan, rakan-rakan kami dalam industri perbankan, perniagaan, dewan perdagangan dan juga pemegang saham di atas sokongan serta kepercayaan berterusan mereka kepada CGC sebagai pemangkin pertumbuhan PKS di negara ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan CGC di atas segala usaha gigih, komitmen dan dedikasi mereka.

**Dato' Agil Natt**

## MESEJ DARIPADA PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pertumbuhan yang berterusan bagi semua sektor ekonomi yang didorong oleh permintaan dalam negeri terutamanya dalam sektor perkhidmatan yang berkembang sebanyak 5.9% dan keadaan luaran yang bertambah baik pada penggal dua tahun ini dengan ekonomi berkembang sebanyak 4.7%, mempunyai kesan positif ke atas prestasi keseluruhan CGC.

Pada tahun 2013, CGC mengekalkan momentum pertumbuhannya dalam dua aspek prioritiya iaitu memperluas jangkauan PKS dan mencapai kemampunan kewangan. Jangkauan PKS bertambah baik sebanyak 45% dengan jumlah 2,368 PKS mendapat manfaat daripada RM1.5 bilion pinjaman yang diluluskan. Pembiayaan yang diberikan adalah melalui skim utamanya seperti Enhancer dan Skim Jaminan Laluan Terus, Jaminan Portfolio (PG) dan Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB-i).

Dari segi agenda kemampunan kewangan, CGC sekali lagi mencatatkan keuntungan yang sihat, satu perkembangan yang selari dengan agenda jangkauan PKS berterusan CGC khususnya peranan pembangunannya membantu segmen PKS yang kurang mendapat perhatian.

Sebagai pemangkin jaminan utama di negara ini, CGC sentiasa menerokai ide-ide baru untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada sektor PKS, mengukuhkan kedudukan kewangan kami serta membentuk asas-asas untuk pertumbuhan masa depan. Inisiatif kami untuk meluaskan jangkauan melalui jalinan strategik dengan bank-bank utama tempatan dan asing melalui skim Jaminan Portfolio (PG) mencerminkan keupayaan CGC untuk menjadi rakan kongsi yang inovatif dalam pembiayaan PKS. Dengan masa kelulusan hanya tiga (3) hari di bawah PG, CGC telah membolehkan PKS yang berdaya maju mendapat akses yang lebih cepat terhadap pembiayaan yang amat mereka diperlukan.

### PEMBIAYAAN UNTUK PKS


Pada tahun 2013, PKS terus mendapat akses kepada pembiayaan bagi mengembangkan perniagaan mereka dengan sokongan dari Kerajaan dan institusi perbankan. Pada penghujung 2013 contohnya, dana khas yang sedia ada di bawah seliaan Bank Negara Malaysia terus memastikan ketersediaan pembiayaan kepada PKS dalam sektor terpilih seperti makanan, pembuatan dan perkhidmatan di mana sejumlah RM24.3 bilion diluluskan kepada lebih daripada 58,000 PKS. Jumlah pembiayaan terkumpul PKS juga adalah sebanyak RM212.9 bilion pada akhir tahun 2013 dengan institusi kewangan pembangunan (DFI) menyumbang sebanyak RM13.3 bilion.

Bagi CGC, tahun 2013 menyaksikan pertumbuhan pinjaman lebih perlahan bagi empat (4) bulan pertama akibat daripada aktiviti perniagaan yang perlahan pra-pilihan raya umum ke-13. Selepas pilihan raya, permintaan untuk pinjaman kemudiannya rancak memandangkan PKS merupakan golongan yang cepat dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran ekonomi yang sentiasa berubah.

PKS terus mendapat manfaat daripada skim jaminan yang ditawarkan oleh CGC. PKS yang telah mendapat manfaat yang paling banyak dari pembiayaan sebanyak RM1.5 billion adalah dari perniagaan am, pembuatan dan pertanian, yang mewakili 64.9% (1,537) daripada 2,368 pinjaman PKS yang dijamin. Peningkatan pada jangkauan PKS dapat dicapai terutamanya melalui perkongsian strategik dengan institusi kewangan yang mengambil bahagian khususnya melalui jaminan portfolio. Melalui kerjasama dengan institusi kewangan Islam yang mengambil bahagian, CGC telah melancarkan Skim Jaminan Portfolio Islam (PG Islam) yang pertama, bagi membolehkan PKS mendapat akses lebih cepat untuk

“ Inisiatif kami untuk meluaskan jangkauan melalui jalinan strategik dengan bank-bank utama tempatan dan asing melalui skim Jaminan Portfolio mencerminkan keupayaan CGC untuk menjadi rakan kongsi yang inovatif dalam pembiayaan PKS. ”

► **Datuk Wan Azhar Wan Ahmad**  
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif



## 212

kemudahan pembiayaan patuh Syariah yang menawarkan pembiayaan dari RM100,000 hingga RM800,000 bagi tempoh pembiayaan antara 36-84 bulan. CGC juga menjalin perkongsian PG dengan sebuah bank komersial untuk membantu perniagaan kecil dengan pinjaman di dalam lingkungan RM100,000 hingga RM300,000 maksima bagi setiap pelanggan PKS untuk kegunaan modal kerja serta pembelian aset. Melalui PG, masa kelulusan yang lebih cepat dan pembayaran pinjaman dipermudahkan melalui satu set kriteria kelayakan yang telah ditentukan dan prosedur permohonan dan dokumentasi yang mudah. Pada tahun 2013, CGC telah meluluskan sejumlah RM500 juta menerusi PG yang dimanfaatkan oleh 679 PKS.

Selaras dengan agenda pembangunan Bumiputera negara, CGC telah melaksanakan inisiatif untuk menawarkan kaedah pembiayaan yang lebih baik kepada PKS Bumiputera termasuk skim yang patuh Syariah. Ia telah memperkenalkan skim khas seperti Enhancer Bumi dan Enhancer Bumi-i yang menawarkan perlindungan jaminan yang lebih tinggi sehingga 90% jumlah pembiayaan dan yuran jaminan yang kompetitif. Di samping itu, CGC juga telah menjalin pakatan strategik dengan sebuah bank tempatan terkemuka melalui skim Jaminan Portfolio untuk PKS Bumiputera yang menawarkan bukan sahaja akses dan pilihan kewangan yang lebih luas tetapi juga jumlah yang lebih tinggi untuk pembiayaan dengan menyediakan perlindungan jaminan yang lebih tinggi dan kos pinjaman yang lebih rendah. Di bawah Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB-i), CGC telah menyediakan RM123.8 juta pembiayaan kepada 161 PKS Bumiputera pada tahun 2013. Secara kumulatif, CGC telah menjamin sejumlah RM418 juta pembiayaan di bawah TPUB-i yang dimanfaatkan oleh lebih daripada 700 usahawan Bumiputera sejak 2009.

Seperti yang dimandatkan, CGC juga aktif menguruskan dan melaksanakan skim yang dibiayai oleh Kerajaan yang menasaskan sektor-sektor tertentu seperti Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) dan Skim Pembiayaan Harta Intelek (IPFS) yang diperkenalkan masing-masing pada tahun 2010 dan 2013. CGC telah mengesahkan komitmennya untuk memastikan kejayaan pelaksanaan skim ini khususnya Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS). Ia telah meluluskan

sejumlah 122 permohonan bernilai RM1.5 bilion. Lebih banyak usaha akan dibuat untuk mewujudkan kesedaran skim itu dan juga pengeluaran dana kerana ia masih mempunyai baki dana sebanyak RM2.0 bilion setakat Jun 2014. Menurut kaji selidik Bank Negara Malaysia yang dijalankan pada bulan Januari 2013, 36 bank atau 58% daripada semua institusi perbankan, termasuk Institusi Kewangan Pembangunan telah mengambil bahagian dalam pembiayaan teknologi hijau, dengan tambahan 10 bank menunjukkan minat untuk menyokong pembiayaan teknologi hijau di bawah pelan perniagaan mereka bagi tempoh tiga tahun akan datang.

### SKIM JAMINAN

Pada tahun 2013, CGC menguruskan sebanyak 13 skim jaminan, lapan (8) daripadanya termasuk dalam kategori Skim Utama dan lima (5) di bawah kategori Skim Pinjaman Terancang.

Skim-skim CGC disenaraikan seperti berikut:

#### Skim Utama

1. Credit Enhancer Scheme (ENHANCER)
2. Credit Enhancer-i Scheme (ENHANCER-i)
3. SmallBiz Express Scheme (SBE)
4. Enhancer Excel Scheme\* (ENHANCER EXCEL)
5. Direct Access Guarantee Scheme Start-Up (DAGS Start-Up)
6. Enhancer Bumi (ENHANCER BUMI)
7. Enhancer Bumi-i (ENHANCER BUMI-i)
8. Skim Enhancer Express (ENHANCER EXPRESS)

\* Menggantikan skim Enhancer Direct (ENHANCER DIRECT) pada 2013, yang telah menggantikan Skim Jaminan Laluan Terus (DAGS) sejak Oktober 2011.

#### Skim-Skim Pembiayaan Berprogram

1. Flexi Guarantee Scheme (FGS)
2. Skim Pembiayaan Francais (FFS)
3. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS)
4. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau Islam (GTFS-i)
5. Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i)

## Pinjaman yang Dijamin (mengikut skim)

Pada 2013, dua (2) skim jaminan yang menjadi penyumbang paling utama pertumbuhan pinjaman secara keseluruhan adalah GTFS dan ENHANCER. Kedua-dua skim ini secara terkumpul menyumbang sebanyak 44.9% (860 akaun bernilai RM694.1 juta).

GTFS menyumbang sebanyak 35 akaun bernilai RM460.9 juta, manakala ENHANCER menyumbang sebanyak 825 akaun bernilai RM233.2 juta.

## Pinjaman Yang Dijamin (Mengikut Skim)

| SKIM                           | 2013           |                 | 2012           |                 |
|--------------------------------|----------------|-----------------|----------------|-----------------|
|                                | Bilangan Akaun | Nilai (RM juta) | Bilangan Akaun | Nilai (RM juta) |
| <b>SKIM UTAMA</b>              | <b>1,378</b>   | <b>405.8</b>    | <b>1,379</b>   | <b>347.2</b>    |
| ENHANCER                       | 786            | 222.9           | 814            | 246.9           |
| ENHANCER-i                     | 39             | 10.3            | 106            | 39.2            |
| SBE                            | 51             | 1.0             | 273            | 9.7             |
| DAGS                           | 277            | 94.5            | 113            | 39.7            |
| Lain-lain*                     | 225            | 77.1            | 73             | 11.8            |
| <b>SKIM PINJAMAN TERANCANG</b> | <b>49</b>      | <b>474.4</b>    | <b>99</b>      | <b>372.5</b>    |
| FGS                            | 6              | 3.1             | 53             | 11.9            |
| FFS                            | 8              | 10.4            | 9              | 6.9             |
| GTFS                           | 19             | 242.9           | 18             | 88.9            |
| GTFS-i                         | 16             | 218.0           | 19             | 264.8           |
| <b>SKIM PEMBIAYAAN</b>         | <b>262</b>     | <b>165.6</b>    | <b>323</b>     | <b>161.4</b>    |
| TPUB-i                         | 161            | 123.8           | 157            | 94.3            |
| Direct Lending                 | 101            | 41.8            | 166            | 67.1            |
| <b>JAMINAN PORTFOLIO</b>       | <b>679</b>     | <b>500.0</b>    | <b>351</b>     | <b>185.0</b>    |
| <b>JUMLAH</b>                  | <b>2,368</b>   | <b>1,545.8</b>  | <b>2,152</b>   | <b>1,066.0</b>  |

\* Skim DAGS lain, Enhancer Excel, Enhancer Direct, Enhancer Express, Enhancer Bumi dan Enhancer-i Bumi.

### TINJAUAN OPERASI

Tinjauan operasi memaparkan bilangan pinjaman dan nilai jaminan mengikut kategori di bawah semua skim.

#### 1. Arah Pinjaman

Bilangan dan nilai pinjaman yang dijamin bagi tiga (3) sektor utama adalah seperti tertera berikut:

| Sektor        | Bilangan Pinjaman | Jumlah (RM juta) |
|---------------|-------------------|------------------|
| Perniagaan Am | 2,050             | 1,200.3          |
| Pembuatan     | 288               | 275.0            |
| Pertanian     | 30                | 70.5             |
| Jumlah        | 2,368             | 1,545.8          |

#### 2. Taburan Pinjaman Mengikut Negeri

Tiga (3) negeri penyumbang utama berdasarkan bilangan dan nilai pinjaman dijamin adalah seperti tertera di bawah:

| Negeri                           | Bilangan Pinjaman | Jumlah (RM juta) |
|----------------------------------|-------------------|------------------|
| Selangor                         | 263               | 414.6            |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 227               | 112.7            |
| Johor                            | 157               | 123.1            |

#### 3. Pinjaman Mengikut Saiz

Saiz pinjaman berdasarkan bilangan dan nilai pinjaman yang dijamin bagi dua (2) skim komersil utama adalah seperti tertera di bawah:

| Saiz Pinjaman             | SJLT              |                 | ENHANCER          |                 |
|---------------------------|-------------------|-----------------|-------------------|-----------------|
|                           | Bilangan Pinjaman | Nilai (RM juta) | Bilangan Pinjaman | Nilai (RM juta) |
| RM100,000 ke bawah        | 67                | 4.2             | 255               | 16.8            |
| RM100,001 – RM500,000     | 158               | 42.7            | 508               | 120.5           |
| RM500,001 – RM1,000,000   | 36                | 25.8            | 76                | 55.0            |
| RM1,000,001 – RM2,000,000 | 16                | 21.8            | 23                | 31.3            |
| RM2,000,001 ke atas       | –                 | –               | 11                | 30.7            |
| Jumlah                    | 277               | 94.5            | 873               | 254.3           |



## 4. Pecahan Komposisi Pinjaman mengikut Kumpulan

Bilangan dan nilai pinjaman yang dijamin adalah seperti tertera di bawah:

| Kumpulan   | Bilangan Pinjaman | Jumlah (RM juta) |
|------------|-------------------|------------------|
| Bumiputera | 906               | 725.1            |
| Cina       | 1,342             | 784.8            |
| India      | 68                | 23.0             |
| Lain-lain  | 52                | 12.9             |
| Jumlah     | 2,368             | 1,545.8          |

### MAKLUMAT KEWANGAN

Pada tahun 2013, kos operasi CGC telah menurun kepada RM160.7 juta daripada RM228.4 juta pada tahun 2012 disebabkan oleh peruntukan yang lebih rendah bagi tuntutan dan bagi 'impairment' akibat daripada aktiviti pemantauan kredit yang jitu.

Yuran jaminan dan pendapatan pelaburan menurun masing-masing kepada RM63.1 juta dan RM105.6 juta dengan keuntungan bersih dicatat oleh CGC sebanyak RM121.1 juta pada tahun 2013.

Peruntukan untuk tuntutan ke atas pinjaman yang dijamin oleh CGC juga berkurangan kepada RM61.8 juta berbanding RM81.3 juta pada tahun 2012. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam kredit dan budaya kesedaran risiko yang memberi penekanan yang lebih kepada mengekalkan kualiti aset yang baik. Langkah-langkah persediaan dan pengurusan proaktif juga telah dipertingkatkan untuk menangani pinjaman berpotensi bermasalah selain daripada bantuan untuk penyusunan semula dan penjadualan semula bayaran balik dipanjangkan kepada peminjam yang mempunyai kesukaran untuk membayar semula pinjaman.

Dari segi perolehan, CGC telah berjaya memperoleh semula RM53.5 juta, penurunan sebanyak 9% berbanding dengan RM59 juta pada tahun 2012.

Bagi tahun 2013, CGC memperuntukkan RM37.6 juta kepada rizab dan pada 31 Disember 2013, rizab CGC telah bertambah ke RM1.1 bilion berbanding RM960.5 juta pada tahun 2012.

### STRATEGI PERTUMBUHAN DAN HALA TUJU

#### Tinjauan

Ekonomi Malaysia dijangka kekal pada momentum pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2014 dengan perkembangan sebanyak 4.5% – 5.5%. Perkembangan ini disokong oleh prestasi yang baik dari sektor luar walaupun permintaan domestik dijangka sederhana. Walau bagaimanapun, asas-asas ekonomi Malaysia kekal kukuh disebalik permintaan domestik yang sederhana. Pertumbuhan ini akan diterajui oleh sektor swasta di seluruh negara dengan pelbagai rangkaian aktiviti ekonomi yang telah dirancang di mana sektor PKS terus memainkan peranan yang utama dalam menggalakkan pertumbuhan ini.

Antara perkembangan penting yang dijangka akan memberi kesan yang baik kepada sektor PKS pada tahun ini adalah pelaksanaan definisi baru PKS pada Januari 2014 yang bertujuan untuk memudahkan peralihan negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Semakan ini memanglah tepat pada masanya kerana ia mencerminkan perubahan dalam struktur ekonomi, 'trend' perniagaan dan penunjuk inflasi yang disesuaikan bagi membolehkan lebih banyak PKS layak untuk program sokongan dan pembiayaan PKS. Ia merupakan petanda baik bagi pembangunan sektor dinamik ekonomi ini.

Dalam pada itu, Pelan Induk PKS 2012-2020 akan terus menjadi sebagai penjana bagi sektor PKS dalam sasaran untuk meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) PKS yang kini menyumbang 33 peratus dan dijangka akan meningkat ke 41 peratus pada 2020. Empat objektif utama pelan induk ini adalah untuk memacu pertumbuhan perniagaan, menambah bilangan syarikat-syarikat pertumbuhan tinggi dan inovatif, meningkatkan produktiviti dan juga untuk memberi pengiktirafan sesuatu perniagaan itu, dengan bertujuan melahirkan PKS yang mampu bersaing di peringkat global.

Dengan pertumbuhan ekonomi yang mantap dan perkembangan sektor PKS yang memberangsangkan, CGC akan merebut peluang ini untuk mengembangkan lagi agenda jangkauan PKS. CGC akan terus menyediakan kaedah pembiayaan inovatif dan alternatif-alternatif untuk meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan dan pada masa yang sama mengekalkan agenda kemampunan kewangan syarikat.

### STRATEGI DAN HALA TUJU

Bagi tahun 2014, rancangan perniagaan CGC telah digubal untuk mencapai matlamat strategik berikut:

#### i) **Memainkan Peranan Pembangunan Dalam Keadaan Kewangan Yang Mampan**

Mandat CGC adalah untuk melaksanakan peranan pembangunan di samping mencapai tahap kewangan yang mampan. Oleh itu, hala tuju strategik bagi 2014 adalah untuk terus meningkatkan jangkauan PKS dengan menyediakan pilihan pembiayaan yang inovatif dan juga saluran alternatif bagi membolehkan PKS yang berdaya maju dalam semua segmen mendapat akses kepada pembiayaan daripada institusi kewangan. Usaha juga akan dipergiatkan bagi membantu PKS untuk memperbaiki kredibiliti dan bankabiliti mereka melalui Biro Kredit Malaysia, bukan sahaja untuk akses yang lebih baik kepada pembiayaan tetapi juga membolehkan mereka berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk berunding bagi terma yang berpatutan dalam pembiayaan. Matlamat CGC adalah untuk memupuk budaya kredit yang kukuh di kalangan PKS di negara ini.

#### ii) **Meningkatkan Akses Pembiayaan Kepada PKS Yang Baru Memulakan Perniagaan**

PKS yang baru memulakan perniagaan merupakan segmen yang kurang mendapat perhatian dari segi pembiayaan dan khidmat nasihat. Kebanyakan PKS yang baru memulakan perniagaan dikategorikan di bawah perusahaan mikro yang terdiri daripada 75 peratus daripada PKS. Walau bagaimanapun, potensi pertumbuhan mereka dihalang oleh akses yang terhad kepada pembiayaan daripada institusi kewangan. Kekurangan keyakinan yang berpunca daripada rekod prestasi berkaitan dengan perniagaan yang tidak mencukupi dan juga kesukaran dalam menentukan daya maju perniagaan baru, terutama di sektor-sektor yang baru atau bukan konvensional, telah menyumbang kepada sebahagian daripada faktor bagi keengganan institusi kewangan untuk membiayai perniagaan PKS yang baru.

Untuk menangani masalah ini, CGC telah memperkenalkan skim pembiayaan langsung yang patuh Syariah iaitu 'BizMula-i' yang dilancarkan pada 5 Mei 2014. CGC mensasarkan untuk menyediakan sejumlah RM30 juta pembiayaan kepada PKS yang baru memulakan perniagaan di mana PKS boleh memohon melalui 16 rangkaian cawangan CGC di seluruh negara. CGC berharap inisiatif ini akan menggalakkan institusi kewangan membiayai segmen ini di masa hadapan.

#### iii) **Menguruskan Skim Yang Dibiayai Oleh Kerajaan**

Seperti yang dimandatkan, CGC akan terus membantu dalam mengurus dan melaksanakan skim yang dibiayai oleh Kerajaan yang disasarkan kepada sektor tertentu dan diperkenalkan untuk tujuan tertentu bagi menyokong PKS. Pada masa ini, CGC menguruskan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) dan Harta Intelek yang masing-masing diperkenalkan pada tahun 2010 dan 2013. CGC juga akan terus membantu untuk memperbaiki tahap penerimaan daripada institusi kewangan dalam pembiayaan sektor pertumbuhan baru melalui mekanisma jaminan.

#### iv) **Menyokong Agenda Pembangunan Bumiputera Negara**

Selaras dengan agenda pembangunan Bumiputera negara, CGC akan terus meningkatkan perhatiannya kepada PKS Bumiputera dengan menyediakan mereka dengan pilihan pembiayaan yang lebih meluas termasuklah skim yang patuh Syariah. Lebih banyak inisiatif dan skim akan diperkenalkan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan dan perkhidmatan sokongan bagi golongan ini. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, CGC telah memperkenalkan skim khas seperti Enhancer Bumi dan Bumi Enhancer-i dan juga telah menjalinkan kerjasama strategik dengan bank-bank terkemuka di negara ini melalui skim Jaminan Portfolio. Ia bukan sahaja bertujuan untuk menawarkan akses pilihan pembiayaan yang lebih meluas tetapi juga jumlah yang lebih tinggi untuk PKS Bumiputera dalam semua sektor. CGC juga menguruskan Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) di mana ianya telah menyediakan RM123.8 juta pembiayaan yang memanfaatkan 161 PKS Bumiputera. Pada tahun ini, CGC yakin dapat mencapai lebih daripada sasaran 30% komposisi Bumiputera dalam jumlah kelulusan pinjaman keseluruhan.

## v) Menawarkan Pembiayaan Pada Kos Yang Berpatutan

Kos untuk menjalankan perniagaan merupakan masalah utama di kalangan PKS. Justeru itu, baru-baru ini CGC telah memutuskan untuk mengkaji semula harga yang sedia ada dengan mengurangkan yuran jaminan. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada agenda 2014 CGC. Pada bulan Januari 2014, CGC telah memperkenalkan mekanisma rebat bagi yuran jaminan untuk meringankan kos pinjaman bagi PKS yang mempunyai rekod pembayaran yang baik. Untuk tujuan ini, CGC telah memperuntukkan RM1.7 juta yang dijangka akan memberi manfaat kepada kira-kira 1,800 pelanggan yang dihargai. CGC juga akan terus meneliti semula harga semua produknya berdasarkan mekanisma Risk-Adjusted Pricing (RAP) yang menyelaraskan harga pembiayaan mengikut risiko yang ditanggung oleh PKS. Ini membolehkan peminjam berisiko rendah untuk menikmati yuran jaminan lebih rendah dan sebaliknya.

## vi) Meningkatkan Kecekapan Operasi

CGC akan meningkatkan kecekapan dalam menjalankan operasi untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada PKS. CGC sedar betapa pentingnya perkhidmatan yang baik dari segi penilaian kredit, penganalisaan risiko pengurusan serta pemantauan pinjaman dalam menerajui pembangunan PKS. Dalam hal ini, usaha sedang diambil untuk meningkatkan bahagian-bahagian utama operasi terutamanya pengurusan risiko dan penilaian kredit yang mantap. Selain daripada memupuk budaya pengurusan risiko yang baik, inisiatif teknologi juga telah dirancang awal dengan penggunaan Integrated Risk Management System (IRMS) yang dilancarkan pada tahun 2013 sebagai satu strategi untuk meningkatkan pengurusan risiko. Inisiatif Pengurusan Risiko semasa yang sedang dijalankan ketika ini termasuk Sistem Risikan Kredit.

## vii) Meningkatkan Hubungan Baik Dan Kerjasama Dengan Institusi Kewangan

Usaha-usaha juga sedang giat diatur untuk meningkatkan lagi hubungan CGC dengan institusi kewangan dengan tujuan untuk memperkukuhkan kedudukan CGC sebagai rakan kongsi strategik dalam pembiayaan PKS. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, CGC telah berjaya

menjalinkan kerjasama strategik dengan beberapa bank melalui Jaminan Portfolio (PG) dan Skim Jaminan Borong (WG). Secara keseluruhan, CGC mensasarkan RM1.1 bilion kelulusan pinjaman di bawah PG dan WG pada 2014.

Setakat ini, 15 bank Islam, 17 bank perdagangan dan tujuh (7) Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) telah menyertai skim jaminan CGC dengan memberikan PKS rangkaian luas dengan lebih daripada 2000 cawangan di seluruh negara untuk mendapatkan pembiayaan yang disediakan.

Dalam usaha membolehkan PKS menikmati pilihan pembiayaan dan akses lebih cepat kepada dana yang diperlukan, CGC juga akan terus menjalinkan kerjasama dengan pihak berkuasa dalam negeri dan agensi-agensi kerajaan bagi memudahkan lagi agenda jangkauannya.

Setelah menggariskan objektif strategik di atas dengan beberapa inisiatif telah pun dilaksanakan dan ada yang masih berterusan, saya ingin berkongsi sasaran CGC untuk 2014:

|                  | Indeks Prestasi Utama                             | Sasaran       |
|------------------|---|---------------|
| Jangkauan PKS    | 1. Bilangan Jaminan Pinjaman                      | 5,600         |
|                  | 2. Nilai Jaminan Pinjaman                         | RM2.7 bilion  |
|                  | 3. Bilangan Pinjaman dijamin untuk PKS Bumiputera | 1,960         |
| Piagam kecekapan | <b>Skim Utama Perkongsian-Risiko</b>              | <b>Piagam</b> |
|                  | i) Pemprosesan Pinjaman Jaminan Portfolio         | 3 hari        |
|                  | ii) Pembayaran Tuntutan                           | 10 hari       |

CGC amat optimistik dan yakin terhadap sasaran 2014 kerana kepercayaan, bimbingan dan sokongan padu yang diterima daripada Lembaga Pengarah dan Bank Negara Malaysia. Sehubungan itu, CGC berharap tahun 2014 meneruskan kejayaan buat CGC dalam menjana pembangunan PKS di Malaysia.

**Datuk Wan Azhar Wan Ahmad**


# SOROTAN OPERASI

Laporan Tahunan  
2013


Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

## 218


### BILANGAN DAN NILAI PINJAMAN DIJAMIN TERKUMPUL DI BAWAH SEMUA SKIM



### PINJAMAN DIJAMIN (MENGIKUT BILANGAN DAN NILAI) DI BAWAH SEMUA SKIM




## TABURAN SAIZ PINJAMAN DI BAWAH SEMUA SKIM



BILANGAN


- RM100,000 & ke bawah
- RM100,001 – RM500,000
- RM500,001 – RM1,000,000
- RM1,000,001 – RM2,000,000
- RM2,000,001 & ke atas



NILAI

## PECAHAN KOMPOSISI PINJAMAN MENGIKUT KUMPULAN UNTUK SKIM UTAMA, SKIM PEMBIAYAAN DAN JAMINAN BERPORTFOLIO


(Mengikut Bilangan Pinjaman)



- Bumiputera
- Cina
- India
- Lain-lain

## PECAHAN KOMPOSISI PINJAMAN MENGIKUT KUMPULAN UNTUK SKIM-SKIM PEMBIAYAAN BERPROGRAM

(Mengikut Bilangan Pinjaman)



# SOROTAN PERISTIWA

Laporan Tahunan  
2013

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

## 220

### KALENDAR ACARA KORPORAT

#### CGC MENANDATANGANI PERJANJIAN JAMINAN PORTFOLIO BERSAMA ALLIANCE BANK

CGC dan Alliance Bank Malaysia Berhad memeterai perjanjian untuk memudahkan akses kepada pembiayaan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) secara jaminan portfolio. Ia bertujuan untuk membantu para peniaga dengan menyediakan pinjaman untuk modal kerja serta pembelian aset. Dengan saiz tranche awal sebanyak RM50 juta, CGC menyediakan 70% perlindungan jaminan jumlah prinsipal yang dijalankan oleh PKS dengan pinjaman yang terdiri daripada sekurang-kurangnya RM100,000 dan maksimum RM300,000 bagi setiap pelanggan PKS dengan tempoh pinjaman tetap selama lima tahun. Majlis menandatangani perjanjian telah diadakan di Bangunan CGC, Kelana Jaya pada 13 Mac, 2013.



(Kiri ke Kanan) Naib Presiden Kanan Perbankan Perniagaan Kumpulan PKS Alliance Financial Group Lim Kee Yeong, Ketua Perbankan Perniagaan Alliance Steve Miller, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif CGC Datuk Wan Azhar Wan Ahmad dan Naib Presiden Eksekutif, Pembangunan Perniagaan CGC Puan Kristine Ng.

#### ANUGERAH PENDOKONG UTAMA PKS KE-18

Institusi kewangan telah diiktiraf bagi sumbangan mereka ke arah pembiayaan PKS melalui skim jaminan CGC. Pemenang Anugerah Pendokong PKS di bawah kategori bank komersial ialah Maybank, Public Bank dan Standard Chartered Bank. Anugerah Pendokong PKS Bumiputera Terbaik, yang mengiktiraf institusi kewangan yang telah menyumbang pembiayaan yang paling banyak kepada usahawan Bumiputera, telah dimenangi oleh Maybank. CGC juga telah memberikan Anugerah Rakan Kewangan Terbaik untuk Maybank bagi mengiktiraf usaha gigih dan sumbangannya ke arah kualiti aset CGC.



(Kiri ke Kanan) Ketua Kumpulan Maybank, Komuniti Perkhidmatan Kewangan & Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Singapura Datuk Lim Hong Tat, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif CGC Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, Pengerusi CGC Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz, Ketua Pegawai Operasi Public Bank Encik Sulaiman Abd Manap dan Pengurus Besar Perbankan PKS Standard Chartered Bank Mr Vishal Shah bersama Anugerah Pendokong PKS Utama (Kategori Bank Komersial).



Datuk Lim Hong Tat (Ketua Kumpulan Maybank, Komuniti Perkhidmatan Kewangan & Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Singapura) menerima anugerah Rakan Kewangan Terbaik dari Pengerusi CGC, Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz sambil diperhatikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Wan Azhar Wan Ahmad.

## PELANCARAN BUKU CGC – ‘CATALYSING SME GROWTH’

CGC melancarkan bukunya bertajuk ‘Catalysing SME Growth’ (‘Memangkin Pertumbuhan PKS’) bagi menandakan tahun ke-40 penubuhannya dalam menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan PKS di Malaysia. Buku ini telah dilancarkan secara rasmi oleh Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Dato’ Muhammad bin Ibrahim, pada 21 Jun 2013 di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia.

Buku ‘Catalysing SME Growth’ bertujuan untuk mewujudkan pemahaman yang lebih baik mengenai peranannya di kalangan pihak-pihak berkepentingan terutamanya PKS. Ia mendokumenkan peranan CGC dalam menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan PKS melalui skim jaminannya sepanjang 40 tahun yang lalu.



Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia Dato’ Muhammad bin Ibrahim (tengah) sedang melayari mukasurat buku ‘Catalysing SME Growth’ sambil diperhatikan oleh Pengerusi CGC Dato’ Agil Natt (kiri) dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Dato’ Wan Azhar Wan Ahmad, (kanan).

## PERJANJIAN JAMINAN PORTFOLIO ISLAM PERTAMA DIANTARA CGC DAN STANDARD CHARTERED SAADIQ BERHAD (SC SAADIQ)

CGC menandatangani perjanjian dengan SC Saadiq bagi menyediakan pembiayaan kepada PKS melalui pelancaran skim Jaminan Portfolio Islam Malaysia yang pertama (PG). SC Saadiq, anak syarikat perbankan Islam milik penuh Standard Chartered Bank Malaysia, merupakan bank Islam pertama yang memeterai perjanjian itu bersama CGC, yang bertujuan untuk menyediakan rangkaian menyeluruh penyelesaian yang patuh Syariah dan membantu perniagaan berkembang. Upacara menandatangani perjanjian telah diadakan pada 21 November 2013 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.



Ketua Pegawai Eksekutif SC Saadiq, Encik Wasim Saifi (kiri) bertukar perjanjian bersama Naib Presiden Eksekutif, Pembangunan Perniagaan CGC, Puan Kristine Ng sambil diperhatikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Dato’ Wan Azhar Wan Ahmad (tengah).

## PERSIDANGAN KONFEDERASI INSTITUSI KREDIT TAMBAHAN ASIA (ACSIC) 2014

Persidangan ACSIC merupakan acara tahunan untuk semua ahli-ahlinya yang terdiri daripada 16 institusi jaminan kredit dari 11 negara, iaitu Korea, Jepun, India, Indonesia, Nepal, Filipina, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Papua New Guinea and Malaysia. Persidangan itu diadakan untuk mengeratkan hubungan antara institusi anggota dan bertukar-tukar pandangan dan maklumat untuk kebaikan PKS di semua negara-negara anggotanya. CGC adalah tuan rumah Persidangan ACSIC ke-27 yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 16 – 19 November, 2014.

### INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

#### TAKLIMAT MENGENAI 'CASH BEFORE GUARANTEE COVER' (CBGC)

Taklimat telah dijalankan untuk memperkenalkan pelaksanaan Tunai Sebelum Pemberian Jaminan (CGBC) polisi yang melibatkan dasar-dasar dan prosedur baru yang berkaitan dengan pemberian Surat Jaminan, bayaran yuran tahunan dan pembayaran balik yuran jaminan bagi PKS. Taklimat itu juga bertindak sebagai platform untuk sesi dialog bagi meningkatkan kefahaman mengenai dasar baru tersebut. Taklimat diadakan di ibu pejabat CGC di Kelana Jaya dan dihadiri oleh 65 pekerja.

#### KLINIK USAHAWAN

Jabatan Pembangunan Bumiputera, sebuah unit yang berdedikasi untuk menyokong PKS Bumiputera, menganjurkan siri Klinik Usahawan untuk memberi khidmat nasihat dan maklumat mengenai prosedur permohonan bagi PKS. Ia juga bertujuan untuk menangani isu-isu daripada PKS dan mendidik mereka tentang keperluan dan penyediaan dokumen untuk dikemukakan seperti aliran tunai, analisis keuntungan dan senarai semak keseluruhan.

Di samping itu, Klinik Usahawan juga telah dianjurkan untuk mempromosikan skim CGC, antaranya ialah Enhancer Bumi dan Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB-i). Skim Enhancer Bumi menawarkan perlindungan jaminan yang lebih tinggi dan yuran jaminan yang lebih rendah manakala TPUB-i ialah skim pembiayaan kontrak untuk membantu PKS yang telah dianugerahkan kontrak oleh syarikat-syarikat dan agensi-agensi berkaitan Kerajaan. Sekitar 300 PKS Bumiputera mengambil bahagian dalam acara itu.

#### TAKLIMAT DAN 'ROAD SHOW'

Bagi menggalakkan penyertaan lebih ramai Bumiputera dalam skim CGC, taklimat dan 'road show' telah diadakan sepanjang tahun dengan kerjasama institusi kewangan pembangunan yang lain, agensi-agensi dan industri pembinaan seperti Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), SME Corp, Tekun Nasional Berhad (TEKUN), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), New Entrepreneurs Foundation (NEF), Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON), Construction Industry Development Board (CIDB), Boustead Heavy Industries Corporation Berhad dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Taklimat juga diadakan untuk penyebaran maklumat mengenai skim CGC dan khidmat nasihat bagi usahawan Bumiputera. Lebih daripada 100 PKS menghadiri taklimat tersebut.

#### 'POCKET TALK'

'Pocket Talk' (Bicara Poket) telah dianjurkan dengan kerjasama SME Corp dan TERAJU. Bicara Poket, sesi taklimat bulanan menyediakan ruang kepada CGC untuk mewujudkan lebih kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kepada PKS. Ia adalah salah satu inisiatif oleh CGC bagi meningkatkan kesedaran dan akses kepada pembiayaan terutamanya mereka yang beroperasi kurang daripada tiga (3) tahun kerana kekurangan cagaran dan rekod prestasi. Taklimat bulanan tersebut telah dihadiri oleh lebih daripada 60 usahawan.

#### LAWATAN

Lawatan yang kerap telah dijalankan untuk merapatkan dan mengukuhkan hubungan antara CGC dan institusi kewangan lain untuk membantu PKS terutamanya mereka yang tidak mempunyai cagaran yang mencukupi dan tanpa apa-apa rekod, untuk mendapat akses yang lebih mudah kepada pembiayaan. Lawatan promosi telah dilakukan ke SME Bank, Bank Rakyat, Bank Muamalat, Felda Global Ventures (FGV), Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM), Tekun Nasional Berhad (TEKUN), Amanah Ikhtiar Malaysia, New Entrepreneurs Foundation (NEF), Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), HeiTech Padu Berhad, Bahagian Pembangunan Usahawan Negeri Melaka, MRT Corp dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).



## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

### KEBAJIKAN STAF

Pada bulan Oktober 2013, Kelab Rekreasi CGC (KRCGC) telah melancarkan kempen menderma di kalangan kakitangan bagi membantu seorang staf, Cik Wan Nur Zeehan Wan Ramli Cawangan Kota Bharu yang rumahnya telah mengalami kebakaran dengan kerugian dianggarkan sebanyak RM25,000.00. Kutipan ini telah disampaikan kepada Cik Nur Zeehan di Cawangan Kota Bharu.

### PENGHARGAAN ANUGERAH PERKHIDMATAN

CGC menganjurkan 'Penghargaan Anugerah Perkhidmatan' bagi mengiktiraf sumbangan kakitangan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10, 20 dan 30 tahun dan masih kekal komited. Antara 11 kakitangan yang menerima anugerah itu adalah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Wan Azhar Wan Ahmad yang telah bersama CGC lebih daripada 20 tahun. Anugerah telah disampaikan oleh Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt pada 18 Disember 2014.



### MAJLIS BERBUKA PUASA

Sempena bulan Ramadan yang mulia dan dengan semangat penyayang dan memberi, CGC meraikan 54 kanak-kanak dan penjaga dari Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim/Miskin Klang (PEYAKIN), Batu Belah Klang pada Majlis Berbuka Puasa. Diadakan di ibu pejabatnya di Kelana Jaya, majlis tersebut juga telah dihadiri oleh kira-kira 200 kakitangan dan ahli keluarga CGC.

Mereka menyertai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Wan Azhar Wan Ahmad dan kakitangannya dalam tazkirah dan Bacaan yasin yang diketuai oleh Y.Bhg Ustaz Tuan Haji Ahmad Mustafa Mohd Sidin Al-Mukri, Ketua Imam Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Selepas berbuka puasa, mereka menunaikan solat maghrib dan menyertai tuan rumah untuk hidangan makan malam. Majlis berakhir dengan solat Isyak dan Tarawih. CGC menyumbangkan sebanyak RM5,000 kepada PEYAKIN.



### MAJLIS JAMUAN AIDILFITRI

CGC menganjurkan Jamuan Hari Raya Aidilfitri untuk meraikan akhir Ramadan. Acara itu, yang dianjurkan oleh Pengerusi CGC Dato' Agil Natt dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Wan Azhar Wan Ahmad telah diadakan di ibu pejabat CGC. Sekitar 600 orang jemputan yang terdiri daripada pengarah, rakan kongsi institusi kewangan, vendor dan kakitangan CGC menghadiri acara tersebut.



Komitmen CGC untuk memberi perkhidmatan pelanggan yang berkualiti tinggi selaras dengan misi syarikat iaitu untuk meningkatkan daya maju perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui penyediaan produk dan perkhidmatan pada terma yang kompetitif dan dengan tahap profesionalisme, kecekapan dan keberkesanan yang tinggi.

Pada tahun 2013, lebih daripada 9,000 pertanyaan pelanggan telah diterima dari seluruh negara dan berjaya diselesaikan dalam tempoh masa yang termaktub di dalam piagam pelanggan. CGC memastikan bukan hanya kepuasan pelanggan yang lebih tinggi tetapi juga keperluan pelanggan dipenuhi.

Pusat Khidmat Pelanggan CGC mencatat kadar pencapaian sebanyak 97% dari segi Resolusi Panggilan Pertama (FCR). Pencapaian ini mencerminkan peningkatan dalam aliran proses dan sistem perkhidmatan pelanggan CGC. Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan kami mendapat maklumat dengan segera dan menyelesaikan apa-apa isu dengan cepat dan berkesan.

Dengan sistem khidmat pelanggan kami yang dipertingkatkan dan menyeluruh yang diuruskan oleh Eksekutif Khidmat Pelanggan, pihak CGC mampu menjawab semua pertanyaan dan membantu pelanggan-pelanggannya untuk memahami produk, perkhidmatan dan proses dengan lebih baik.

Peranan Pusat Khidmat Pelanggan juga telah diperluaskan untuk menyokong fokus CGC dalam menggerakkan pertumbuhan bagi jangkauan yang lebih luas pada 2014. Bidang tumpuan, antara lain, adalah seperti berikut:

- Berfungsi menyediakan sokongan yang bermatlamat untuk melengkapkan aliran proses CGC dengan menepati Masa Pemulihan (TAT)
- Menyediakan fungsi sokongan dengan matlamat untuk melengkapkan aliran proses CGC serta mencapai Masa Pemulihan (TAT).



Menyedari hakikat bahawa pelanggan-pelanggan CGC adalah sebahagian daripada sector PKS dan kejayaan mereka adalah kejayaan CGC, kami akan terus memberi skim jaminan yang lebih mudah diakses melalui pelbagai program pembiayaan dan aktiviti kepada pelanggan kami. Pada 2012, CGC telah mengadakan siri jelajah di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran terhadap skim-skim dan lain-lain perkhidmatan yang kami tawarkan.

Operasi rangkaian cawangan di seluruh negara membolehkan CGC memupuk hubungan yang baik dan memahami PKS tempatan. CGC dapat mendekati komuniti perniagaan tempatan, menyediakan sokongan kewangan dan khidmat nasihat. Lanjutan daripada inisiatif ini, peranan cawangan juga telah dipertingkatkan

CGC juga telah mengambil inisiatif untuk membantu penguasha Bumiputera melalui pelbagai program nasihat dan latihan. Ia juga bekerja erat dengan dewan perniagaan dan agensi berkaitan bagi menjalankan program bersama yang bertujuan untuk membolehkan komuniti Bumiputera berdaya maju mendapat pembiayaan yang amat diperlukannya untuk perniagaan mereka.

Kami ambil perhatian kepentingan PKS dan memberikan yang terbaik bagi PKS supaya dapat membantu menjayakan perniagaan mereka. Kami sentiasa optimistik bahawa semua usaha yang telah dilaksanakan CGC akan membolehkan perkhidmatan pelanggannya terus berada pada tahap yang tertinggi selalu.



# PENYATA KEWANGAN

- 227 Laporan Pengarah
- 233 Penyata Kedudukan Kewangan
- 235 Penyata Pendapatan Komprehensif
- 236 Penyata Perubahan Ekuiti
- 238 Penyata Aliran Tunai
- 240 Nota-nota kepada Penyata Kewangan
- 341 Penyata Lembaga Pengarah
- 341 Perakuan Berkanun
- 342 Laporan Juruaudit Bebas

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

## KEGIATAN UTAMA

Syarikat secara dasarnya telah terlibat dalam menyediakan jaminan-jaminan, pinjaman-pinjaman dan pembiayaan. Aktiviti utama subsidiari adalah menyediakan perkhidmatan rujukan kredit, penilaian kredit dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang berkaitan dengan biro kredit. Tiada perubahan yang ketara dalam aktiviti-aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Syarikat memberi jaminan terhadap kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan oleh institusi-institusi kewangan kepada peminjam-peminjam/pelanggan-pelanggan di bawah skim-skim berikut:

- Skim Kredit "Enhancer" (Semakan 4) – (ENHANCER (SEMAKAN 4));
- Skim Kredit "Enhancer" – Islam (Semakan 4) – (ENHANCER-i (SEMAKAN 4));
- Skim Jaminan Laluan Terus "Start Up" (Semakan 2) – (SJLT-Start Up (SEMAKAN 2));
- "Enhancer" Bumi Konvensional;
- "Enhancer" Bumi Islam – (Enhancer Bumi-i);
- "Enhancer Excel";
- "Enhancer" Ekspres (ENHANCER Ekspres);
- Skim Pembiayaan Francais (<1.0 juta) – (SPF (<1.0 juta));
- Skim Pembiayaan Francais (>1.0 juta) – (SPF (>1.0 juta));
- Skim Jaminan Anjal – TIKS 2 (Semakan 2) – (SJA-TIKS 2 (SEMAKAN 2));
- Skim Jaminan Anjal – TIKS 2 – Islam (Semakan 2) – (SJA-TIKS 2-i (SEMAKAN 2));
- Skim Jaminan Anjal – Tabung Usahawan Baru 2 (Semakan 2) – (SJA-TUB 2 (SEMAKAN 2));
- Skim Jaminan Anjal – Tabung Usahawan Baru 2 – Islam (Semakan 2) – (SJA-TUB 2-i (SEMAKAN 2));
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Pengeluar) (Semakan) – (SPTH – Pengeluar (SEMAKAN));
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau Islam (Pengeluar) (Semakan) – (SPTH-i Pengeluar (SEMAKAN));
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Pengguna) (Semakan) – (SPTH Pengguna (SEMAKAN));
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau Islam (Pengguna) (Semakan) – (SPTH-i Pengguna (SEMAKAN));
- Jaminan Potfolio bersama Alliance Bank – Tranche 1 – (JP ALBB – Tranche 1);
- Jaminan Potfolio bersama Pengekalan Peminjam-peminjam Sedia ada Maybank Tranche 1 (JP MBBSJA – Tranche 1);
- Jaminan Potfolio bersama Pelanggan Baru & Sedia ada Maybank – Tranche 1 – (JP MBBNEW – Tranche 1);
- Jaminan Potfolio Extra-i bersama MIB – Tranche 1 – (JPX-i MIB – Tranche 1);
- Jaminan Potfolio Extra bersama MBB – Tranche 2 – (JPX MBB – Tranche 2);
- Jaminan Potfolio-i Maybank Islam Pelanggan Baru & Sedia ada – Tranche 2 – (JP-i MIB Tranche 2);
- Jaminan Potfolio Maybank Pelanggan Baru dan Sedia ada – Tranche 3 – (JP MBB – Tranche 3);

### KEGIATAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Syarikat memberi jaminan terhadap kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan oleh institusi-institusi kewangan kepada peminjam-peminjam/pelanggan-pelanggan di bawah skim-skim berikut: (SAMBUNGAN)

- Jaminan Potfolio Bumi-i Maybank Islamic – Tranche 3 – (JP Bumi-i Tranche 3);
- Jaminan Potfolio bersama OCBC – Tranche 1 – (JP OCBC – Tranche 1);
- Jaminan Potfolio bersama PBB – Tranche 1 – (JP PBB – Tranche 1);
- Jaminan Potfolio bersama RHB – Tranche 1 – (JP RHB – Tranche 1);
- Jaminan Potfolio Islam bersama Standard Chartered Saadiq – Tranche 1 – (JP Islam Saadiq – Tranche 1);
- “SmallBiz” Ekspres – (Konvensional – SBE);
- “SmallBiz” Ekspres – (Islam – SBE-i); dan
- Tabung Projek Usahawan Bumiputera – Islam (Semakan) – (TPUB-i (SEMAKAN)).

Berikut adalah skim-skim yang telah ditamatkan operasinya, tetapi masih belum dilupuskan sepenuhnya:

- Skim Jaminan Laluan Terus – SJLT;
- Skim Jaminan Laluan Terus – Skim Kemudahan Bantuan PKS (Konvensional) – (SJLT – SKB PKS);
- “Enhancer” Terus;
- Dana Pinjaman bagi TPK’90 – (TPPK’90);
- Jaminan Potfolio bersama Standard Chartered Bank – Tranche 1 – (JP SCB – Tranche 1);
- Jaminan Potfolio bersama Standard Chartered Bank – Tranche 2 – (JP SCB – Tranche 2);
- Jaminan Potfolio bersama Standard Chartered Bank – Tranche 3 – (JP SCB – Tranche 3);
- Jaminan Potfolio bersama Standard Chartered Bank – Tranche 4 – (JP SCB – Tranche 4);
- Jaminan Potfolio bersama Standard Chartered Bank – Tranche 5 – (JP SCB – Tranche 5);
- Jaminan Potfolio bersama Standard Chartered Bank – Tranche 6 – (JP SCB – Tranche 6);
- Skim Jaminan Usahawan Kecil – (SJUK);
- Skim Jaminan Usahawan Kecil – BUMI – (SJUK – B);
- Skim Jaminan Usahawan Kecil (Semakan) – (SJUK (SEMAKAN));
- Skim Jaminan Usahawan Kecil – Bumi (Semakan) – (SJUK – Bumi (SEMAKAN));
- Kemudahan Bantuan PKS – Konvensional (SKB PKS – Konvensional);
- Kemudahan Bantuan PKS – Islam (SKB PKS-i);
- Skim Bantuan Jaminan PKS – Konvensional (SBJ PKS);
- Skim Bantuan Jaminan PKS – Islam (SBJ PKS-i);
- Skim Kemudahan Permodenan PKS (Konvensional) – (SKP PKS Konvensional); dan
- Skim Kemudahan Permodenan PKS – Islam (SKP PKS-i).

## HASIL KEWANGAN

|                                       | Kumpulan<br>RM'000 | Syarikat<br>RM'000 |
|---------------------------------------|--------------------|--------------------|
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | 173,147            | 121,063            |

## DIVIDEN

Sehingga tahun kewangan yang lepas, Syarikat tidak mengistiharkan atau membayar sebarang dividen. Para pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

### (a) Rizab

Para pengarah telah meluluskan pindahan sebanyak RM37,574,000 dari pendapatan terkumpul Syarikat pada tahun ini ke rizab-rizab berikut:

|                                 | RM'000 |
|---------------------------------|--------|
| Rizab Program Khas (Nota 18(a)) | 8,194  |
| Rizab SPI (Nota 18 (b))         | (327)  |
| Rizab Khas (Nota 18 (c))        | 29,707 |
|                                 | 37,574 |

### (b) Peruntukan untuk tuntutan-tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan

Bagi tahun ini, peruntukan sebanyak RM61,776,000 yang mewakili tuntutan yang mungkin dibuat terhadap Syarikat, telah dicajkan ke atas penyata pendapatan komprehensif.

## HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan hutang ragu dan pembiayaan yang mencukupi telah disediakan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang memerlukan mana-mana hutang dihapuskan sebagai hutang lapuk atau jumlah peruntukan hutang ragu yang disediakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi pada tahap yang ketara.

### ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa harta semasa, yang tidak berkemungkinan menunjukkan nilai buku yang sebenar dalam urusan perniagaan biasa Kumpulan dan Syarikat, telah diturun nilai ke paras yang dijangka dapat dihasilkan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan di mana nilai harta semasa Kumpulan dan Syarikat di dalam penyata kewangan disalah tafsirkan.

### KAEDAH MENILAI

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang wujud berkaitan dengan kaedah penilaian harta atau tanggungan Kumpulan dan Syarikat yang boleh mengelirukan atau tidak tepat.

### LIABILITI LUARJANGKA DAN LAIN-LAIN LIABILITI

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (a) sebarang gadaian ke atas harta Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan bagi menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; dan
- (b) apa-apa liabiliti luarjangka ke atas Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan selain daripada perjalanan biasa perniagaan atau aktiviti-aktiviti Kumpulan.

Tidak ada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang telah atau mungkin dituntut dalam jangkamasa dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang mana, mengikut pendapat para pengarah, akan atau boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat dalam memenuhi tanggungan apabila tiba masanya.

### PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang boleh membuat jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.



## PERKARA-PERKARA YANG LUARBIASA

Mengikut pendapat para pengarah:

- (a) hasil dari operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang butiran, transaksi atau kejadian penting dan luarbiasa; dan
- (b) tiada butiran, urusaniaga atau kejadian penting dan luarbiasa yang berbangkit di antara akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini, yang akan menjejaskan dengan nyata hasil operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang mana laporan ini dihasilkan.

## PENGARAH-PENGARAH

Pengarah-pengarah Syarikat yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan yang terakhir sehingga tarikh laporan ini adalah seperti berikut:

Dato' Agil Natt (Pengerusi) – Dilantik pada 18 Jun 2013

Datuk Wan Azhar Wan Ahmad – Pengarah Eksekutif

Encik Md. Yusof Hussin

Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed

Datuk P. Kasi

Datuk Zaiton Mohd Hassan

Datuk David Chua Kok Tee

Encik Chew Sun Teong

Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman – Dilantik pada 15 Januari 2014

Datuk Mohd Nasir Ahmad – Dilantik pada 3 Mac 2014

Encik Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli – Dilantik pada 3 Mac 2014

Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz (Pengerusi) – Meletak jawatan pada 1 Jun 2013

## KEPENTINGAN PENGARAH

Mengikut pendaftaran pemegang saham Pengarah, tidak ada pengarah yang memiliki kepentingan di dalam saham, atau debentur Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan pada tahun kewangan.

### FAEDAH PENGARAH

Semenjak penghujung tahun kewangan yang lepas, tidak ada pengarah Syarikat yang telah menerima atau berkecualan menerima apa-apa faedah (selain dari faedah saraan pengarah seperti dinyatakan dalam Nota 41 pada penyata-penyata kewangan) mengikut kontrak yang dibuat oleh Syarikat dengan pengarah atau dengan firma di mana pengarah itu adalah ahli, atau dengan syarikat lain di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Syarikat tidak terlibat dalam sebarang perancangan yang bertujuan membolehkan pengarah memperoleh manfaat melalui pembelian saham atau debentur Syarikat atau mana-mana syarikat lain.

### JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi bertarikh 28 Mei 2014.



**DATO' AGIL NATT**  
Pengerusi

Kuala Lumpur  
28 Mei 2014



**DATUK ZAITON MOHD HASSAN**  
Pengarah

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2013

Laporan Tahunan  
2013

Powering Malaysian SMEs

233

|   |      | Kumpulan             |                      |                      | Syarikat             |                      |                      |
|---|------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
|   | Nota | 31.12.2013<br>RM'000 | 31.12.2012<br>RM'000 | 01.01.2012<br>RM'000 | 31.12.2013<br>RM'000 | 31.12.2012<br>RM'000 | 01.01.2012<br>RM'000 |
| <b>ASET-ASET</b>  |      |                      |                      |                      |                      |                      |                      |
| Hartanah, loji dan peralatan  | 4    | 19,961               | 25,926               | 32,791               | 19,809               | 25,554               | 32,109               |
| Aset-aset tidak ketara  | 5    | 14,546               | 12,192               | 14,683               | 8,300                | 6,212                | 9,056                |
| Pelaburan dalam subsidiari  | 6    | –                    | –                    | –                    | 9,900                | 9,900                | 9,900                |
| Pelaburan dalam syarikat bersekutu  | 7    | 618,888              | 570,068              | 526,656              | 500,200              | 500,200              | 500,200              |
| Dana pelaburan: sedia untuk jualan ("AFS")                                    | 8    | 30,943               | 24,356               | 24,205               | 30,943               | 24,356               | 24,205               |
| Produk berstruktur: Nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")          | 9    | 669,195              | 676,362              | 629,499              | 669,195              | 676,362              | 629,499              |
| Aset kewangan: AFS  | 10   | 400,652              | 446,869              | 556,014              | 400,652              | 446,869              | 556,014              |
| Pelaburan di dalam sekuriti: Nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL") | 11   | 774,359              | 941,505              | 862,319              | 774,359              | 941,505              | 862,319              |
| Simpanan tetap  | 12   | 1,582,169            | 2,016,385            | 1,850,677            | 1,582,169            | 2,016,385            | 1,850,677            |
| Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan  | 13   | 303,717              | 349,173              | 391,034              | 303,717              | 349,173              | 391,034              |
| Pinjaman belum dibayar daripada subsidiari                                    | 14   | –                    | –                    | –                    | 1,243                | 1,265                | 896                  |
| Jumlah belum dibayar daripada subsidiari                                      | 14   | –                    | –                    | –                    | 950                  | 830                  | 2                    |
| Jumlah belum dibayar daripada Bank Negara Malaysia ("BNM")                    | 15   | 6,624                | 6,123                | 19,933               | 6,624                | 6,123                | 19,933               |
| Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang                                | 16   | 8,500                | 4,454                | 34,071               | 5,866                | 2,952                | 33,189               |
| Aset cukai tertunda   | 37   | 1,043                | –                    | –                    | –                    | –                    | –                    |
| Tunai dan setara tunai  |      | 65,916               | 37,899               | 23,281               | 65,545               | 37,303               | 22,953               |
| <b>JUMLAH ASET-ASET</b>   |      | <b>4,496,513</b>     | <b>5,111,312</b>     | <b>4,965,163</b>     | <b>4,379,472</b>     | <b>5,044,989</b>     | <b>4,941,986</b>     |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2013

Laporan Tahunan  
2013

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

## 234

|  | Nota | Kumpulan             |                      |                      | Syarikat             |                      |                      |
|--|------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
|  |      | 31.12.2013<br>RM'000 | 31.12.2012<br>RM'000 | 01.01.2012<br>RM'000 | 31.12.2013<br>RM'000 | 31.12.2012<br>RM'000 | 01.01.2012<br>RM'000 |
| <b>EKUITI DAN LIABILITI-LIABILITI</b>                                |      |                      |                      |                      |                      |                      |                      |
| <b>Ekuiti Yang Diagihkan Kepada Pemegang-pemegang Saham Syarikat</b> |      |                      |                      |                      |                      |                      |                      |
| Modal Saham  | 17   | 1,585,600            | 1,585,600            | 1,585,600            | 1,585,600            | 1,585,600            | 1,585,600            |
| Rizab-rizab  | 18   | 1,195,496            | 1,022,349            | 801,988              | 1,081,593            | 960,530              | 783,800              |
| Rizab sedia untuk jualan   | 19   | 5,188                | 5,367                | 4,971                | 7,500                | 5,013                | 4,232                |
|  |      | <b>2,786,284</b>     | 2,613,316            | 2,392,559            | <b>2,674,693</b>     | 2,551,143            | 2,373,632            |
| Kepentingan tidak dikawal  |      | 2,296                | 2,010                | 1,944                | –                    | –                    | –                    |
| <b>JUMLAH EKUITI</b>   |      | <b>2,788,580</b>     | 2,615,326            | 2,394,503            | <b>2,674,693</b>     | 2,551,143            | 2,373,632            |
| <b>LIABILITI-LIABILITI</b>   |      |                      |                      |                      |                      |                      |                      |
| Pinjaman daripada Bank Negara Malaysia                               | 20   | 800,000              | 800,000              | 800,000              | 800,000              | 800,000              | 800,000              |
| Skim Jaminan Usahawan Kecil  | 21   | 55,479               | 57,313               | 59,079               | 55,479               | 57,313               | 59,079               |
| Tabung Usahawan Kecil  | 22   | 32,609               | 31,319               | 30,079               | 32,609               | 31,319               | 30,079               |
| Dana-dana Kerajaan   | 23   | 152,842              | 151,842              | 151,842              | 152,842              | 151,842              | 151,842              |
| Saham Keutamaan  | 24   | 200,000              | 200,000              | 200,000              | 200,000              | 200,000              | 200,000              |
| Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS                            | 25   | 150,000              | 850,000              | 850,000              | 150,000              | 850,000              | 850,000              |
| Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil                                     | 26   | 11,075               | 11,108               | 12,424               | 11,075               | 11,108               | 12,424               |
| Pinjaman daripada kepentingan tidak dikawal                          | 28   | 564                  | 575                  | 407                  | –                    | –                    | –                    |
| Jumlah belum berbayar kepada subsidiari                              | 14   | –                    | –                    | –                    | –                    | –                    | 740                  |
| Peruntukan tuntutan bagi Skim-skim Jaminan                           | 27   | 47,239               | 68,159               | 187,834              | 47,239               | 68,159               | 187,834              |
| Tuntutan-tuntutan pemiutang  |      | 105,250              | 177,824              | 153,478              | 105,250              | 177,824              | 153,478              |
| Lain-lain pemiutang  | 28   | 152,875              | 147,846              | 125,517              | 150,285              | 146,281              | 122,878              |
| <b>JUMLAH LIABILITI-LIABILITI</b>                                    |      | <b>1,707,933</b>     | 2,495,986            | 2,570,660            | <b>1,704,779</b>     | 2,493,846            | 2,568,354            |
| <b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI-LIABILITI</b>                         |      | <b>4,496,513</b>     | 5,111,312            | 4,965,163            | <b>4,379,472</b>     | 5,044,989            | 4,941,986            |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Tahunan  
2013

Powering Malaysian SMEs

235

|  | Nota | Kumpulan       |                | Syarikat       |                |
|--|------|----------------|----------------|----------------|----------------|
|  |      | 2013<br>RM'000 | 2012<br>RM'000 | 2013<br>RM'000 | 2012<br>RM'000 |
| Pendapatan   | 32   | 123,682        | 149,554        | 116,819        | 142,537        |
| Pendapatan daripada pelaburan  | 33   | 105,640        | 197,195        | 105,640        | 197,189        |
|  |      | 229,322        | 346,749        | 222,459        | 339,726        |
| Lain-lain pendapatan operasi   | 34   | 58,912         | 65,150         | 59,275         | 65,435         |
| <b>Jumlah pendapatan</b>   |      | <b>288,234</b> | <b>411,899</b> | <b>281,734</b> | <b>405,161</b> |
| Perbelanjaan kakitangan  | 35   | 39,987         | 40,485         | 38,268         | 38,765         |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan   |      | 3,963          | 4,592          | 3,666          | 4,196          |
| Pelunasan aset-aset tidak ketara   |      | 5,402          | 6,375          | 3,458          | 4,318          |
| Peruntukan tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan (bersih)                            |      | 61,776         | 81,269         | 61,776         | 81,269         |
| Peruntukan kemerosotan ke atas nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (bersih) |      | 25,207         | 71,320         | 25,207         | 71,320         |
| Perbelanjaan faedah ke atas pinjaman daripada Kerajaan                             |      | 4,500          | 4,500          | 4,500          | 4,500          |
| Lain-lain perbelanjaan operasi   |      | 26,778         | 26,792         | 23,796         | 24,063         |
| <b>Jumlah perbelanjaan operasi</b>   |      | <b>167,613</b> | <b>235,333</b> | <b>160,671</b> | <b>228,431</b> |
| Perkongsi hasil keuntungan selepas cukai daripada syarikat bersekutu               |      | 51,486         | 43,797         | -              | -              |
| <b>Keuntungan sebelum cukai</b>  | 36   | <b>172,107</b> | 220,363        | <b>121,063</b> | 176,730        |
| Cukai  | 37   | 1,040          | (2)            | -              | -              |
| <b>Keuntungan bersih bagi tahun kewangan</b>                                       |      | <b>173,147</b> | 220,361        | <b>121,063</b> | 176,730        |
| <b>Pendapatan komprehensif yang lain:</b>  |      |                |                |                |                |
| <b>Perkara yang boleh dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian</b>        |      |                |                |                |                |
| Rizab sedia untuk jualan   |      |                |                |                |                |
| - Keuntungan nilai saksama bersih ke atas aset kewangan sedia untuk jualan         |      | 2,487          | 781            | 2,487          | 781            |
| - Perkongsian lain-lain pendapatan komprehensif dari syarikat bersekutu            |      | (2,666)        | (385)          | -              | -              |
| <b>Pendapatan komprehensif yang lain bagi tahun</b>                                |      | <b>(179)</b>   | 396            | <b>2,487</b>   | 781            |
| <b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>                          |      | <b>172,968</b> | 220,757        | <b>123,550</b> | 177,511        |
| Keuntungan bersih tahun kewangan boleh diagihkan kepada:                           |      |                |                |                |                |
| Pemegang Ekuiti Syarikat   |      | 172,861        | 220,295        | 121,063        | 176,730        |
| Kepentingan tidak dikawal  |      | 286            | 66             | -              | -              |
|  |      | <b>173,147</b> | 220,361        | <b>121,063</b> | 176,730        |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan boleh diagihkan kepada:         |      |                |                |                |                |
| Pemegang Ekuiti Syarikat   |      | 172,682        | 220,691        | 123,550        | 177,511        |
| Kepentingan tidak dikawal  |      | 286            | 66             | -              | -              |
|  |      | <b>172,968</b> | 220,757        | <b>123,550</b> | 177,511        |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Tahunan  
2013

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

## 236

| Kumpulan   | Nota | ← Boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat → |                              |  |                      |                     |                                |                                     | Jumlah Ekuiti<br>RM'000 |
|--|------|---|------------------------------|--|----------------------|---------------------|--------------------------------|-------------------------------------|-------------------------|
|  |      | RM'000  | Rizab Program Khas<br>RM'000 | Rizab Skim Perbankan Islam ("SPI")<br>RM'000 | Rizab Khas<br>RM'000 | Rizab AFS<br>RM'000 | Pendapatan Berkumpul<br>RM'000 | Kepentingan Tidak Dikawal<br>RM'000 |                         |
| Baki pada 1 Januari 2012                           |      |   |                              |  |                      |                     |                                |                                     |                         |
| – seperti yang telah dinyatakan                    |      | 1,585,600   | 206,839                      | 19,337                                       | 277,656              | 8,604               | 292,723                        | 2,201                               | 2,392,960               |
| Pelarasan tahun lepas                              | 44   | –   | 6,708                        | 356  | 19,677               | (3,633)             | (21,308)                       | (257)                               | 1,543                   |
| Baki pada 1 Januari 2012                           |      |   |                              |  |                      |                     |                                |                                     |                         |
| – dinyatakan semula                                |      | 1,585,600   | 213,547                      | 19,693                                       | 297,333              | 4,971               | 271,415                        | 1,944                               | 2,394,503               |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan |      | –   | –                            | –  | –                    | 396                 | 220,361                        | 66                                  | 220,823                 |
| Pindahan di antara rizab-rizab                     | 18   | –   | 12,208                       | (4,327)                                      | 44,579               | –                   | (52,460)                       | –                                   | –                       |
| Baki pada 31 Disember 2012                         |      | 1,585,600   | 225,755                      | 15,366                                       | 341,912              | 5,367               | 439,316                        | 2,010                               | 2,615,326               |
| Baki pada 1 Januari 2013                           |      |   |                              |  |                      |                     |                                |                                     |                         |
| – seperti yang telah dinyatakan                    |      | 1,585,600   | 213,092                      | 14,584                                       | 300,261              | (36)                | 467,566                        | 2,354                               | 2,583,421               |
| Pelarasan tahun lepas                              | 44   | –   | 12,663                       | 782  | 41,651               | 5,403               | (28,250)                       | (344)                               | 31,905                  |
| Baki pada 1 Januari 2013                           |      |   |                              |  |                      |                     |                                |                                     |                         |
| – dinyatakan semula                                |      | 1,585,600   | 225,755                      | 15,366                                       | 341,912              | 5,367               | 439,316                        | 2,010                               | 2,615,326               |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan |      | –   | –                            | –  | –                    | (179)               | 173,147                        | 286                                 | 173,254                 |
| Pindahan di antara rizab-rizab                     | 18   | –   | 8,194                        | (327)  | 29,707               | –                   | (37,574)                       | –                                   | –                       |
| Baki pada 31 Disember 2013                         |      | 1,585,600   | 233,949                      | 15,039                                       | 371,619              | 5,188               | 574,889                        | 2,296                               | 2,788,580               |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Tahunan  
2013

Powering Malaysian SMEs

237

| Syarikat   | Nota | Modal Saham<br>RM'000 | Tidak Boleh Diagihkan        |  |                      | Boleh Diagihkan     |                                | Jumlah Ekuiti<br>RM'000 |
|--|------|-----------------------|------------------------------|--|----------------------|---------------------|--------------------------------|-------------------------|
|  |      |                       | Rizab Program Khas<br>RM'000 | Rizab Skim Perbankan Islam ("SPI")<br>RM'000 | Rizab Khas<br>RM'000 | Rizab AFS<br>RM'000 | Pendapatan Berkumpul<br>RM'000 |                         |
| Baki pada 1 Januari 2012                           |      |                       |                              |  |                      |                     |                                |                         |
| – seperti yang telah dinyatakan                    |      | 1,585,600             | 206,839                      | 19,337                                       | 277,656              | 8,604               | 273,898                        | 2,371,934               |
| Pelarasan tahun lepas                              | 44   | –                     | 6,708                        | 356  | 19,677               | (4,372)             | (20,671)                       | 1,698                   |
| Baki pada 1 Januari 2012                           |      |                       |                              |  |                      |                     |                                |                         |
| – dinyatakan semula                                |      | 1,585,600             | 213,547                      | 19,693                                       | 297,333              | 4,232               | 253,227                        | 2,373,632               |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan |      | –                     | –                            | –  | –                    | 781                 | 176,730                        | 177,511                 |
| Pindahan di antara rizab-rizab                     | 18   | –                     | 12,208                       | (4,327)                                      | 44,579               | –                   | (52,460)                       | –                       |
| Baki pada 31 Disember 2012                         |      | 1,585,600             | 225,755                      | 15,366                                       | 341,912              | 5,013               | 377,497                        | 2,551,143               |
| Baki pada 1 Januari 2013                           |      |                       |                              |  |                      |                     |                                |                         |
| – seperti yang telah dinyatakan                    |      | 1,585,600             | 213,092                      | 14,584                                       | 300,261              | (36)                | 410,587                        | 2,524,088               |
| Pelarasan tahun lepas                              | 44   | –                     | 12,663                       | 782  | 41,651               | 5,049               | (33,090)                       | 27,055                  |
| Baki pada 1 Januari 2013                           |      |                       |                              |  |                      |                     |                                |                         |
| – dinyatakan semula                                |      | 1,585,600             | 225,755                      | 15,366                                       | 341,912              | 5,013               | 377,497                        | 2,551,143               |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan |      | –                     | –                            | –  | –                    | 2,487               | 121,063                        | 123,550                 |
| Pindahan di antara rizab-rizab                     | 18   | –                     | 8,194                        | (327)  | 29,707               | –                   | (37,574)                       | –                       |
| Baki pada 31 Disember 2013                         |      | 1,585,600             | 233,949                      | 15,039                                       | 371,619              | 7,500               | 460,986                        | 2,674,693               |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Tahunan  
2013

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

## 238

|   | Kumpulan       |                | Syarikat       |                |
|---|----------------|----------------|----------------|----------------|
|   | 2013<br>RM'000 | 2012<br>RM'000 | 2013<br>RM'000 | 2012<br>RM'000 |
| <b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>   |                |                |                |                |
| <b>Keuntungan bersih bagi tahun kewangan</b>  | <b>173,147</b> | 220,361        | <b>121,063</b> | 176,730        |
| <i>Pelarasan untuk:</i>   |                |                |                |                |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan  | 3,963          | 4,592          | 3,666          | 4,196          |
| Pelunasan aset-aset tidak ketara  | 5,402          | 6,375          | 3,458          | 4,318          |
| Keuntungan bersih ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan  | (98)           | (88)           | (98)           | (88)           |
| Hapus kira hartanah, loji dan peralatan   | -              | 2,647          | -              | 2,647          |
| Kerugian/(keuntungan) nilai saksama ke atas produk berstruktur  | 7,867          | (46,402)       | 7,867          | (46,402)       |
| Kerugian ke atas jualan pelaburan AFS   | 2,371          | 2,441          | 2,371          | 2,441          |
| Keuntungan ke atas jualan pelaburan FVTPL   | (9,657)        | (32,322)       | (9,657)        | (32,322)       |
| Kerugian/(keuntungan) belum perolehi atas penilaian pelaburan FVTPL   | 12,987         | (8,200)        | 12,987         | (8,200)        |
| Pertambahan diskaun ke atas pelaburan AFS   | (621)          | (887)          | (621)          | (887)          |
| Pelunasan premium ke atas pelaburan FVTPL   | 6,348          | 5,768          | 6,348          | 5,768          |
| Peruntukan tuntutan bagi Skim-skim Jaminan  | 61,776         | 81,269         | 61,776         | 81,269         |
| Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan  | 25,207         | 71,320         | 25,207         | 71,320         |
| Pelunasan pendapatan tertunda   | (3,456)        | (3,474)        | (3,456)        | (3,474)        |
| Pertambahan pinjaman Kerajaan   | 3,456          | 3,474          | 3,456          | 3,474          |
| Pendapatan faedah daripada subsidiari   | -              | -              | (62)           | (48)           |
| Perbelanjaan faedah ke atas pinjaman daripada Kerajaan  | 4,500          | 4,500          | 4,500          | 4,500          |
| Perkongsian keuntungan syarikat bersekutu   | (51,486)       | (43,797)       | -              | -              |
| Cukai   | (1,040)        | 2              | -              | -              |
| Perkongsian keuntungan kepentingan tidak dikawal  | 286            | 66             | -              | -              |
|   | <b>240,952</b> | 267,645        | <b>238,805</b> | 265,242        |
| Tambahan faedah akan diterima ke atas produk berstruktur (Tambahan)/kurangan dalam jumlah belum dibayar daripada subsidiari | (701)          | (461)          | (701)          | (461)          |
| (Tambahan)/kurangan dalam jumlah belum dibayar daripada BNM   | -              | -              | (120)          | (828)          |
| (Tambahan)/kurangan dalam jumlah belum dibayar daripada BNM   | (501)          | 13,810         | (501)          | 13,810         |
| Tambahan/(kurangan) penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang  | (4,045)        | 29,618         | (2,913)        | 30,237         |
| Kurangan/(tambahan) dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan  | 20,249         | (29,459)       | 20,249         | (29,459)       |
| Kurangan ke atas tuntutan-tuntutan pemiutang  | (155,271)      | (176,598)      | (155,271)      | (176,598)      |
| Tambahan ke atas penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang   | 8,486          | 25,803         | 7,461          | 26,876         |
| Kurangan dalam jumlah belum dibayar daripada subsidiari   | -              | -              | -              | (740)          |
| <b>Tunai dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi</b>   | <b>109,169</b> | 130,358        | <b>107,009</b> | 128,079        |
| Cukai dibayar   | (2)            | (4)            | -              | -              |
| <b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi</b>  | <b>109,167</b> | 130,354        | <b>107,009</b> | 128,079        |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.



# PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Tahunan  
2013

Powering Malaysian SMEs

239

|  | Kumpulan         |                  | Syarikat         |                  |
|--|------------------|------------------|------------------|------------------|
|  | 2013<br>RM'000   | 2012<br>RM'000   | 2013<br>RM'000   | 2012<br>RM'000   |
| <b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>                          |                  |                  |                  |                  |
| Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan                | 203              | 180              | 203              | 180              |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan                                   | (3,650)          | (1,939)          | (3,572)          | (1,853)          |
| Pembelian aset-aset tidak ketara   | (2,210)          | (2,410)          | -                | -                |
| Pembayaran pinjaman belum dibayar daripada subsidiari                    | -                | 168              | 84               | -                |
| Pengeluaran pinjaman belum dibayar daripada subsidiari                   | -                | -                | -                | (321)            |
| Modal bersih (sumbangan)/pengagihan dalam dana pelaburan                 | (1,926)          | 2,235            | (1,926)          | 2,235            |
| Pembelian pelaburan AFS  | (160,140)        | -                | (160,140)        | -                |
| Pembelian pelaburan FVTPL  | (470,009)        | (1,402,739)      | (470,009)        | (1,402,739)      |
| Perolehan daripada penjualan pelaburan AFS                               | 202,433          | 105,986          | 202,433          | 105,986          |
| Perolehan dari penjualan pelaburan FVTPL                                 | 627,477          | 1,358,307        | 627,477          | 1,358,307        |
| Kurangan/(tambahan) simpanan tetap                                       | 434,216          | (165,708)        | 434,216          | (165,708)        |
| <b>Tunai bersih digunakan dalam/(dijana) daripada aktiviti pelaburan</b> | <b>626,394</b>   | <b>(105,920)</b> | <b>628,766</b>   | <b>(103,913)</b> |
| <b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>                         |                  |                  |                  |                  |
| Pembayaran balik pinjaman kepada kepentingan tidak dikawal               | (11)             | -                | -                | -                |
| Pembayaran balik Skim Jaminan Usahawan Kecil                             | (4,000)          | (4,000)          | (4,000)          | (4,000)          |
| Pembayaran balik Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS               | (700,000)        | -                | (700,000)        | -                |
| Pembayaran balik dana-dana Kerajaan                                      | (3,500)          | (4,500)          | (3,500)          | (4,500)          |
| Pembayaran balik Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil                        | (33)             | (1,316)          | (33)             | (1,316)          |
| <b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan</b>                  | <b>(707,544)</b> | <b>(9,816)</b>   | <b>(707,533)</b> | <b>(9,816)</b>   |
| <b>PENINGKATAN BERSIH TUNAI DAN SETARA TUNAI DALAM TAHUN KEWANGAN</b>    | <b>28,017</b>    | <b>14,618</b>    | <b>28,242</b>    | <b>14,350</b>    |
| <b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN</b>                   | <b>37,899</b>    | <b>23,281</b>    | <b>37,303</b>    | <b>22,953</b>    |
| <b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>                  | <b>65,916</b>    | <b>37,899</b>    | <b>65,545</b>    | <b>37,303</b>    |
| Tunai dan setara tunai merangkumi:<br>Wang tunai dan baki dalam bank     | 65,916           | 37,899           | 65,545           | 37,303           |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Tahunan  
2013

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

## 240

### 1. MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat adalah memberi jaminan, pinjaman dan pembiayaan. Aktiviti utama subsidiari adalah menyediakan perkhidmatan rujukan kredit, penilaian kredit serta perkhidmatan yang berkaitan dengan biro kredit. Tiada sebarang perubahan yang ketara dalam kegiatan utama sepanjang tahun kewangan.

Syaikat ini adalah syarikat awam yang mempunyai liabiliti terhadap, ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat ialah di Aras 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tempat urusan perniagaan utama Syarikat ialah di Aras 8, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk diterbitkan dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 28 Mei 2014.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam menangani perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

#### 2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut peruntukan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS"), dan keperluan dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal serta andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan dalam tempoh yang dilaporkan. Pertimbangan para pengarah juga diperlukan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan tersebut dibuat berdasarkan kebijaksanaan Pengarah-pengarah tentang peristiwa dan tindakan terkini, namun keputusan sebenar mungkin berbeza.

Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau kompleks, atau perkara yang andaian dan anggaran memberi impak yang ketara kepada penyata kewangan didedahkan dalam Nota 3.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

(a) **Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diumumkan dan interpretasi piawaian sedia ada yang terpakai dan berkuatkuasa bagi Kumpulan dan Syarikat**

Pada 1 Januari 2013, Kumpulan dan Syarikat menerima pakai piawaian mandatori berikut bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013:

- MFRS 10, 'Penyata Kewangan Disatukan'
- MFRS 12, 'Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain'
- MFRS 13, 'Pengukuran Nilai Saksama'
- MFRS 127, 'Penyata Kewangan Berasingan'
- MFRS 128, 'Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama'
- Pindaan kepada MFRS 1, 'Pinjaman Kerajaan'
- Pindaan kepada MFRS 101, 'Pembentangan Butiran Lain-lain Pendapatan Komprehensif'
- Pindaan kepada MFRS 7, 'Instrumen Kewangan: Pendedahan'
- Penambahbaikan tahunan bagi Kitaran MFRS 2009 – 2011

Penggunaan dan penguatkuasaan piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada tidak memberi apa-apa kesan yang ketara kepada Kumpulan dan Syarikat selain daripada pendedahan yang lebih hebat kepada penyata kewangan.

(b) **Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan interpretasi kepada piawaian sedia ada yang terpakai bagi Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum efektif**

Kumpulan dan Syarikat akan mengguna pakai piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan interpretasi dalam tempoh berikut:

- (i) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2014
- Pindaan kepada MFRS 132 "Instrumen Kewangan: Pendedahan" (berkuatkuasa dari 1 Januari 2014) tidak mengubah modelimbangan semasa dalam MFRS 132. Ia menjelaskan maksud 'hak penguatkuasaan untuk kontra sekarang' bahawa hak untuk kontra mestilah hak yang ditetapkan pada hari ini (tidak pada peristiwa masa depan) dan mengikut penguatkuasaan undang-undang bagi semua urusan perniagaan. Ia menjelaskan bahawa beberapa mekanisme penyelesaian kasar dengan ciri-ciri yang berkesan bersamaan dengan penyelesaian bersih akan memenuhi pengimbangan kriteria MFRS 132.
  - Pindaan kepada MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 127 (berkuatkuasa dari 1 Januari 2014) memperkenalkan pengecualian kepada penyatuan entiti pelaburan. Entiti pelaburan adalah entiti yang perniagaannya bertujuan untuk melabur dana semata-mata untuk mendapatkan pulangan daripada peningkatan modal, pendapatan pelaburan atau kedua-duanya dan menilai prestasi pelaburan pada asas nilai saksama. Pindaan ini memerlukan entiti pelaburan mengukur prestasi pelaburan subsidiari mereka pada nilai saksama dan bukannya pada nilai penyatuan mereka.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

#### (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan interpretasi kepada piawaian sedia ada yang terpakai bagi Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum efektif (sambungan)

(ii) Tarikh penguatkuasaan belum ditentukan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia

- MFRS 9, 'Instrumen Kewangan – Klasifikasi dan Pengukuran Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan menggantikan bahagian MFRS 139 yang berkaitan dengan klasifikasi dan pengukuran instrumen kewangan. MFRS 9 memerlukan aset kewangan untuk diklasifikasikan kepada dua kategori pengukuran: yang diukur pada nilai saksama dan yang diukur pada kos pelunasan. Penentuan akan dibuat pada pengiktirafan awal. Pengelasan ini bergantung kepada model entiti perniagaan untuk menguruskan instrumen kewangannya dan ciri-ciri aliran tunai berkontrak instrumen tersebut. Bagi liabiliti kewangan, piawaian ini mengekalkan sebahagian besar keperluan MFRS 139. Perubahan utama adalah, dalam kes-kes di mana pilihan nilai saksama diambil bagi liabiliti kewangan, sebahagian daripada perubahan nilai saksama kerana risiko kredit entiti itu sendiri adalah direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain dan bukan penyata pendapatan, melainkan jika ia mewujudkan perakaunan yang tidak sepadan. Kumpulan dan Syarikat masih belum boleh menilai kesan penuh MFRS 9 ini. Kumpulan dan Syarikat juga akan mempertimbangkan kesan fasa seterusnya MFRS 9 apabila piawaian itu digunapakai dan dilaksanakan.

Kumpulan dan Syarikat akan menggunakan piawaian ini apabila berkuatkuasa. Penerimaan pakai piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada tidak dijangka mempunyai sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat kecuali kepada MFRS 9. Kesan kewangan kepada gunapakai MFRS 9 masih lagi dinilai oleh Kumpulan dan Syarikat.

### 2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu

#### (a) Subsidiari-subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah semua entiti yang mana Kumpulan mempunyai kawalan ke atasnya. Kumpulan mengawal entiti tersebut apabila terdedah kepada, atau mempunyai hak untuk pulangan yang berubah-ubah dari penglibatannya dengan entiti dan mempunyai keupayaan untuk memberi kesan kepada pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada kumpulan. Mereka diasingkan pada tarikh kawalan tersebut tamat.

Kumpulan menggunakan kaedah pengambilalihan bagi melaporkan penggabungan perniagaan. Pertimbangan yang dipindahkan untuk pembelian subsidiari ialah nilai-nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti yang ditanggung bekas pemilik syarikat diambil alih dan kepentingan ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Pertimbangan yang dipindahkan termasuklah nilai saksama sebarang aset atau liabiliti akibat daripada susunan pertimbangan luar jangka. Aset dikenalpasti yang diambilalih dan liabiliti dan liabiliti luar jangka yang ditanggung dalam gabungan perniagaan adalah diukur pada mulanya menurut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan.

Kumpulan mengiktiraf sebarang kepentingan tidak dikawal dalam syarikat yang diambilalih mengikut kes demi kes, sama ada pada nilai saksama atau pada sebahagian saham kepentingan tidak dikawal bagi jumlah yang diambilkira ke atas aset bersih yang boleh dikenalpasti.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu (sambungan)

#### (a) Subsidiari-subsidiari (sambungan)

Kos berkaitan pengambilalihan dibelanjakan apabila ianya berlaku.

Jika penyatuan perniagaan tersebut dicapai secara berperingkat, nilai saksama pada tarikh pengambilalihan yang sebelum ini dipegang secara kepentingan ekuiti syarikat yang dibeli adalah dinilai semula berdasarkan nilai saksama pada tarikh pengambilalihan melalui penyata pendapatan.

Sebarang pertimbangan luar jangka yang akan dipindahkan oleh Kumpulan dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan seterusnya kepada nilai saksama bagi pertimbangan luar jangka yang disifatkan sebagai sesuatu aset atau liabiliti diambilkira menurut MFRS 139, sama ada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif yang lain. Pertimbangan luar jangka yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula dan penyelesaian berikutnya diambilkira di dalam ekuiti.

Lebih nilai yang dipindahkan, jumlah sebarang kepentingan tidak dikawal yang diambil alih dan nilai saksama tarikh pengambilalihan dalam kepentingan ekuiti terdahulu yang diambilalih ke atas nilai saksama aset bersih yang boleh dikenalpasti adalah dinyatakan sebagai muhibah. Jika jumlah nilai yang dipindahkan, kepentingan luar jangka yang dinyatakan dan yang dipegang setelah diukur adalah kurang daripada aset bersih syarikat subsidiari yang diperolehi dalam kes pembelian yang rendah, perbezaannya dinyatakan secara langsung dalam penyata pendapatan.

Urusniaga antara syarikat, baki-baki dan keuntungan/(kerugian) belum direalisasi ke atas urusniaga antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan adalah dihapuskan semasa penyatuan. Apabila perlu, jumlah yang dilaporkan oleh subsidiari akan diselaraskan bagi mematuhi dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

#### (b) Syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu merupakan semua entiti yang mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara tetapi bukan kawalan terhadapnya, secara umumnya disertai dengan pegangan saham antara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk terlibat dalam polisi kewangan dan operasi melalui wakil di dalam Lembaga Pengarah tetapi tidak berkuasa untuk mengawal polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan pada mulanya dinyatakan pada kos, dan nilai bawaan akan bertambah atau berkurang untuk mengiktiraf saham pelabur daripada untung atau rugi syarikat yang dilabur berkenaan selepas tarikh pengambilalihan. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu meliputi muhibah yang dikenal pasti daripada pengambilalihan.

Jika kepentingan pemilikan dalam sesebuah syarikat bersekutu dikurangkan tetapi pengaruh ketara dikekalkan, hanya bahagian tertentu sahaja daripada jumlah saham yang sebelum ini dinyatakan dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula kepada penyata pendapatan yang mana sesuai.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu (sambungan)

#### (b) Syarikat bersekutu (sambungan)

Bahagian Kumpulan ke atas untung atau rugi selepas pengambilalihan diiktiraf dalam penyata pendapatan, dan bahagiannya dalam pergerakan lain-lain pendapatan komprehensif selepas pengambilalihan diambilkira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dengan pelarasan berkaitan kepada jumlah bawaan pelaburan tersebut. Apabila bahagian Kumpulan merupakan kerugian dalam syarikat bersekutu yang bersamaan atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu berkenaan, termasuk sebarang hutang-hutang lain yang tidak bercagar, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian lanjutan, kecuali ia telah melibatkan tanggungan yang menurut undang-undang atau secara tersusun atau bayaran dibuat bagi pihak syarikat bersekutu.

Kumpulan menentukan pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu telah rosot nilai. Jika ini berlaku, Kumpulan mengira jumlah ini sebagai perbezaan di antara jumlah boleh diperolehi semula oleh syarikat bersekutu dan nilai bawaannya dan mengiktiraf jumlah yang tersebut kepada bahagian keuntungan/(kerugian) syarikat bersekutu dalam penyata pendapatan.

Untung dan rugi yang terhasil daripada urusan di antara kumpulan dan syarikat bersekutunya adalah diiktiraf di dalam penyata kewangan Kumpulan itu hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan di dalam syarikat bersekutu. Kerugian tidak direalisasikan adalah dihapuskan melainkan urusan berkenaan menunjukkan bukti rosot nilai aset yang dipindahkan. Polisi-polisi perakaunan syarikat-syarikat bersekutu telah diubah di mana perlu bagi memastikan ketekalan dengan polisi-polisi yang digunakan oleh Kumpulan.

Kecairan keuntungan dan kerugian yang wujud daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu adalah dinyatakan dalam penyata pendapatan.

#### (c) Pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu

Dalam penyata kewangan Syarikat yang berasingan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu adalah dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Pada akhir tempoh setiap pelaporan, Kumpulan menilai samada wujud sebarang tanda rosot nilai. Apabila tanda rosot nilai wujud, nilai bawaan pelaburan tersebut dinilai dan dikurang catatkan serta-merta menurut jumlah yang boleh diperolehi semula. Sila lihat polisi perakaunan Nota 2.6 bagi rosot nilai aset-aset bukan kewangan.

Semasa penjualan pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu, perbezaan di antara hasil pelupusan dan nilai bawaan pelaburan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.3 Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Kos ini termasuk perbelanjaan secara langsung yang boleh dikaitkan kepada pengambilalihan aset.

Kos seterusnya dimasukkan dalam jumlah nilai bawaan aset atau dinyatakan sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perkara tersebut akan diperolehi oleh Kumpulan dan Syarikat, dan kos yang ditanggung tersebut boleh diukur dengan munasabah. Nilai bawaan bagi bahagian yang diganti adalah dinyah-iktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain adalah dinyatakan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku.

Hartanah, loji dan peralatan adalah disusutnilaikan menggunakan kaedah garis lurus, untuk mengagihkan kos aset ke atas anggaran hayat berguna, diringkaskan seperti berikut:

|                                  |                              |
|----------------------------------|------------------------------|
| Bangunan                         | 25 tahun                     |
| Tanah pajakan                    | mengikut baki tempoh pajakan |
| Kenderaan bermotor               | 5 tahun                      |
| Peralatan pejabat                | 5 tahun                      |
| Perabot, kelengkapan dan lekapan | 5 tahun                      |
| Pengubahsuaian                   | 5 tahun                      |
| Pekakasan perisian               | 5 tahun                      |

Nilai sisa dan hayat berguna aset adalah dikaji semula dan diselaraskan jika sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan Syarikat menilai sama ada wujud sebarang petunjuk rosot nilai. Sekiranya wujud, analisa dilakukan untuk menilai sama ada nilai bawaan aset boleh ditebus semula sepenuhnya. Pelupusan dibuat jika nilai bawaan melebihi jumlah boleh diperolehi semula. Sila lihat dasar perakaunan Nota 2.6 mengenai penurunan nilai aset bukan kewangan.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan adalah ditentukan dengan membandingkan hasil dengan nilai bawaan dan dikreditkan atau dicajkan kepada penyata pendapatan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Tahunan  
2013

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

# 246

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.4 Aset-aset tidak ketara

Aset-aset tidak ketara terdiri daripada kos data yang dipermodalkan dan perisian aplikasi.

Aset-aset tidak ketara dengan usia guna yang terhad, dinyatakan pada nilai kos dan ditolak darinya pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Perbelanjaan seterusnya hanya akan dipermodalkan jika ianya meningkatkan faedah-faedah ekonomi pada masa hadapan daripada aset-aset tertentu yang berhubung kait dengannya. Semua perbelanjaan lain akan diambilkira di dalam penyata pendapatan apabila ianya berlaku.

Aset tidak ketara dengan jangka hayat penggunaan yang terhad akan dilunaskan pada tarikh ia sedia untuk digunakan.

Pelunasan dinyatakan di dalam penyata pendapatan berasaskan garis lurus sepanjang tempoh hayat aset-aset tidak ketara, seperti berikut:

|                             |         |
|-----------------------------|---------|
| Kos data yang dipermodalkan | 5 tahun |
| Perisian aplikasi           | 5 tahun |

Kaedah-kaedah pelunasan, usia guna dan nilai bakian disemak semula pada setiap akhir tempoh laporan dan diubah, jika perlu.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan Syarikat menilai samada wujud sebarang petunjuk rosot nilai. Sekiranya wujud, analisa dilakukan untuk menilai sama ada nilai bawaan aset boleh ditebus semula sepenuhnya. Pelupusan dibuat jika nilai bawaan melebihi jumlah boleh diperolehi semula. Sila lihat dasar perakaunan Nota 2.6 penurunan nilai aset bukan kewangan.

Perbelanjaan yang berlaku bagi pembangunan perisian adalah dinyatakan sebagai perbelanjaan pembangunan sehingga perisian tersebut sudah sedia untuk digunakan. Perbelanjaan ini termasuk kos perisian, gaji dan kos pinjaman berkaitan dengan pembangunan tersebut.

### 2.5 Aset-aset kewangan

#### (a) Pengelasan

Kumpulan dan Syarikat mengklasifikasikan aset kewangannya melalui kategori berikut: Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, pinjaman dan penghutang dan pelaburan kewangan sedia untuk jualan. Pengelasan ini bergantung kepada tujuan yang mana aset kewangan telah diperolehi. Pihak pengurusan menentukan klasifikasi pada awal pengiktirafan.

#### (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)

Aset kewangan "FVTPL" adalah aset kewangan yang dipegang untuk urusan niaga. Aset kewangan diklasikan dalam kategori ini apabila ianya diperolehi atau dibeli terutamanya bagi tujuan jualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat. Aset-aset dalam kategori ini adalah diklasikan sebagai aset semasa jika ianya dijangka akan diselesaikan dalam tempoh 12 bulan; jika tidak, ia diklasikan sebagai bukan semasa.



## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)

#### (a) Pengklasan (sambungan)

##### (ii) Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan hutang belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut dalam pasaran aktif. Ia termasuk dalam aset semasa, kecuali bagi tempoh matang yang lebih daripada 12 bulan dari tarikh akhir tempoh laporan. Semua ini adalah diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

Pinjaman dan penghutang Kumpulan dan Syarikat adalah terdiri daripada 'simpanan tetap', 'pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan', 'pinjaman terhutang dari subsidiari', 'jumlah terhutang daripada subsidiari', 'jumlah terhutang oleh Bank Negara Malaysia', 'penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang' dan 'wang tunai dan setara tunai' dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan.

##### (iii) Pelaburan kewangan AFS

Pelaburan kewangan AFS adalah bukan derivatif, sama ada yang ditetapkan dalam kategori ini atau tidak diklasikan dalam mana-mana kategori yang lain. Ia dimasukkan dalam aset bukan semasa kecuali pelaburan itu matang atau pihak pengurusan berhasrat untuk melupuskannya dalam tempoh 12 bulan dari akhir tempoh laporan.

#### (b) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan dinyatakan pada awalnya mengikut nilai saksama termasuk kos urus niaga untuk semua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama menerusi untung atau rugi. Aset kewangan FVTPL pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urusniaga dibelanjakan dalam penyata pendapatan.

#### (c) Pengukuran seterusnya – keuntungan dan kerugian

Aset kewangan FVPTL and AFS kemudiannya dikira pada nilai saksama.

Pinjaman dan penghutang seterusnya dikira pada pelunasan kos menggunakan kaedah faedah efektif.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan FVPTL, termasuklah kesan terjemahan mata wang, faedah dan pendapatan dividen dinyatakan dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana perubahan itu muncul.

Perubahan dalam nilai saksama aset AFS dinyatakan dalam lain-lain pendapatan komprehensif, kecuali untuk kerugian rosot nilai (lihat polisi perakaunan Nota 2.5 (d)) dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Perbezaan pertukaran bagi aset-aset kewangan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Pendapatan dividen dan faedah atas aset kewangan AFS adalah dinyatakan secara berasingan dalam penyata pendapatan. Faedah atas sekuriti hutang AFS dikira menggunakan kaedah faedah efektif dan dinyatakan dalam penyata pendapatan. Pendapatan dividen atas instrumen ekuiti AFS dinyatakan dalam penyata pendapatan apabila hak Kumpulan dan Syarikat untuk menerima bayaran telah ditentukan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)

#### (d) Pengukuran seterusnya – rosot nilai aset kewangan

##### Aset-aset yang dibawa pada kos pelunasan

Kumpulan dan Syarikat akan menilai pada penghujung tempoh laporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan merosot nilai. Aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan rosot nilai dan kerugian rosot nilai berlaku hanya jika terdapat bukti objektif rosot nilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (satu 'kejadian kerugian') dan kejadian kerugian tersebut (atau kejadian-kejadian) mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan bagi aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Bukti rosot nilai ini boleh termasuk tanda-tanda bahawa peminjam atau sekumpulan peminjam mengalami masalah kewangan yang ketara, kebarangkalian bahawa mereka akan mufliis atau penyusunan semula, keingkaran dalam bayaran faedah atau pokok atau di mana data menunjukkan bahawa terdapat pengurangan dalam jangkaan aliran tunai masa depan, seperti perubahan ekonomi yang berhubung kait dengan kegagalan bayaran.

Jumlah kerugian adalah diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit yang belum dialami) didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Nilai bawaan aset adalah dikurangkan dan jumlah kerugian dinyatakan dalam penyata pendapatan. Jika 'pinjaman dan penghutang' mempunyai kadar faedah yang berubah-ubah, kadar diskaun untuk mengukur sebarang kerugian rosot nilai adalah kadar faedah efektif semasa yang ditentukan di bawah kontrak. Sebagai sesuatu yang efektif, Kumpulan dan Syarikat boleh mengukur rosot nilai atas asas nilai saksama instrumen menggunakan harga pasaran pemerhati.

Jika, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai dinyatakan (seperti peningkatan dalam penarafan kredit penghutang), pembalikan kerugian rosot nilai dinyatakan sebelum ini adalah dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Apabila sesuatu aset tidak boleh dikutip, ia akan dihapus kira daripada akaun peruntukan yang berkaitan. Aset tersebut adalah dihapus kira selepas semua prosedur yang perlu telah sempurna dan jumlah kerugian telah ditentukan.

#### (i) Taksiran individu

Kumpulan dan Syarikat akan menilai samada wujudnya bukti rosot nilai dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang disifatkan menjadi ketara secara individu.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai telah berlaku, jumlah kerugian adalah diukur sebagai perbezaan antara jumlah pinjaman dan nilai semasa aliran tunai masa hadapan didiskaun pada kadar faedah efektif asal pinjaman. Nilai bawaan pinjaman dikurangkan melalui akaun peruntukan dan jumlah kerugian adalah dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Semua pinjaman lain, pendahuluan dan pembiayaan yang telah ditaksir secara individu, tetapi tidak dianggap rosot nilai secara individu, dinilai sebagai rosot nilai kolektif.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)

#### (d) Pengukuran seterusnya – rosot nilai aset kewangan (sambungan)

##### Aset-aset yang dibawa pada kos pelunasan (sambungan)

##### (ii) Taksiran kolektif

Pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan akaun belum terima yang tidak penting secara individu dan pinjaman yang telah dinilai secara individu tanpa ada sebarang bukti bagi rosot nilai adalah dikumpulkan bersama untuk tafsiran rosot nilai kolektif. Pinjaman ini dikumpulkan dalam ciri-ciri risiko kredit yang sama untuk penilaian kolektif, di mana data daripada portfolio pinjaman (seperti kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, pinjaman kepada nisbah cagaran, dan lain-lain) dan penumpuan risiko (seperti prestasi kumpulan individu berlainan) adalah diambil kira.

Aliran tunai masa depan di dalam kumpulan aset kewangan yang dinilai secara kolektif untuk rosot nilai adalah dianggarkan berdasarkan pengalaman lalu kerugian Kumpulan dan Syarikat. Pengalaman kerugian diselaraskan berdasarkan data diperhatikan semasa untuk mencerminkan kesan keadaan semasa yang tidak memberi kesan tempoh di mana pengalaman kerugian bersejarah didasarkan dan untuk menghapuskan kesan keadaan dalam tempoh sejarah yang pada masa ini tidak wujud.

Anggaran perubahan dalam aliran tunai masa hadapan bagi kumpulan aset haruslah berarah selaras dengan perubahan dalam data pemerhatian yang berkaitan dari semasa ke semasa. Metodologi dan andaian yang digunakan untuk menganggar aliran tunai masa hadapan disemak dengan kerap oleh Kumpulan dan Syarikat untuk mengurangkan perbezaan antara anggaran kerugian dan pengalaman kerugian sebenar.

##### Aset-aset yang dikelaskan sebagai aset sedia untuk jualan ("AFS").

Kumpulan dan Syarikat akan menilai pada akhir tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan ini mengalami rosot nilai.

Bagi sekuriti hutang, Kumpulan dan Syarikat menggunakan kriteria pengukuran rosot nilai kerugian yang diguna pakai untuk "aset yang dibawa pada kos pelunasan" di atas.

Dalam sekuriti ekuiti yang dikelaskan sebagai "sedia untuk jualan", sebagai tambahan kepada kriteria bagi 'aset yang dibawa pada kos pelunasan' di atas, penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kosnya juga dianggap sebagai petunjuk bahawa aset ini rosot nilai. Jika bukti tersebut wujud bagi aset kewangan sedia untuk jualan, kerugian terkumpul yang telah dinyatakan secara langsung dalam ekuiti dikeluarkan daripada ekuiti dan dinyatakan dalam penyata pendapatan. Jumlah kerugian terkumpul yang dikelaskan semula kepada penyata pendapatan adalah perbezaan di antara kos perolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai ke atas aset kewangan yang sebelumnya dinyatakan dalam penyata pendapatan. Kerugian rosot nilai dinyatakan dalam penyata pendapatan ke atas instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia untuk jualan dan bukan melalui penyata pendapatan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Tahunan  
2013

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

## 250

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)

#### (e) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak bagi menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan dan Syarikat telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan tersebut.

Apabila penjualan pelaburan kewangan "sedia untuk jualan" dilakukan, maka penyelarasan nilai saksama terkumpul yang dinyatakan di dalam pendapatan komprehensif yang lain akan diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan.

### 2.6 Rosot nilai aset-aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai jangka hayat yang tidak jelas, sebagai contoh aset tidak ketara belum sedia untuk digunakan, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk rosot nilainya. Aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan nilai bawaan mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian rosot nilai dinyatakan jumlahnya apabila nilai bawaan aset melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah yang boleh diperolehi semula adalah nilai lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan penilaian rosot nilai, aset-aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai yang boleh dikenal pasti (unit penajaan tunai). Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang mengalami rosot nilai disemak bagi kemungkinan pembalikan rosot nilai pada setiap tarikh laporan.

Kerugian rosot nilai dicajkan kepada penyata pendapatan melainkan jika ia bertentangan dengan penilaian semula sebelumnya, yang mana ia dicaj kepada lebih penilaian semula. Kerugian rosot nilai atas muhibah tidak boleh dinilai semula. Berhubung dengan aset lain, sebarang peningkatan dalam jumlah yang boleh diperolehi semula dinyatakan dalam penyata pendapatan kecuali kerugian rosot nilai ke atas aset yang dinilai semula yang mana ia akan dibawa kepada lebih rizab penilaian semula.

### 2.7 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinilai pada kos pelunasan, kecuali liabiliti urusniaga yang telah ditetapkan pada nilai saksama, yang mana ianya dipegang pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Bagi semua liabiliti kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui untung dan rugi, pada mulanya mereka dikenalpasti mengikut nilai saksama termasuk kos urusniaganya. Liabiliti kewangan yang telah dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada mulanya dikenalpasti mengikut nilai saksama, dan kos urusniaga akan dicajkan di dalam penyata pendapatan. Liabiliti kewangan ini akan mengalami penyahiktirafan apabila ianya dihapuskan.

#### (a) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Kategori ini terdiri daripada dua sub-kategori: liabiliti kewangan dipegang untuk urus niaga ("HFT") dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai HFT jika ianya diperolehi atau kewujudannya berlaku dengan tujuan utama untuk penjualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat atau jika ianya adalah sebahagian daripada portfolio untuk instrumen kewangan yang dikenal pasti yang diuruskan bersama-sama dan terdapatnya bukti corak sebenar pengambilan untung jangka pendek. Derivatif juga dikategorikan sebagai HFT melainkan ianya wujud sebagai perlindungan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.7 Liabiliti kewangan (sambungan)

#### (b) Lain-lain liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan

Lain-lain liabiliti kewangan pada awalnya dinyatakan pada nilai saksama termasuk kos urusniaga. Selepas itu, liabiliti kewangan yang lain diukur semula pada kos pelunasan menggunakan kadar faedah efektif.

Lain-lain liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan adalah 'jumlah terhutang kepada Bank Negara Malaysia', 'Skim Jaminan Usahawan Kecil', 'Tabung Usahawan Kecil', 'Dana Kerajaan', 'Saham Keutamaan', 'Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS', 'Bantuan Kemudahan PKS', 'Dana Pembiayaan Usahawan Kecil', pinjaman terhutang kepada kepentingan tidak dikawal', 'jumlah terhutang kepada subsidiari', 'tuntutan-tuntutan pemiutang' dan 'lain-lain pemiutang'.

### 2.8 Instrumen kewangan derivatif

Pada mulanya derivatif dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimasuki dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama. Nilai saksama diperolehi daripada siarharga nilai pasaran dalam pasaran aktif termasuk pasaran urusniaga yang terkini dan teknik penilaian, termasuk modal aliran tunai berdiskaun dan modal penetapan harga opsyen yang mana bersesuaian. Kesemua derivatif dibawa sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan sebagai liabiliti apabila nilai saksama adalah negatif.

Bukti terbaik bagi nilai saksama derivatif pada pengiktirafan awal adalah harga urusniaga (iaitu nilai saksama bayaran yang diberi atau diterima) kecuali nilai saksama instrumen ini mempunyai bukti perbandingan dengan urusniaga yang boleh dilihat dari pasaran semasa yang lain di dalam instrumen yang sama (iaitu tanpa pengubahsuaian atau penukaran semula) atau berdasarkan teknik penilaian yang mana pembolehubahnya termasuk hanya data daripada pasaran yang boleh dilihat.

Keputusan kaedah mengiktirafkan nilai saksama kerugian atau keuntungan bergantung sama ada derivatif itu adalah instrumen lindung nilai, dan jika benar, jenis derivatif akan dilindung nilai.

### 2.9 Pajakan operasi

Pajakan operasi merupakan pajakan aset yang mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemajak. Pembayaran yang dibuat ke atas pajakan operasi dicajkan kepada penyata pendapatan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Apabila pajakan operasi dihentikan sebelum tamat tempoh, sebarang pembayaran penalti yang perlu dibuat kepada pemajak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana penamatan tersebut berlaku.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.10 Wang tunai dan setara wang tunai

Wang tunai dan setara tunai merangkumi tunai di tangan dan baki di bank, tidak termasuk simpanan tetap yang dipegang bagi tujuan pelaburan.

### 2.11 Modal saham

#### *Saham biasa*

Saham biasa adalah dikelaskan sebagai ekuiti. Kenaikan kos secara langsung yang berkaitan dengan penerbitan saham baru dan opsyen adalah dinyatakan dalam ekuiti sebagai potongan selepas cukai, daripada hasil.

#### *Saham keutamaan*

Saham keutamaan dikelaskan sebagai liabiliti jika ia boleh ditebus pada tarikh tertentu, atau mengikut pilihan pemegang saham keutamaan, atau jika bayaran dividen tidak ditetapkan. Dividen akan diiktiraf sebagai belanja faedah dalam penyata pendapatan.

### 2.12 Cukai pendapatan semasa dan cukai pendapatan tertunda

#### *Cukai semasa*

Caj cukai pendapatan semasa dikira berdasarkan undang-undang percukaian Malaysia yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh pelaporan dan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Pihak pengurusan secara berkala menilai kedudukan yang perlu diambil dalam pulangan cukai terhadap situasi di mana peraturan cukai yang dikenakan adalah tertakluk kepada tafsiran. Berdasarkan ini, peruntukan yang bersesuaian dibuat ke atas jumlah anggaran bayaran kepada pihak percukaian. Liabiliti ini dikira menggunakan keputusan anggaran yang terbaik.

#### *Cukai tertunda*

Cukai tertunda dikenalpasti menggunakan kaedah liabiliti iaitu perbezaan sementara yang wujud di antara jumlah aset dan liabiliti untuk tujuan percukaian dan jumlah bawaan di dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda ini tidak akan diambil kira jika ia wujud hasil daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusanniaga selain daripada kombinasi perniagaan yang mana urusanniaga pada masa itu tidak akan menjejaskan sama ada perakaunan atau cukai keuntungan dan kerugian.

Cukai tertunda ditentukan dengan menggunakan kadar percukaian (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada akhir tempoh pelaporan dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda berkaitan dikenalpasti atau liabiliti cukai tertunda ini sudah diselesaikan.

Aset cukai tertunda dinyatakan pada tahap di mana terdapat kemungkinan akan wujudnya keuntungan bercukai di mana perbezaan sementara yang dibenarkan atau kerugian cukai yang belum digunakan boleh ditolak daripadanya.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.12 Cukai pendapatan semasa dan cukai pendapatan tertunda (sambungan)

#### *Cukai tertunda (sambungan)*

Aset dan liabiliti daripada cukai pendapatan tertunda dan cukai pendapatan akan dikontrakan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda yang berkaitan dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama kepada entiti yang sama boleh cukai atau entiti yang berbeza boleh cukai di mana terdapatnya hasrat untuk menyelesaikan baki bersih cukai.

Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan kecuali apabila ia berlaku daripada urusniaga yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain, di dalam kes ini, cukai tertunda juga dicajkan atau dikreditkan ke pendapatan komprehensif yang lain.

### 2.13 Kebajikan pekerja

#### *Kebajikan pekerja jangka pendek*

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan kewangan adalah diakru dalam tempoh tahun kewangan yang mana perkhidmatan tersebut telah diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Syarikat.

#### *Pelan caruman wajib*

Kumpulan dan Syarikat menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja iaitu pelan caruman yang ditetapkan. Caruman Kumpulan dan Syarikat kepada pelan caruman ini dicajkan kepada penyata pendapatan tahun kewangan berkenaan. Apabila caruman telah dibayar, Kumpulan dan Syarikat tidak lagi mempunyai obligasi atas pembayaran tersebut.

### 2.14 Geran kerajaan

Manfaat dari pinjaman Kerajaan pada kadar faedah di bawah paras pasaran diambilkira sebagai pemberian Kerajaan. Pinjaman Kerajaan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan, dan diukur mengikut MFRS 139 'Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran'. Pemberian Kerajaan diukur sebagai perbezaan di antara nilai bawaan permulaan pinjaman Kerajaan yang ditentukan mengikut MFRS 139 dan jumlah yang diterima. Pemberian Kerajaan dipaparkan sebagai pendapatan tertunda dalam penyata kedudukan kewangan.

Pemberian Kerajaan dikenalpasti apabila terdapat jaminan yang berpatutan di mana pemberian tersebut akan diterima, dan Kumpulan dan Syarikat akan mematuhi syarat-syarat yang dilampirkan bersama pemberian tersebut. Pemberian Kerajaan diiktiraf dalam penyata pendapatan secara teratur ke atas tempoh di mana Kumpulan dan Syarikat mengiktirafnya sebagai perbelanjaan bagi kos yang berkaitan dengan tujuan pemberian diberikan.

Kumpulan dan Syarikat telah menggunakan peruntukan transisi dalam MFRS 120 'Perakaunan bagi Pemberian Kerajaan dan Pendedahan bagi Bantuan Kerajaan' dan Pindaan bagi MFRS 1 'Adaptasi Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia' ke atas Pinjaman Kerajaan di mana peruntukan perakaunan MFRS 120 patut digunakan secara prospektif untuk pemberian yang belum terima atau kena bayar balik setelah tarikh efektif piawaian tersebut.

Pinjaman Kerajaan yang wujud pada tarikh transisi adalah 'jumlah terutang kepada Bank Negara' bagi Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i dan saham Danajamin Nasional Berhad yang dilanggan, 'Dana Kerajaan', 'Saham Keutamaan', 'Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS' dan 'Dana Kewangan Usahawan Kecil'. Pinjaman Kerajaan ini dinyatakan pada nilai bawaannya yang dahulu.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.15 Peruntukan bagi tuntutan di bawah Skim Jaminan

Peruntukan bagi tuntutan untuk pendedahan Kumpulan dan Syarikat terhadap jaminan yang diberi berdasarkan notis daripada institusi kewangan apabila akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar dan apabila tuntutan dibuat oleh institusi kewangan.

Peruntukan bagi tuntutan diambilkira secara langsung kepada penyata pendapatan. Pindahan lebihan atau kurangan yang melibatkan rizab khas dibuat melalui pendapatan terkumpul.

### 2.16 Peruntukan

Peruntukan dinyatakan oleh Kumpulan dan Syarikat apabila semua syarat berikut dipenuhi:

- (i) Kumpulan dan Syarikat mempunyai obligasi undang-undang semasa, atau obligasi konstruktif hasil daripada peristiwa yang lepas;
- (ii) terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut; dan
- (iii) anggaran jumlah obligasi boleh dibuat.

### 2.17 Pendapatan tertunda (tidak termasuk pemberian Kerajaan)

Pendapatan tertunda terdiri daripada yuran langganan terdahulu dan yuran daripada pakej prabayar. Pendapatan tertunda diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan apabila perkhidmatan diberikan.

### 2.18 Liabiliti Luar Jangka

Kumpulan dan Syarikat tidak mengiktirafkan aset dan liabiliti luar jangka, tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih kejadian di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana aliran keluar sumber tidak diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam keadaan yang luar biasa di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti. Walau bagaimanapun, liabiliti luar jangka tidak termasuk kontrak jaminan kewangan.

Aset luar jangka adalah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih kejadian akan datang di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila pengaliran aliran masuk faedah ekonomi berkemungkinannya wujud, tetapi tidak semestinya berlaku.



## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.19 Pengiktirafan hasil

- (i) Yuran jaminan dikenalpasti menggunakan asas akruan sepanjang tempoh masa jaminan-jaminan yang telah diberikan.
- (ii) Pendapatan faedah dikenalpasti menggunakan kaedah faedah efektif. Apabila pinjaman dan akaun penerimaan belum terima ini merosot, Kumpulan dan Syarikat akan mengurangkan nilai bawaan kepada nilai yang boleh diperolehi, yang mana aliran tunai masa depan yang dianggarkan akan didiskaunkan pada kadar faedah instrumen asal, dan terus didiskaunkan sebagai pendapatan faedah. Pendapatan faedah ke atas pinjaman merosot dan belum terima diiktiraf menggunakan kadar faedah efektif yang asal.
- (iii) Pendapatan daripada urusan Perbankan Islam diambilkira menurut asas akrual berpandukan prinsip Syariah.
- (iv) Pendapatan faedah lain, termasuk pelunasan premium atau pemberian diskaun, diiktiraf berdasarkan pembahagian masa yang mengambilkira unjuran efektif aset tersebut.
- (v) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran dikenalpasti.
- (vi) Pendapatan sewa diiktiraf mengikut kadar masa kecuali apabila kegagalan bayaran sewa telah berlaku dan sewa tertunggak masih belum dijelaskan, di mana pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas digantung, pendapatan sewa diiktiraf berasaskan penerimaan bayaran sehingga kesemua tunggakan habis dibayar.
- (vii) Pendapatan lain diiktiraf apabila jumlah pendapatan dapat diukur dengan pasti dan berkemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir kepada entiti. Pendapatan subsidiari diiktiraf apabila perkhidmatan diberi dan diterima oleh pelanggan.

### 2.20 Matawang asing

#### (a) Fungsi dan pendedahan matawang asing

Butiran yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan bagi setiap Kumpulan dan entiti syarikat diukur menggunakan mata wang utama persekitaran ekonomi di mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan penyatuan akan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia di mana Kumpulan dan Syarikat itu beroperasi.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.20 Matawang asing (sambungan)

#### (b) Urusniaga dan baki matawang asing

Urusniaga mata wang asing adalah ditukarkan kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran semasa mengikut tarikh urusniaga atau nilai di mana barangan itu dinilai semula. Keuntungan dan kerugian daripada urusniaga-urusniaga tersebut dan daripada terjemahan kepada kadar pertukaran akhir tahun bagi aset dan liabiliti kewangan akan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Perubahan dalam nilai saksama sekuriti kewangan yang didominasi di dalam mata wang asing diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan AFS dianalisis antara perbezaan pertukaran yang terhasil daripada pertukaran sekuriti dalam kos pelunasan dan pertukaran yang lain dalam nilai bawaan bagi sekuriti. Perbezaan pertukaran yang berkaitan dengan perubahan dalam kos pelunasan dinyatakan di dalam penyata pendapatan, dan perubahan yang lain dalam nilai bawaan dinyatakan di dalam pendapatan komprehensif yang lain.

Perbezaan pertukaran ke atas aset dan liabiliti seperti ekuiti yang dipegang pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian akan dinyatakan di dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada keuntungan nilai saksama atau kerugian. Perbezaan pertukaran ke atas aset kewangan bukan kewangan, seperti ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia untuk jualan, akan dimasukkan ke dalam pendapatan komprehensif yang lain.

### 2.21 Anggaran nilai saksama untuk tujuan pendedahan

Asas anggaran nilai saksama bagi instrumen kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Nilai saksama bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, nota kredit-berkait, bon Cagamas dan sekuriti hutang swasta tidak disiar harga adalah berdasarkan harga pasaran indikatif.
- (ii) Nilai saksama bagi sekuriti ekuiti yang disiar harga adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga.
- (iii) Nilai saksama bagi pinjaman berkadar tetap, pendahuluan dan pembiayaan, Skim Jaminan Usahawan Kecil, Tabung Usahawan Kecil, Dana Kerajaan, saham keutamaan, Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS, Dana Pembiayaan Usahawan Kecil dan pinjaman dan kepentingan bukan kawalan adalah dianggarkan melalui pendiskaunan masa depan jangkaan aliran wang tunai tersebut, dengan mengambil kira keadaan pasaran dan syarat kontrak pinjaman tersebut.
- (iv) Amaun bawaan bagi aset dan liabiliti kewangan yang lain dengan tempoh matang kurang dari satu tahun diandaikan hampir dengan nilai saksamanya.

Ukuran nilai saksama dikelaskan menggunakan hierarki nilai saksama berdasarkan pemerhatian bagi input yang digunakan dalam pengukuran nilai saksama.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.21 Anggaran nilai saksama untuk tujuan pendedahan (sambungan)

Tahap untuk setiap pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama keseluruhannya. Hierarki tiga tahap ditakrifkan seperti berikut:

- Tahap 1 Ukuran nilai saksama yang tidak diubah, berdasarkan aset dan liabiliti yang sama disiar harga dalam pasaran yang aktif di mana Kumpulan dan Syarikat mempunyai keupayaan untuk mengaksesnya pada tarikh pengukuran. Penilaian adalah berdasarkan pada harga siaran yang mencerminkan transaksi pasaran yang melibatkan aset atau liabiliti yang sama dengan yang diukur.
- Tahap 2 Ukuran nilai saksama yang menggunakan input selain daripada harga siaran yang termasuk dalam Tahap 1 bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya termasuk harga siaran untuk aset dan liabiliti yang sama dalam pasaran-pasaran tidak aktif, siaran harga bagi aset dan liabiliti yang dikenalpasti di pasaran tidak aktif, input pemerhatian yang tidak ada harga (seperti kadar faedah, risiko kredit, dan lain-lain) dan input yang diperolehi atau disokong oleh data pasaran disebut.
- Tahap 3 Ukuran nilai saksama menggunakan input penting bukan pasaran yang boleh dilihat. Ini termasuk penilaian bagi aset dan liabiliti yang diperolehi menggunakan data, sebahagian atau semua pasaran yang tidak diperhatikan, termasuk andaian mengenai risiko.

## 3. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Anggaran dan asas andaian akan disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan adalah dinyatakan dalam tempoh itu, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa depan jika semakan memberi kesan kepada kedua-dua tempoh semasa dan akan datang.

Kumpulan dan Syarikat membuat anggaran dan andaian mengenai masa hadapan. Anggaran perakaunan yang terhasil akan, mengikut definisinya jarang menyamai keputusan sebenar. Anggaran dan andaian yang berisiko tinggi menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah bawaan aset dan liabiliti pada tahun kewangan yang akan datang adalah seperti berikut.

### (a) Nilai saksama produk berstruktur dan instrumen kewangan lain

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak diniagakan dalam pasaran aktif (contohnya, "over-the-counter" derivatif) ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian. Kumpulan menggunakan pertimbangan untuk memilih pelbagai kaedah dan membuat anggaran terutamanya yang berdasarkan kepada keadaan pasaran yang wujud pada akhir setiap tempoh pelaporan. Sila lihat Nota 43(d) untuk andaian penting yang digunakan bagi menganggarkan nilai saksama instrumen kewangan.

### 3. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL (SAMBUNGAN)

#### (b) Peruntukan kerugian pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Anggaran dan pertimbangan perakaunan yang berkaitan dengan rosot nilai pinjaman dan peruntukan bagi kedudukan kunci kira-kira adalah anggaran perakaunan yang kritikal kerana andaian asas yang digunakan untuk kedua-dua nilai rosot nilai secara individu dan kolektif boleh berubah dari semasa ke semasa dan boleh memberi kesan kepada keputusan operasi Kumpulan dan syarikat.

Dalam penilaian rosot nilai bagi aset, pertimbangan pihak pengurusan diperlukan. Penentuan peruntukan rosot nilai yang diperlukan bagi pinjaman yang dikira penting secara individu memerlukan penggunaan pertimbangan pengurusan yang besar mengenai perkara-perkara seperti keadaan ekonomi tempatan, prestasi kewangan pihak berkaitan dan nilai cagaran yang dipegang, yang mana pasaran yang boleh diakses belum tersedia. Jumlah sebenar aliran tunai masa hadapan mungkin akan berbeza daripada anggaran yang digunakan oleh pihak pengurusan dan seterusnya akan menyebabkan kerugian sebenar akan berbeza daripada dilaporkan.

Elaun rosot nilai bagi pinjaman yang secara individunya adalah penting tetapi tidak ada bukti objektif yang rosot nilai nilai wujud akan ditentukan secara kolektif. Peruntukan rosot nilai kolektif dikira berasaskan portfolio menggunakan model statistik yang menggabungkan banyak anggaran dan pertimbangan, oleh itu ianya tertakluk kepada ketidakpastian anggaran. Kumpulan dan Syarikat kerap melakukan kajian semula model dan data dan andaian setakat yang mungkin bagi mencerminkan keadaan ekonomi semasa. Kebarangkalian kelalaian, kerugian mungkir, dan tempoh kehilangan pengenalan, antara lain, semua ini akan diambil kira semasa kajian ini dilakukan.

#### (c) Aset cukai tertunda

Pertimbangan berat diperlukan dalam menentukan keuntungan boleh cukai masa hadapan oleh kerana ianya melibatkan aset cukai tertunda, dan elaun modal yang terhasil tidak akan diserap dan kerugian cukai yang tidak digunakan perniagaan adalah tertakluk kepada persetujuan dengan pihak berkuasa percukaian. Di mana keputusan akhir keuntungan boleh cukai masa depan adalah berbeza daripada jumlah yang pada mulanya dianggarkan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada aset dan liabiliti cukai tertunda dalam tahun kewangan di mana penentuan tersebut dibuat.

#### (d) Peruntukan bagi tuntutan di bawah skim jaminan

Peruntukan bagi tuntutan oleh institusi kewangan di bawah Skim Jaminan dibuat berdasarkan notis pinjaman tidak berbayar dan penyerah tuntutan simpanan oleh institusi kewangan dengan menggunakan peratusan jumlah pinjaman yang tidak berbayar dan penyerahan tuntutan berdasarkan pengalaman yang lepas.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Powering Malaysian SMEs

Laporan Tahunan  
2013

259

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| Kumpulan   | Bangunan<br>RM'000 | Tanah<br>pegangan<br>pajak<br>jangka<br>panjang<br>RM'000 | Kenderaan<br>bermotor<br>RM'000 | Peralatan<br>pejabat<br>RM'000 | Perabot<br>dan<br>kelengkapan<br>RM'000 | Pengubahsuaian<br>RM'000 | Peralatan<br>komputer<br>RM'000 | Kerja<br>dalam<br>kemajuan<br>RM'000 | Jumlah<br>RM'000 |
|--|--------------------|---|---------------------------------|--------------------------------|---|--------------------------|---------------------------------|--------------------------------------|------------------|
| <b>Kos</b>                                       |                    |   |                                 |                                |   |                          |                                 |                                      |                  |
| Pada 1 Januari 2013                              | 39,081             | 5,010   | 547                             | 2,353                          | 3,371                                   | 7,735                    | 12,837                          | 4,673                                | 75,607           |
| Tambahan   | -                  | -   | -                               | 80                             | 58                                      | 796                      | 1,110                           | 1,606                                | 3,650            |
| Pelupusan  | -                  | -   | -                               | (88)                           | (68)                                    | (3,305)                  | (1,238)                         | -                                    | (4,699)          |
| Pengkelasan kepada aset tidak<br>ketara (Nota 5) | -                  | -   | -                               | -                              | -                                       | -                        | -                               | (5,574)                              | (5,574)          |
| Pada 31 Disember 2013                            | 39,081             | 5,010   | 547                             | 2,345                          | 3,361                                   | 5,226                    | 12,709                          | 705                                  | 68,984           |
| <b>Tolak: Susutnilai terkumpul</b>               |                    |   |                                 |                                |   |                          |                                 |                                      |                  |
| Pada 1 Januari 2013                              | 25,011             | 2,214   | 251                             | 1,745                          | 2,938                                   | 6,641                    | 10,882                          | -                                    | 49,682           |
| Caj tahun semasa                                 | 1,563              | 35  | 100                             | 245                            | 211                                     | 589                      | 1,220                           | -                                    | 3,963            |
| Pelupusan  | -                  | -   | -                               | (81)                           | (63)                                    | (3,240)                  | (1,238)                         | -                                    | (4,622)          |
| Pada 31 Disember 2013                            | 26,574             | 2,249   | 351                             | 1,909                          | 3,086                                   | 3,990                    | 10,864                          | -                                    | 49,023           |
| <b>Nilai buku bersih:</b>                        |                    |   |                                 |                                |   |                          |                                 |                                      |                  |
| Pada 31 Disember 2013                            | 12,507             | 2,761   | 196                             | 436                            | 275                                     | 1,236                    | 1,845                           | 705                                  | 19,961           |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Tahunan  
2013

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

## 260

### 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

| Kumpulan  | Bangunan<br>RM'000 | Tanah<br>pegangan<br>pajak<br>jangka<br>panjang<br>RM'000 | Kenderaan<br>bermotor<br>RM'000 | Peralatan<br>pejabat<br>RM'000 | Perabot<br>dan<br>kelengkapan<br>RM'000 | Pengubahsuaian<br>RM'000 | Peralatan<br>komputer<br>RM'000 | Kerja<br>dalam<br>kemajuan<br>RM'000 | Jumlah<br>RM'000 |
|---|--------------------|---|---------------------------------|--------------------------------|---|--------------------------|---------------------------------|--------------------------------------|------------------|
| <b>Kos</b>  |                    |   |                                 |                                |   |                          |                                 |                                      |                  |
| Pada 1 Januari 2012<br>(seperti dilaporkan terdahulu) | 39,081             | 5,010   | 547                             | 2,108                          | 12,691                                  | 324                      | 12,771                          | 4,570                                | 77,102           |
| Pelarasan-pelarasan tahun sebelum                     | -                  | -   | -                               | 321                            | (9,239)                                 | 8,918                    | -                               | 2,647                                | 2,647            |
| Pada 1 Januari 2012<br>(seperti dinyatakan semula)    | 39,081             | 5,010   | 547                             | 2,429                          | 3,452                                   | 9,242                    | 12,771                          | 7,217                                | 79,749           |
| Tambahan  | -                  | -   | -                               | 214                            | 32                                      | 50                       | 66                              | 1,577                                | 1,939            |
| Pelupusan   | -                  | -   | -                               | (290)                          | (113)                                   | (1,557)                  | -                               | -                                    | (1,960)          |
| Hapus kira  | -                  | -   | -                               | -                              | -                                       | -                        | -                               | (2,647)                              | (2,647)          |
| Pengkelasan kepada aset tidak<br>ketara (Nota 5)      | -                  | -   | -                               | -                              | -                                       | -                        | -                               | (1,474)                              | (1,474)          |
| Pada 31 Disember 2012                                 | 39,081             | 5,010   | 547                             | 2,353                          | 3,371                                   | 7,735                    | 12,837                          | 4,673                                | 75,607           |
| <b>Tolak: Susutnilai terkumpul</b>                    |                    |   |                                 |                                |   |                          |                                 |                                      |                  |
| Pada 1 Januari 2012<br>(seperti dilaporkan terdahulu) | 23,448             | 2,179   | 142                             | 1,553                          | 10,227                                  | 210                      | 17,677                          | -                                    | 55,436           |
| Pelarasan-pelarasan tahun sebelum                     | -                  | -   | -                               | 216                            | (7,419)                                 | 7,203                    | (8,478)                         | -                                    | (8,478)          |
| Pada 1 Januari 2012<br>(seperti dinyatakan semula)    | 23,448             | 2,179   | 142                             | 1,769                          | 2,808                                   | 7,413                    | 9,199                           | -                                    | 46,958           |
| Caj tahun semasa                                      | 1,563              | 35  | 109                             | 264                            | 242                                     | 697                      | 1,682                           | -                                    | 4,592            |
| Pelupusan   | -                  | -   | -                               | (288)                          | (112)                                   | (1,469)                  | -                               | -                                    | (1,869)          |
| Pada 31 Disember 2012                                 | 25,011             | 2,214   | 251                             | 1,745                          | 2,938                                   | 6,641                    | 10,881                          | -                                    | 49,681           |
| <b>Nilai buku bersih:</b>                             |                    |   |                                 |                                |   |                          |                                 |                                      |                  |
| Pada 31 Disember 2012<br>(seperti dinyatakan semula)  | 14,070             | 2,796   | 296                             | 608                            | 433                                     | 1,094                    | 1,956                           | 4,673                                | 25,926           |
| Pada 1 Januari 2012<br>(seperti dinyatakan semula)    | 15,633             | 2,831   | 405                             | 660                            | 644                                     | 1,829                    | 3,572                           | 7,217                                | 32,791           |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Powering Malaysian SMEs

Laporan Tahunan  
2013

261

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

| Syarikat   | Bangunan<br>RM'000 | Tanah<br>pegangan<br>pajak<br>jangka<br>panjang<br>RM'000 | Kenderaan<br>bermotor<br>RM'000 | Peralatan<br>pejabat<br>RM'000 | Perabot<br>dan<br>kelengkapan<br>RM'000 | Pengubahsuaian<br>RM'000 | Peralatan<br>komputer<br>RM'000 | Kerja<br>dalam<br>kemajuan<br>RM'000 | Jumlah<br>RM'000 |
|--|--------------------|---|---------------------------------|--------------------------------|---|--------------------------|---------------------------------|--------------------------------------|------------------|
| <b>Kos</b>                                       |                    |   |                                 |                                |   |                          |                                 |                                      |                  |
| Pada 1 Januari 2013                              | 39,081             | 5,010   | 547                             | 2,277                          | 3,221                                   | 7,392                    | 11,387                          | 4,673                                | 73,588           |
| Tambahan   | -                  | -   | -                               | 67                             | 57                                      | 796                      | 1,046                           | 1,606                                | 3,572            |
| Pelupusan  | -                  | -   | -                               | (88)                           | (68)                                    | (3,305)                  | (1,238)                         | -                                    | (4,699)          |
| Pengkelasan kepada aset tidak<br>ketara (Nota 5) | -                  | -   | -                               | -                              | -                                       | -                        | -                               | (5,574)                              | (5,574)          |
| Pada 31 Disember 2013                            | 39,081             | 5,010   | 547                             | 2,256                          | 3,210                                   | 4,883                    | 11,195                          | 705                                  | 66,887           |
| <b>Tolak: Susutnilai terkumpul</b>               |                    |   |                                 |                                |   |                          |                                 |                                      |                  |
| Pada 1 Januari 2013                              | 25,011             | 2,214   | 251                             | 1,689                          | 2,828                                   | 6,364                    | 9,677                           | -                                    | 48,034           |
| Caj tahun semasa                                 | 1,563              | 35  | 100                             | 230                            | 187                                     | 537                      | 1,014                           | -                                    | 3,666            |
| Pelupusan  | -                  | -   | -                               | (81)                           | (63)                                    | (3,240)                  | (1,238)                         | -                                    | (4,622)          |
| Pada 31 Disember 2013                            | 26,574             | 2,249   | 351                             | 1,838                          | 2,952                                   | 3,661                    | 9,453                           | -                                    | 47,078           |
| <b>Nilai buku bersih:</b>                        |                    |   |                                 |                                |   |                          |                                 |                                      |                  |
| Pada 31 Disember 2013                            | 12,507             | 2,761   | 196                             | 418                            | 258                                     | 1,222                    | 1,742                           | 705                                  | 19,809           |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Tahunan  
2013

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

## 262

### 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

| Syarikat  | Bangunan<br>RM'000 | Tanah<br>pegangan<br>pajak<br>jangka<br>panjang<br>RM'000 | Kenderaan<br>bermotor<br>RM'000 | Peralatan<br>pejabat<br>RM'000 | Perabot<br>dan<br>kelengkapan<br>RM'000 | Pengubahsuaian<br>RM'000 | Peralatan<br>komputer<br>RM'000 | Kerja<br>dalam<br>kemajuan<br>RM'000 | Jumlah<br>RM'000 |
|---|--------------------|---|---------------------------------|--------------------------------|---|--------------------------|---------------------------------|--------------------------------------|------------------|
| <b>Kos</b>  |                    |   |                                 |                                |   |                          |                                 |                                      |                  |
| Pada 1 Januari 2012<br>(seperti dilaporkan terdahulu) | 39,081             | 5,010   | 547                             | 2,038                          | 12,564                                  | -                        | 11,359                          | 4,570                                | 75,169           |
| Pelarasan-pelarasan tahun sebelum                     | -                  | -   | -                               | 321                            | (9,239)                                 | 8,918                    | -                               | 2,647                                | 2,647            |
| Pada 1 Januari 2012<br>(seperti dinyatakan semula)    | 39,081             | 5,010   | 547                             | 2,359                          | 3,325                                   | 8,918                    | 11,359                          | 7,217                                | 77,816           |
| Tambahan  | -                  | -   | -                               | 208                            | 9                                       | 31                       | 28                              | 1,577                                | 1,853            |
| Pelupusan   | -                  | -   | -                               | (290)                          | (113)                                   | (1,557)                  | -                               | -                                    | (1,960)          |
| Hapus kira  | -                  | -   | -                               | -                              | -                                       | -                        | -                               | (2,647)                              | (2,647)          |
| Pengkelasan kepada aset tidak<br>ketara (Nota 5)      | -                  | -   | -                               | -                              | -                                       | -                        | -                               | (1,474)                              | (1,474)          |
| Pada 31 Disember 2012                                 | 39,081             | 5,010   | 547                             | 2,277                          | 3,221                                   | 7,392                    | 11,387                          | 4,673                                | 73,588           |
| <b>Tolak: Susutnilai terkumpul</b>                    |                    |   |                                 |                                |   |                          |                                 |                                      |                  |
| Pada 1 Januari 2012<br>(seperti dilaporkan terdahulu) | 23,448             | 2,179   | 142                             | 1,512                          | 10,145                                  | -                        | 16,759                          | -                                    | 54,185           |
| Pelarasan-pelarasan tahun sebelum                     | -                  | -   | -                               | 216                            | (7,419)                                 | 7,203                    | (8,478)                         | -                                    | (8,478)          |
| Pada 1 Januari 2012<br>(seperti dinyatakan semula)    | 23,448             | 2,179   | 142                             | 1,728                          | 2,726                                   | 7,203                    | 8,281                           | -                                    | 45,707           |
| Caj tahun semasa                                      | 1,563              | 35  | 109                             | 249                            | 214                                     | 630                      | 1,396                           | -                                    | 4,196            |
| Pelupusan   | -                  | -   | -                               | (288)                          | (112)                                   | (1,469)                  | -                               | -                                    | (1,869)          |
| Pada 31 Disember 2012                                 | 25,011             | 2,214   | 251                             | 1,689                          | 2,828                                   | 6,364                    | 9,677                           | -                                    | 48,034           |
| <b>Nilai buku bersih:</b>                             |                    |   |                                 |                                |   |                          |                                 |                                      |                  |
| Pada 31 Disember 2012<br>(seperti dinyatakan semula)  | 14,070             | 2,796   | 296                             | 588                            | 393                                     | 1,028                    | 1,710                           | 4,673                                | 25,554           |
| Pada 1 Januari 2012<br>(seperti dinyatakan semula)    | 15,633             | 2,831   | 405                             | 631                            | 599                                     | 1,715                    | 3,078                           | 7,217                                | 32,109           |



# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Powering Malaysian SMEs

Laporan Tahunan  
2013

263

## 5. ASET-ASET TIDAK KETARA

| Kumpulan   | Perisian dan<br>kos lain<br>RM'000 | Perbelanjaan<br>pembangunan<br>RM'000 | Jumlah<br>RM'000 |
|--|------------------------------------|---------------------------------------|------------------|
| <b>Kos</b>   |                                    |                                       |                  |
| Pada 1 Januari 2013  | 46,817                             | 2,460                                 | 49,277           |
| Tambahan   | 1,505                              | 705                                   | 2,210            |
| Pengkelasan daripada hartanah, loji dan peralatan (Nota 4) | 5,574                              | –                                     | 5,574            |
| Pelupusan  | (9,296)                            | –                                     | (9,296)          |
| Pada 31 Disember 2013                                      | 44,600                             | 3,165                                 | 47,765           |
| <b>Tolak: Pelunasan terkumpul</b>                          |                                    |                                       |                  |
| Pada 1 Januari 2013  | 37,085                             | –                                     | 37,085           |
| Caj pelunasan dalam tahun                                  | 5,402                              | –                                     | 5,402            |
| Pelupusan  | (9,268)                            | –                                     | (9,268)          |
| Pada 31 Disember 2013                                      | 33,219                             | –                                     | 33,219           |
| <b>Nilai buku bersih pada 31 Disember 2013</b>             | <b>11,381</b>                      | <b>3,165</b>                          | <b>14,546</b>    |
| <b>Kos</b>   |                                    |                                       |                  |
| Pada 1 Januari 2012 (seperti dilaporkan sebelum)           | 33,370                             | 1,135                                 | 34,505           |
| Pelarasan tahun terdahulu                                  | 10,888                             | –                                     | 10,888           |
| Pada 1 Januari 2012 (seperti dinyatakan semula)            | 44,258                             | 1,135                                 | 45,393           |
| Tambahan   | 1,085                              | 1,325                                 | 2,410            |
| Pengkelasan daripada hartanah, loji dan peralatan (Nota 4) | 1,474                              | –                                     | 1,474            |
| Pada 31 Disember 2012                                      | 46,817                             | 2,460                                 | 49,277           |
| <b>Tolak: Pelunasan terkumpul</b>                          |                                    |                                       |                  |
| Pada 1 Januari 2012 (seperti dilaporkan sebelum)           | 22,468                             | –                                     | 22,468           |
| Bahagian keuntungan selepas cukai syarikat bersekutu | i    | 37,968                                    | 5,829               | 43,797                      |
| Lain-lain pendapatan komprehensif:                   |      |   |                     |                             |
| – Perubahan nilai saksama pelaburan AFS              | c    | (8,640)                                   | 9,421               | 781                         |
|  | Nota | Seperti<br>dicatatkan<br>semula<br>RM'000 | Pelarasan<br>RM'000 | Dicatat<br>semula<br>RM'000 |
| <b>Syarikat</b>                                      |      |   |                     |                             |
| <b>Penyata pendapatan komprehensif</b>               |      |   |                     |                             |
| <b>Bagi tahun berakhir 31 Disember 2012</b>          |      |   |                     |                             |
| Pendapatan pelaburan                                 | b,d  | 157,684                                   | 39,505              | 197,189                     |
| Pendapatan operasi lain                              | g    | 61,961                                    | 3,474               | 65,435                      |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan              | a    | (6,209)                                   | 2,013               | (4,196)                     |
| Pelunasan aset tidak ketara                          | a    | (2,766)                                   | (1,552)             | (4,318)                     |
| Peruntukan tuntutan-tuntutan Skim Jaminan (bersih)   | f    | (68,396)                                  | (12,873)            | (81,269)                    |
| Peruntukan bagi rosot nilai                          | e    | (65,341)                                  | (5,979)             | (71,320)                    |
| Pelbagai perbelanjaan operasi                        | g,i  | (15,411)                                  | (8,652)             | (24,063)                    |
| Lain-lain pendapatan komprehensif:                   |      |   |                     |                             |
| – Perubahan nilai saksama pelaburan AFS              | c    | (8,640)                                   | 9,421               | 781                         |

# PENYATA LEMBAGA PENGARAH

Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Powering Malaysian SMEs

Laporan Tahunan  
2013

341

Kami, **DATO' AGIL NATT** dan **DATUK ZAITON MOHD HASSAN**, dua orang daripada Pengarah **CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD**, menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 233 hingga 340 telah disediakan berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2013 serta prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh yang tersebut.

Ditandatangani menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Mei 2014.



**DATO' AGIL NATT**  
Pengerusi



**DATUK ZAITON MOHD HASSAN**  
Pengarah

Kuala Lumpur

## PERAKUAN BERKANUN

Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, **DATUK WAN AZHAR BIN WAN AHMAD**, Pengarah yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan **CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD**, dengan sesungguhnya dan ikhlas mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 233 ke 340 pada pendapat saya adalah betul dan saya membuat pengakuan yang ikhlas ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia benar, dan menurut peruntukan Akta Akaun Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama yang tersebut di atas )  
DATUK WAN AZHAR BIN WAN AHMAD di Kuala Lumpur )  
dalam Wilayah Persekutuan pada 28 Mei 2014. )



**DATUK WAN AZHAR BIN WAN AHMAD**

Di hadapan saya,



2-4-4, 4th Floor, Menara KLH  
2, Jalan Kasipillay, Off Jalan Ipoh  
51200 Kuala Lumpur

28 MAY 2014

Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad  
(Diperbadankan di Malaysia) (No Syarikat: 12441-M)

Laporan Tahunan  
2013

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

## 342

### LAPORAN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan **CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD**, yang mengandungi penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2013, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada mukasurat 233 hingga 340.

#### *Tanggungjawab Para Pengarah terhadap Penyata Kewangan*

Pengarah-pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan untuk memberi gambaran yang benar dan munasabah menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Pengarah-pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salahnyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

#### *Tanggungjawab Juruaudit*

Kami bertanggungjawab untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan kerja pengauditan kami. Kami telah menjalankan kerja-kerja audit berdasarkan piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika disamping merancang dan melaksanakan audit bagi mendapatkan keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas dari salahnyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambilkira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk Syarikat dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah pada pendapat kami.

#### *Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan menunjukkan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang benar dan saksama pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan mereka dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 1965, di Malaysia.



# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad  
(Diperbadankan di Malaysia) (No Syarikat: 12441-M)

Powering Malaysian SMEs

Laporan Tahunan  
2013

343

## LAPORAN TENTANG UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN

Menurut keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- a) Pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Syarikat dan subsidiarinya telah disimpan dengan wajar dan sempurna mengikut kehendak akta tersebut.
- b) Kami berpuashati bahawa penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan, dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan yang dikehendaki oleh kami bagi tujuan tersebut.
- c) Laporan audit kami ke atas penyata kewangan subsidiari tidak mengandungi sebarang pengecualian atau teguran yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

## HAL-HAL LAIN

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak yang lain di atas kandungan laporan ini.



**PRICEWATERHOUSECOOPERS**  
(No. AF 1146)  
Akauntan bertauliah



**SOO HOO KHOON YEAN**  
(NO. 2682/10/15 (J))  
Akauntan bertauliah

Kuala Lumpur  
28 Mei 2014

Tujuan Piagam Lembaga Pengarah ini adalah untuk menggalakkan standard tadbir urus korporat tertinggi di dalam Perbadanan dan untuk menetapkan, antara lain, tanggungjawab dan fungsi Lembaga Pengarah bersesuaian dengan prinsip tadbir urus korporat yang baik.

### 1.0 PENGENALAN

#### Pendahuluan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas prestasi dan hal ehwal Perbadanan. Lembaga Pengarah diharapkan untuk menerajui Perbadanan dengan baik dan bertindak dengan profesional serta mendukung nilai-nilai teras berintegriti dan berusaha dengan mengambil perhatian terhadap tugas dan tanggungjawab fidusiari.

#### Tujuan

Tujuan Piagam Lembaga Pengarah ini adalah untuk menggalakkan standard tadbir urus korporat tertinggi di dalam Perbadanan dan untuk menetapkan, antara lain, tanggungjawab dan fungsi Lembaga Pengarah bersesuaian dengan prinsip tadbir urus korporat yang baik.

#### Kuasa

Lembaga Pengarah mendapat kuasa untuk bertindak dari Memorandum & Tataurusan Penubuhan Syarikat ("M&A") Perbadanan dan undang-undang Malaysia yang mentadbir Perbadanan.

### 2.0 LEMBAGA PENGARAH

#### Komposisi dan Keseimbangan

- i. Bilangan Pengarah hendaklah tidak kurang dari dua (2) dan tidak lebih dari dua puluh (20).
- ii. Keahlian Lembaga Pengarah sebaik-baiknya hendaklah tidak melebihi dari sepuluh (10) Pengarah dengan minimum sepertiga (1/3) daripadanya Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan maksimum dua (2) Pengarah Eksekutif.
- iii. Lembaga Pengarah hendaklah diterajui oleh seorang Pengerusi yang merupakan seorang Pengarah Bukan Eksekutif.
- iv. Jawatan Pengerusi dan Pengarah Eksekutif hendaklah berbeza dan berasingan dengan pembahagian tanggungjawab yang jelas.
- v. Lembaga hendaklah terdiri dari Pengarah dengan kemahiran, latarbelakang kelayakan akademik dan pengalaman yang pelbagai dalam bidang-bidang berikut:
  - a) perbankan, kewangan, perakaunan, undang-undang, pengurusan perniagaan, teknologi maklumat dan pengurusan pelaburan; dan
  - b) keusahawanan, berpengetahuan dalam pasaran/sector sasaran dan perspektif sosio-ekonomi serta pembangunan perniagaan (termasuklah perusahaan kecil dan sederhana).
- vi. Seorang wakil dan Persatuan Bank-Bank di Malaysia diperlukan dalam Lembaga Pengarah.
- vii. Pengarah-Pengarah hendaklah menjadi Ahli Lembaga Pengarah tidak lebih dari 5 syarikat tersenarai awam tidak termasuk anak-anak syarikat tersenarai awam tersebut atau anak-anak syarikat Perbadanan dan tidak melebihi dari 10 syarikat yang tidak tersenarai awam tidak termasuk syarikat milik keluarga.

## Proses Perlantikan, Kriteria Kelayakan, Tempoh Memegang Jawatan dan Pemilihan Semula

### a) Proses Perlantikan

- i. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk melantik seseorang menjadi Pengarah, sama ada untuk memenuhi kekosongan biasa atau sebagai tambahan kepada Pengarah sedia ada. Pengarah yang baru dilantik akan memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Perbadanan yang akan datang dan layak untuk pemilihan semula.
- ii. Pemegang saham boleh mencalonkan seseorang untuk dilantik sebagai Pengarah bagi pertimbangan Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan ("BNRC")
- iii. BNRC bertanggungjawab untuk menilai calon-calon Pengarah dan keanggotaan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah. BNRC kemudian akan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan.
- iv. Bank Negara Malaysia akan dimaklumkan mengenai sebarang perlantikan baru Pengarah.

### b) Kriteria Kelayakan

- i. Kriteria kelayakan bagi perlantikan seorang Pengarah adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Tataurusu Penubuhan Syarikat dan kriteria yang termaktub di bawah Garispanduan Perlantikan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan.

### c) Tempoh

- i. Tempoh Perkhidmatan bagi setiap penggal hendaklah tidak melebihi tiga (3) tahun dan Pengarah-Pengarah boleh dilantik semula tertakluk kepada persetujuan pemegang-pemegang saham semasa Mesyuarat Agung.
- ii. Penggal keseluruhan perkhidmatan seorang Pengarah hendaklah tidak melebihi tiga (3) penggal atau sembilan (9) tahun secara keseluruhannya. Keperluan ini hanyalah digunakan untuk Pengarah Bebas. Bila mana perkhidmatan seseorang Pengarah Bebas akan perlu dilanjutkan lagi, perlantikan pengarah tersebut akan bergantung kepada saranan Lembaga Pengarah dan persetujuan pemegang saham semasa Mesyuarat Agung.

*Bagi mengelakkan kekeliruan, peruntukan ini tidak digunakan kepada Pengarah Eksekutif.*

### d) Pemilihan Semula

- i. Pemilihan semula Pengarah dilakukan setiap tahun di Mesyuarat Agung Tahunan Perbadanan di mana sepertiga (1/3) dari Pengarah, atau, jika bilangannya bukan tiga (3) atau berganda tiga (3), maka bilangan paling hampir kepada sepertiga (1/3) akan bersara dan Pengarah-Pengarah yang akan bersara adalah layak untuk pemilihan semula.

### e) Lain-lain

- i. Lembaga Pengarah akan berpandukan kepada perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Pengarah sebagaimana termaktub di bawah Garispanduan Perlantikan Lembaga Pengarah Perbadanan di mana ia boleh dipinda dari masa ke semasa.

### Program Latihan Pengarah

- i. Perbadanan berdedikasi untuk menyokong latihan para Pengarah. Program Latihan para Pengarah meliputi perkara-perkara berikut:
  - a) Sesi Induksi Dalaman; dan
  - b) Program Pembangunan dan Pembelajaran Berterusan ("CLDP")
- ii. Setiap Pengarah yang baru dilantik akan melalui Sesi Induksi Dalaman yang bertujuan untuk memaklumkan kepada Pengarah-Pengarah yang baru dilantik tentang misi dan visi Perbadanan, falsafah dan urusan perniagaan, isu-isu semasa di dalam Perbadanan, strategi korporat dan harapan Perbadanan.
- iii. Sepanjang memegang jawatan Pengarah, para Pengarah akan mengambil bahagian dalam CLDP yang bermatlamat untuk memberikan latihan berterusan kepada para Pengarah bagi membolehkan mereka mengikuti perkembangan terkini dalam industri kewangan pembangunan.
- iv. Lembaga Pengarah akan seterusnya menilai keperluan latihan Pengarah-Pengarah dari masa ke semasa.

### Penilaian Keberkesanan

- i. Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menjalankan penilaian prestasi tahunan setiap Pengarah.
- ii. Keputusan penilaian BNRC akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan cadangan BNRC akan diambilkira oleh Lembaga Pengarah dalam menentukan penilaian para Pengarah yang akan dilantik/dipilih semula semasa Mesyuarat Agung akan datang.

### Imbuan

- i. Imbuan dan saraan yang bersesuaian untuk Pengarah-Pengarah akan dinilai dan dicadangkan kepada BNRC.
- ii. Pengarah-Pengarah adalah layak untuk menuntut perbelanjaan perjalanan, hotel dan lain-lain perbelanjaan yang munasabah dalam melaksanakan tugas termasuklah perbelanjaan berkaitan kehadiran Pengarah ke Mesyuarat Lembaga Pengarah.
- iii. Imbuan khas, sebagai tambahan kepada saraan biasa Pengarah (seperti gaji, komisyen, keuntungan atau sebaliknya) akan diberikan sekiranya Pengarah diperlukan untuk melaksanakan sebarang tugas khas atau perkhidmatan diluar dari tugas biasa sebagai seorang Pengarah.
- iv. Imbuan dan saraan para Pengarah hendaklah dari masa ke semasa ditentukan oleh Perbadanan dalam Mesyuarat Agung.

## 3.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

### Lembaga Pengarah

- i. Menurut Tataurusan Penubuhan Syarikat, secara amnya perniagaan Perbadanan akan diuruskan oleh Lembaga Pengarah.
- ii. Kecuali urusan-urusan yang memerlukan kelulusan dari para pemegang saham Perbadanan, Lembaga Pengarah boleh melaksanakan kuasa Perbadanan dan bagi pihak Perbadanan atau lain-lain urusan/perkara yang boleh dilaksanakan dan dilakukan oleh Perbadanan.

- iii. Lembaga Pengarah mempunyai peranan dan tanggungjawab berikut:
  - a) Menyumbang kepada pembangunan strategi korporat dan penetapan matlamat/sasaran;
  - b) Mendukung pendekatan pengurusan prestasi yang kukuh;
  - c) Memantau pembangunan pemimpin masa hadapan dan modal insan Perbadanan;
  - d) Memahami dan menguruskan risiko Perbadanan;
  - e) Menerimapakai saraan dan perspektif pemegang saham semasa membuat keputusan;
  - f) Mengimbangi kepentingan pihak-pihak berkepentingan; dan
  - g) Melaksanakan lain-lain fungsi yang ditetapkan oleh undang-undang.
- iv. Beberapa perkara khusus ditetapkan sebagai Perkara Khas dimana keputusan yang dibuat adalah dibawah pertimbangan khas dan tanggungjawab Lembaga Pengarah. Melainkan ianya dihadkan oleh Akta Syarikat 1965 atau Tataurusan Penubuhan Syarikat, tiada yang terkandung akan menghadkan Lembaga Pengarah untuk mewakilkan tanggungjawab bagi membuat keputusan khusus atau Perkara Khas kepada Jawatankuasa Penyemak Lembaga, Pengarah individu atau Pengurusan.

## Pengerusi

- i. Pengerusi bertanggungjawab ke atas kepimpinan keseluruhan dan keberkesanan Lembaga Pengarah.
- ii. Peranan utama Pengerusi, antara lain adalah seperti berikut:
  - a) Memastikan Lembaga Pengarah berfungsi dengan berkesan, bersepadu dan bebas dari Pengurusan
  - b) Tadbir urus dalam hal yang memerlukan keadilan dan integriti korporat;

- c) Menerajui/Memimpin Lembaga Pengarah, termasuk mengperkerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung serta memimpin perbincangan-perbincangan Pengarah bagi menggunakan masa yang ada dengan berkesan untuk memberikan perhatian kepada isu-isu kritikal yang dihadapi oleh Perbadanan;
- d) Menggalakkan hubungan yang konstruktif dan saling menghormati di kalangan Pengarah, Lembaga dan Pengurusan; dan
- e) Memastikan terdapatnya komunikasi yang efektif di antara Perbadanan dan/atau anak-anak syarikat dan pemegang-pemegang sahamnya dan/atau pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.

## Pengarah Eksekutif

- i. Pengarah Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah bagi pengurusan Perbadanan.
- ii. Peranan utama Pengarah Eksekutif, antara lain adalah seperti berikut:
  - a) Melaksanakan halatuju strategik Perbadanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah;
  - b) Memastikan perniagaan Perbadanan diuruskan dengan betul dan berkesan/efisien dengan memastikan pasukan eksekutif melaksanakan polisi dan strategi yang diterimapakai oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah;
  - c) Memastikan objektif dan standard prestasi difahami oleh Pengurusan dan warga kerja; dan
  - d) Memastikan perancangan operasi dan sistem kawalan telah tersedia, memantau keputusan prestasi berbanding perancangan dan di mana perlu, mengambil langkah-langkah penambahbaikan.

### 4.0 PROSES LEMBAGA PENGARAH

#### Mesyuarat Lembaga Pengarah

- i. Para Pengarah berhimpun untuk menjalankan tugas, bersurai dan mengawalselia mesyuarat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Pengarah.
- ii. Lembaga Pengarah akan berpandukan kepada Terma-terma Rujukan untuk Mesyuarat Lembaga Pengarah.
- iii. Perkara-perkara Khas, semua keputusan strategik dan keputusan pelaburan dibuat di Mesyuarat Lembaga Pengarah selepas melalui proses-proses yang perlu, perbincangan dan pertimbangan.

#### Resolusi Pekeliling

- i. Di antara Mesyuarat-Mesyuarat Lembaga Pengarah, urusan-urusan perniagaan yang memerlukan kelulusan segera Lembaga Pengarah boleh dibuat melalui Resolusi Pekeliling dengan sisipan semua maklumat yang relevan bagi membolehkan Lembaga membuat keputusan yang jitu/tepat.
- ii. Resolusi Pekeliling dalam bentuk bertulis yang dilaksanakan oleh semua Ahli Lembaga Pengarah adalah efektif untuk semua tujuan sebagaimana resolusi yang diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan.

#### Nasihat Bebas

- i. Lembaga Pengarah boleh mendapatkan nasihat bebas dan maklumat dalam melaksanakan tugas bagi pihak Perbadanan untuk memastikan para Pengarah membuat keputusan yang bebas dan tepat/jitu.

### 5.0 KUASA MEWAKILKAN

- i. Jika dihadkan oleh undang-undang atau Tataurus Penubuhan Syarikat, tiada yang terkandung akan menghadkan Lembaga Pengarah untuk mewakilkan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, Pengarah individu, Pengurusan atau orang perseorangan.

### Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah

- i. Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah ditubuhkan bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan tanggungjawabnya:

| No | Jawatankuasa                              | Kekerapan Mesyuarat  |
|----|---|--|
| 1. | Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit        | Sekurang-kurangnya 6 mesyuarat setahun atau apabila ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa |
| 2. | Jawatankuasa Pengurusan Risiko            | Setiap Suku tahunan  |
| 3. | Jawatankuasa Pelaburan                    | Setiap Dua bulan sekali  |
| 4. | Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran/Imbuan | Setiap Setengah Tahun/Enam bulan sekali  |
| 5. | Jawatankuasa Pembangunan Bumiputra        | Setiap Suku Tahunan  |

- ii. Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah menjalankan tugas mengikut peranan dan tanggungjawab yang jelas sebagaimana termaktub dalam Terma Rujukan setiap Jawatankuasa.
- iii. Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah melapor kepada Lembaga berhubung perbincangan, penemuan dan cadangan. Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah ini melapor kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara yang dibincangkan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak masing-masing.
- iv. Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah ini dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk mendapatkan halatuju dan perbincangan lanjut.

- v. Walaupun Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah ini mempunyai kuasa untuk membincangkan perkara-perkara yang dibawa kepada mereka, semua keputusan dan/atau cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa ini akan dibawa kepada perhatian Lembaga yang secara kolektifnya bertanggungjawab terhadap kejayaan, perniagaan, strategi, pengurusan risiko, operasi dan prestasi kewangan Perbadanan.
- vi. Lembaga dari masa ke semasa akan menubuhkan lain-lain jawatankuasa atau jawatankuasa ad hoc untuk melaksanakan peranan khusus jika dirasakan perlu.

#### **Pengurusan**

- i. Lembaga Pengarah boleh mewakili kuasa dan fungsi kepada Pengurusan melalui manual-manual yang bersesuaian mengenai perwakilan dan kuasa.
- ii. Walau bagaimanapun, tanggungjawab utama dan kawalan adalah ditangan Pengarah sebagaimana dinasihati oleh Pengarah Eksekutif.
- iii. Lembaga Pengarah akan dibekalkan oleh Pengurusan dengan maklumat, jangkawaktu dan kualiti yang akan membolehkan Lembaga Pengarah menjalankan tugasnya dengan efektif.
- iv. Lembaga Pengarah boleh meminta sebarang maklumat tambahan pada bila-bila masa dirasakan perlu.

#### **Surat Kuasa Wakil, Wakil Korporat dan Proksi**

- i. Lembaga Pengarah dibenarkan melalui Surat Kuasa Wakil, Sijil atau borang proksi melantik mana-mana perbadanan, firma, orang perseorangan atau sekumpulan orang untuk menjadi wakil, wakil korporat atau proksi bagi pihak Perbadanan.
- ii. Perlantikan wakil, wakil korporat atau proksi boleh dibuat untuk maksud sedemikian dan dengan kuasa dan pertimbangan di mana ia tidak melebihi mereka yang berkepentingan atau boleh dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah di bawah Tataurusan Penubuhan Syarikat dan untuk jangkamasa tersebut serta bergantung kepada keadaan di mana Lembaga Pengarah berpendapat ia wajar.

#### **6.0 KEWAJIPAN BERHATI-HATI, PERTIMBANGAN PERNIAGAAN DAN KEBERGANTUNGAN KEPADA MAKLUMAT**

- i. Lembaga Pengarah pada setiap masa boleh menggunakan kuasanya untuk tujuan yang wajar dengan ikhlas dan dengan kepentingan terbaik untuk Perbadanan.
- ii. Setiap Pengarah akan melaksanakan tugas dengan berhati-hati, berkemahiran serta tekun dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diharapkan dari seorang Pengarah yang mempunyai tanggungjawab yang sama; dan sebarang pengetahuan tambahan, kemahiran dan pengalaman yang dipunyai oleh Pengarah tersebut.
- iii. Setiap Pengarah yang membuat pertimbangan perniagaan perlulah memenuhi keperluan tugas sebagaimana yang telah dinyatakan dan tugas-tugas yang berpadanan di bawah *Common Law* dan adil jika Pengarah tersebut:
  - a) Membuat pertimbangan perniagaan dengan ikhlas untuk tujuan yang wajar;
  - b) Tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam perkara yang berkaitan dengan pertimbangan perniagaan
  - c) Dimaklumkan mengenai perkara berkaitan pertimbangan perniagaan sehingga Pengarah mempercayai dengan munasabah bahawa ianya wajar di bawah keadaan tertentu; dan
  - d) Mempercayai dengan wajar bahawa pertimbangan perniagaan tersebut adalah demi kepentingan terbaik Perbadanan.

- iv. Pengarah yang melaksanakan tugas bergantung kepada maklumat, nasihat profesional atau pakar, pendapat, laporan atau penyata termasuk penyata kewangan atau lain-lain data kewangan yang disedia, dibentang atau dibuat oleh:
  - a) Mana-mana pegawai Perbadanan (atau syarikat berkaitan) di mana Pengarahnya percaya dengan sebab munasabah sebagai boleh dipercayai dan cekap dalam perkara berkenaan;
  - b) Mana-mana orang perseorangan yang dikekalkan oleh Perbadanan di mana ia melibatkan kemahiran atau kepakaran yang berkaitan dan Pengarah percaya dengan munasabah bahawa ia adalah kecekapan atau kepakaran orang tersebut;
  - c) Pengarah lain dalam perkara yang berkaitan dengan kuasa Pengarah tersebut; atau
  - d) Sebarang Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak di mana Pengarah tidak berkhidmat dalam perkara dalaman kuasa Jawatankuasa tersebut.
- v. Kebergantungan Pengarah kepada maklumat yang dibekalkan oleh orang lain adalah dianggap dibuat atas dasar yang munasabah jika dibuat dengan ikhlas dan selepas membuat penilaian bebas ke atas maklumat atau nasihat, pendapat, laporan atau penyata termasuk penyata kewangan dan lain-lain data kewangan, dengan mengambilkira pengetahuan Pengarah tentang Perbadanan dan struktur kompleks serta operasi Perbadanan.

### 7.0 MESYUARAT AGUNG

- i. Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") akan diadakan sekali dalam tahun kalendar pada suatu masa (tidak lebih dari 15 bulan selepas mengadakan Mesyuarat Agung terdahulu) dan pada suatu tempat yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah.
- ii. Lembaga Pengarah berhak untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa ("EGM") sama ada atas inisiatif sendiri atau sebagaimana yang diperlukan oleh pemegang saham untuk membuat keputusan mengenai sebarang perkara khusus atau mustahak yang memerlukan perhatian segera Perbadanan.

### 8.0 KERAHSIAAN DAN PENYATAAN KEPENTINGAN

- i. Para Pengarah adalah dikehendaki untuk bertindak atas kepentingan terbaik Perbadanan dan berakujanji akan kerahsiaan berkaitan maklumat sulit/rahsia Perbadanan
- ii. Pengarah akan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah:
  - a) Sebarang kepentingan peribadi/keluarga dalam perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Perbadanan; dan
  - b) Lain-lain kepentingan (langsung atau tidak langsung) di mana bersesuaian untuk dinyatakan dengan tujuan untuk mengelak sebarang konflik kepentingan atau persepsi konflik kepentingan.

### 9.0 ETIKA DAN PEMATUHAN

- i. Pengarah akan mematuhi Kod Tadbir Urus Korporat Perbadanan termasuklah sebarang pindaan yang dibuat seterusnya.

### 10. KAJIAN SEMULA PIAGAM LEMBAGA PENGARAH

- i. Piagam Lembaga diterimapkai oleh Lembaga pada 10 Disember 2103 dan berkuatkuasa bermula 1 Januari 2014. Sebarang pindaan seterusnya ke atas Piagam Lembaga Pengarah boleh dibuat melalui kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii. Piagam Lembaga Pengarah akan dikaji semula secara berkala dan dikemaskini bersesuaian dengan keperluan Perbadanan dan sebarang undang-undang baru atau peraturan yang mungkin mempunyai impak kepada tugas dan/atau tanggungjawab Lembaga Pengarah.



## 1. PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Lembaga Pengarah Syarikat ("Lembaga Pengarah") dipertanggungjawab dan bertanggungjawab dalam menentukan prestasi dan hal ehwal Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad ("Perbadanan").

Budaya korporat Perbadanan mengutamakan prinsip kejujuran dan integriti di mana Pengurusan Kanan Perbadanan akan memimpin melalui teladan dan akan memastikan pengurusan pematuhan Perbadanan yang berkesan. Dalam Perbadanan, pematuhan bermula dari atas dan membentuk bahagian yang penting dalam aktiviti perniagaan Perbadanan.

Ia adalah tanggungjawab setiap pekerja Perbadanan untuk menjalankan perniagaan dengan pematuhan penuh terhadap undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan yang menyelia perniagaan Perbadanan.

### 1.2 Objektif

Objektif Piagam Pematuhan ini ialah untuk menentukan peranan dan fungsi-fungsi Unit Pematuhan.

### 1.3 Unit Pematuhan

Unit Pematuhan ditubuhkan pada tahun 2013 untuk memainkan peranan terutamanya dalam penyeliaan bagi setiap peringkat pengurusan di dalam Perbadanan untuk memastikan bahawa Perbadanan mematuhi semua undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan yang menyelia perniagaan Perbadanan.

Dalam hal ini, Unit Pematuhan melaksanakan komunikasi yang berterusan dengan pihak Pengurusan Kanan dan Ketua Jabatan di dalam Perbadanan dengan tujuan untuk menambahbaikkan peranan penyeliaan yang sedia ada dan memastikan bahawa dasar-dasar dan prosedur adalah mencukupi bagi melaksanakan pengawasan yang sewajarnya untuk Jabatan masing-masing.

Unit Pematuhan melapor kepada Lembaga Pengarah Tadbir Urus dan Jawatankuasa Audit ("BGAC") berkenaan status dan kemaskini Pengurusan Risiko Pematuhan Syarikat terutamanya Pematuhan Berkanun dan Pematuhan Peraturan (secara kolektif disebut sebagai "Risiko Pematuhan") yang dihadapi oleh Perbadanan.

### 2. STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO PEMATUHAN

2.1 Unit Pematuhan mengenal pasti, menilai, melaksanakan dan memantau keakuran Pematuhan Berkanun dan Pematuhan Peraturan oleh pekerja-pekerja Perbadanan.

| KATEGORI            | SKOP   |
|---------------------|--|
| Pematuhan Berkanun  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti, menilai dan melaksanakan keperluan pematuhan di bawah Akta-Akta yang terpakai yang mentadbir Perbadanan</li> </ul> <p>Contohnya Akta Berkenaan dikeluarkan oleh Kerajaan – AMLATFA, DFIA, PDPA, Akta Persaingan dan lain-lain</p>   |
| Pematuhan Peraturan | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti, menilai dan melaksanakan syarat-syarat pematuhan di bawah peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan</li> <li>Garis panduan atau peraturan contohnya Bank Negara Malaysia/Kementerian/Agensi Berkuasa Tempatan/Pihak Penguatkuasa</li> </ul> |

2.2 Pendekatan keseluruhan Pengurusan Risiko Pematuhan merangkumi:

| KATEGORI     | KETERANGAN   |
|--------------|--|
| Identifikasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti Risiko Pematuhan dalam Perbadanan.</li> </ul>  |
| Penilaian    | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti Risiko Pematuhan dari segi kemungkinan dan kesan buruk akibat pelanggaran pematuhan (kewangan, penyeliaan, operasi, reputasi, dan lain-lain).</li> </ul>                                   |
| Pengurusan   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti Risiko Pematuhan dan membina konsep kawalan yang sesuai</li> <li>Melaksanakan, membuat dan menyelia kawalan Risiko Pematuhan</li> <li>Menilai dan menguji keberkesanan kawalan.</li> </ul> |
| Pelaporan    | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemantauan dan pelaporan aktiviti-aktiviti Jabatan masing-masing untuk memastikan pematuhan kanun-kanun, peraturan dan etika yang berkaitan di bawah undang-undang.</li> </ul>                            |

### 3. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

3.1 Peranan dan tanggungjawab Unit Pematuhan termasuk:

- i) melaporkan kepada BGAC mengenai status dan kemaskini Risiko Pematuhan Perbadanan terutamanya isu-isu ketidakpatuhan yang dihadapi oleh Perbadanan;
- ii) memantau perkembangan undang-undang dan peraturan dan menilai kesannya terhadap Perbadanan;
- iii) menasihati dan memantau analisis kesan operasi dengan Jabatan-jabatan mengenai syarat pematuhan berkanun dan peraturan yang baru;
- iv) mengenal pasti, menilai dan memantau pematuhan, langkah-langkah pemulihan atau pembedahan Risiko Pematuhan oleh Jabatan-jabatan;
- v) berhubung dengan Kementerian, Agensi Kerajaan, Pihak Pentadbiran dan Agensi Penguatkuasaan (secara kolektif dirujuk sebagai "Pihak Berkuasa") berkenaan apa-apa isu Risiko Pematuhan;
- vi) mewujudkan Rangka Kerja Pematuhan dan membangunkan peranan dan fungsi pematuhan; dan
- vii) menyediakan latihan kepada Jabatan-jabatan berkenaan syarat-syarat baru Pematuhan Berkanun dan Peraturan dan menggalakkan penerapan budaya pematuhan dalam Perbadanan.

### 4. KEBEBASAN

4.1 Unit Pematuhan menjalankan fungsi bebas dan secara objektif untuk memastikan pertimbangan yang adil dan saksama yang mana penting untuk Pengurusan Risiko Pematuhan berhemat.

### 5. KUASA DAN TANGGUNGJAWAB

5.1 Unit Pematuhan mempunyai akses penuh dan langsung kepada semua aktiviti dalam bahagian yang dipertanggungjawabkan termasuk tetapi tidak terhad kepada semua dokumentasi, sistem (contohnya aduan mendaftar, laporan pemberi maklumat dan fail) dan akses kepada pekerja-pekerja Perbadanan yang mana Unit Pematuhan secara munasabah memerlukan untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

5.2 Tugas-tugas khusus berkaitan fungsi pematuhan boleh dikontrak keluar, tetapi ia tetap tertakluk kepada pengawasan sesuai oleh Unit Pematuhan.

### 6. JAMINAN KUALITI

6.1 Unit Pematuhan akan mematuhi semua standard, garis panduan, dasar, prosedur dan arahan yang berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dalaman dan luaran.

### 7. RANGKA KERJA PEMATUHAN

7.1 Berdasarkan Piagam Pematuhan ini, Rangka Kerja Pematuhan akan dilaksanakan sebagai perkara utama bagi Unit Pematuhan, Pengurusan Kanan, Ketua Jabatan dan pekerja-pekerja Perbadanan untuk masing-masing menyelia, mengurus dan menjalankan perniagaan dengan mematuhi sepenuhnya undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan yang menyelia Perbadanan.


# BRANCH NETWORK

## JARINGAN CAWANGAN

Annual Report  
2013

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

354



### CLIENT SERVICE CENTRE/PUSAT KHIDMAT PELANGGAN

Level 2, Bangunan CGC,  
Kelana Business Centre  
No. 97, Jalan SS7/2,  
47301 Petaling Jaya, Selangor

Hotline : 03-7880 0088  
Facsimile : 03-7803 0077  
Person to Contact : Firdaus Abdullah  
E-mail : csc@cgc.com.my

### MAIN BRANCH/CAWANGAN UTAMA

Level 3, Bangunan CGC,  
Kelana Business Centre  
No. 97, Jalan SS7/2,  
47301 Petaling Jaya, Selangor

Phone : 03-7804 8100  
Facsimile : 03-7806 1290  
Person to Contact : A'nas Salehuddin  
E-mail : anas@cgc.com.my

**ALOR SETAR**

5 GF, Kompleks Perniagaan Utama Sultanah Sambungan,  
Lebuhraya Sultanah Bahiyah,  
05350 Alor Setar, Kedah.

Phone : 04-731 2300  
Facsimile : 04-734 1500  
Person to Contact : Norella Shaik Haroon  
E-mail : norella@cgc.com.my

**IPOH**

No. 50, Persiaran Greenhill,  
30450 Ipoh, Perak.

Phone : 05-243 3900  
Facsimile : 05-243 4900  
Person to Contact : Punitha Jeyabalan  
E-mail : punitha@cgc.com.my

**PRAI**

Lot 9G, No. 2782,  
Tmn Inderawasih, Jln Chain Ferry,  
13700 Prai, Penang.

Phone : 04-399 2400  
Facsimile : 04-397 5434  
Person to Contact : Wan Faizah Zakaria  
E-mail : faizah@cgc.com.my

**KUALA LUMPUR**

No.34 A-0-1, Jalan 1/27F,  
Pusat Bandar Wangsa Maju,  
53300 Kuala Lumpur.

Phone : 03-414 96476  
Facsimile : 03-414 91237  
Person to Contact : Amri Ab. Rahman  
E-mail : amri@cgc.com.my

**SEREMBAN**

No. 21, Jln Durian Emas 3,  
Betaria Business Centre,  
70400 Seremban, Negeri Sembilan.

Phone : 06-761 2400  
Facsimile : 06-761 2477  
Person to Contact : Aiza Hj Mat Zip  
E-mail : aiza@cgc.com.my

**MELAKA**

111, Ground Floor, Jalan TMR 24,  
Taman Melaka Raya,  
75000 Melaka.

Phone : 06-284 4300  
Facsimile : 06-283 2205  
Person to Contact : Mohd Haniza Mohd Jaapar  
E-mail : mdhaniza@cgc.com.my

**BATU PAHAT**

No. 20 Jln Maju,  
Tmn Maju Bukit Pasir,  
83000 Batu Pahat, Johor.

Phone : 07-432 2633  
Facsimile : 07-432 3088  
Person to Contact : Khairunizan Mohamed Taufek  
E-mail : khairunizan@cgc.com.my

**JOHOR BAHRU**

46, Jalan Sulam,  
Taman Sentosa,  
80150 Johor Bahru, Johor.

Phone : 07-338 2788  
Facsimile : 07-334 4977  
Person to Contact : Farul Azhan Abdul Kadir  
E-mail : farul@cgc.com.my

356

**KUANTAN**

A-97, Ground Floor,  
Sri Dagangan Kuantan, Jln Tun Ismail,  
25000 Kuantan, Pahang.  
Phone : 09-513 9277  
          : 09-513 3561  
          : 09-513 3724  
Facsimile : 09-513 9577  
Person to Contact : Khalipudza @ Liza Abd. Kahar  
E-mail : khalipudza@cgc.com.my

**KUALA TERENGGANU**

111A, Ground Floor,  
Jln Batas Baru,  
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.  
Phone : 09-625 2400  
Facsimile : 09-625 2399  
Person to Contact : Jamaludin Khalilullah  
E-mail : jamaludin@cgc.com.my

**KOTA BHARU**

P.T. 164 Ground Floor,  
Section 26, Jln Dusun Muda,  
15400 Kota Bharu, Kelantan.  
Phone : 09-743 7730  
Facsimile : 09-743 7752  
Person to Contact : Azman Mohd Ariffin  
E-mail : azman@cgc.com.my

**KUCHING**

192L GF, Lot 468,  
Al-Idrus Commercial Centre, Jln Satok,  
93400 Kuching, Sarawak.  
Phone : 082-424 200  
Facsimile : 082-427 300  
Person to Contact : Mohamed Suffri Mohamed Yusop  
E-mail : suffri@cgc.com.my

**MIRI**

Lot No 789 GF, Block 9 MCLD,  
Bintang Jaya Commercial Centre,  
98000 Miri, Sarawak.  
Phone : 085-421 270  
Facsimile : 085-410 370  
Person to Contact : Jimmy Anak Bundak  
E-mail : jimmy@cgc.com.my

**KOTA KINABALU**

DBKK No. C-G-5 (C16-1), Level 1, Block C,  
Harbour City, Sembulan, Jalan Pantai Baru,  
88100 Kota Kinabalu, Sabah.  
Phone : 088-486 850  
Facsimile : 088-486 851  
Person to Contact : Zairul Hijoo  
E-mail : zairul@cgc.com.my

**SANDAKAN**

Lot 8, Blok 1,  
Jalan Labuk Bandar Indah,  
Mile 4, 90000 Sandakan, Sabah.  
Phone : 089-224 698  
Facsimile : 089-224 963  
Person to Contact : Sri Rahayu Abdul Adjis  
E-mail : rahayu@cgc.com.my

# FORM OF PROXY



## CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD

Company No: 12441-M  
(Incorporated in Malaysia)

I/We \_\_\_\_\_

of \_\_\_\_\_

being a member of the abovenamed Corporation, hereby appoint \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

of \_\_\_\_\_ or failing him/her

\_\_\_\_\_

as my / our proxy to vote for me / us on my / our behalf at the 41<sup>st</sup> Annual General Meeting of the Corporation to be held on Wednesday, 25<sup>th</sup> June 2014, at 12.00 noon and at any adjournment thereof in the manner indicated below.

|              | For | Against |
|--------------|-----|---------|
| Resolution 1 |     |         |
| Resolution 2 |     |         |
| Resolution 3 |     |         |
| Resolution 4 |     |         |
| Resolution 5 |     |         |
| Resolution 6 |     |         |
| Resolution 7 |     |         |

(Please indicate with a cross (x) in the spaces provided whether you wish your votes to be cast for or against the Resolutions. In the absence of specific directions, your proxy will vote or abstain as he thinks fit).

Signed this \_\_\_\_\_ day of \_\_\_\_\_ 2014.

\_\_\_\_\_  
Signature

### Note:

- 1 A member entitled to attend and vote is entitled to appoint a proxy or attorney to attend and vote in its/his/her stead; a proxy or an attorney need not be a member of the Company.
- 2 The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or of his attorney duly authorised in writing or if the appointer is a Corporation under the hand of an officer or attorney of the Corporation.
- 3 The instrument appointing a proxy and the power of the attorney or other authority, if any, under which it is signed, or a notarial certified copy of that power of authority shall be deposited at the Registered Office of the Company – Level 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, not less than 48 hours before the time for holding the meeting or any adjournment thereof.

Fold Here

STAMP

COMPANY SECRETARY

**CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD (12441-M)**

Level 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre

No. 97 Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Fold Here





**Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad**  
(12441-M)

Level 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre  
No. 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603 7806 2300 Fax: +603 7806 3308

[www.cgc.com.my](http://www.cgc.com.my)